

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 14)
USUL: Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Y.B. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datok)</i>	(Halaman 15)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

Yang Berhormat	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi (Kuala Rajang), S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B.
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A (Titivangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
"	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
"	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
"	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
"	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
"	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
"	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
"	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
"	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
"	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
"	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
"	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
"	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
"	Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
Yang Berhormat	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)

- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)

- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A. (Sepang)
- “ Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 14 Mac 2002****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita memulakan pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan saya hendak berucap sedikit iaitu saya dapati semalam hanya enam soalan sahaja yang telah dijawab oleh kementerian. Banyak lagi yang tidak terjawab. Ini tidak seharusnya berlaku kerana ada beberapa soalan yang lain yang patut dijawab tetapi tidak dijawab. Oleh itu, saya pohonlah untuk mengelakkan perjalanan mesyuarat kita, pertanyaan-pertanyaan tambahan janganlah terlampau panjang. Tanyalah apa yang hendak ditanya itu dengan secara ringkas dan spesifik. Jawapan-jawapan dari kementerian juga patutlah jangan terlalu panjang. Jangan jawab apa-apa yang tidak ditanya.

Ada kalanya saya mendengar jawapan-jawapan yang mengandungi dasar kementerian yang cukup panjang, tidak sepatutnya berlaku demikian. Saya dapati soalan-soalan dan jawapan-jawapan di House of Commons, London, semuanya pendek belaka dan banyak soalan yang boleh dijawab. Oleh yang demikian, saya mohonlah kerjasama daripada ahli-ahli dan kementerian juga dalam perkara ini moga-moga lebih elok lagi perjalanan mesyuarat kita.

1. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) apakah nisbah doktor dengan penduduk di Malaysia jika dibandingkan dengan keadaan yang sebenar; dan
- (b) jumlah doktor asing yang berkhidmat secara kontrak di tanah air kita mengikut negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut perancangan, matlamat Kementerian Kesihatan Malaysia ialah untuk mencapai nisbah doktor dan penduduk sebanyak seorang doktor kepada 1,500 orang (1:1,500) pada tahun 2000 dan seorang doktor bagi 900 orang penduduk (1:900) dalam tahun 2010. Nisbah doktor dan penduduk pada 31 Disember 2001 adalah sebanyak seorang doktor kepada 1,811 penduduk (1:1,811).
- (b) Sehingga 28 Februari 2002 terdapat seramai 248 pegawai perubatan asing yang berkhidmat secara kontrak di negara kita. Daripada jumlah tersebut seramai 166 adalah daripada India, 37 daripada Myanmar, 22 daripada Pakistan, 6 daripada Bangladesh, manakala 17 orang lagi daripada Singapura, Indonesia, Sri Langka dan lain-lain. Pegawai perubatan kontrak tersebut ditempatkan bertugas di negeri Sarawak, Sabah dan kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia bagi menampung kekurangan pegawai perubatan tetap yang bersedia untuk berkhidmat di tempat-tempat berkenaan.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Mengikut jawapan tadi, kalau ikut nisbah doktor dengan penduduk patutlah 1:1,500 orang, tetapi 1:1,811 penduduk. Pada hakikat yang sebenar bermakna kita masih perlu banyak lagi doktor di negara kita. Jadi, saya ingin bertanya apakah langkah kementerian selain daripada mengadakan cara-cara untuk mendapatkan doktor dari luar negara. Adakah kementerian merancang supaya di negara kita sendiri dapat mewujudkan lebih banyak tempat di universiti untuk

bidang perubatan supaya dapat menambah banyak lagi doktor di negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah sementara kerajaan telah bersetuju untuk mengambil seramai 1,409 orang doktor kontrak dari luar negara dan bagi langkah jangka panjang memang perancangan telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan dan juga bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan untuk meningkat dan menambahkan bilangan graduan perubatan daripada universiti-universiti tempatan dan pada masa yang sama kita juga mengiktirafkan lebih banyak universiti dari luar negara.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya berhubung dengan doktor pakar daripada segi nisbah kependudukan doktor pakar ini dan usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan khususnya untuk menarik pihak doktor asing daripada kalangan doktor pakar untuk bertugas di negara kita.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai statistik berkaitan dengan nisbah khusus tentang doktor pakar kepada penduduk. Tetapi kementerian telah pun memulakan satu program di mana kita menggalakkan doktor-doktor kita untuk mengikuti kursus sarjana di universiti-universiti tempatan di mana lebih kurang 400 orang dipilih setiap tahun untuk menangani masalah kekurangan doktor pakar. Saya rasa dalam sedikit tempoh masa lagi atau dalam beberapa tahun lagi kita boleh menangani masalah kekurangan doktor di negara kita. Buat masa ini, sebagai insentif kalau kita ada kekurangan doktor pakar dalam bidang-bidang tertentu kita juga menggalakkan doktor pakar daripada luar negara untuk berkhidmat di negara kita.

2. **Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh manakah seriusnya gejala ceti haram (*loan sharks*) beroperasi dalam masyarakat kita dan adakah pihak kementerian bercadang menubuhkan sebuah badan yang berupaya melindungi pengguna atau menyediakan kemudahan kewangan berskala kecil kepada pengguna daripada berhutang kepada ceti haram.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan beberapa soalan lain yang berkaitan perkara yang sama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut, soalan nombor 36 daripada Yang Berhormat bagi Larut pada 28 Mac 2002, soalan 3 daripada Yang Berhormat bagi Temerloh pada 2 April 2002, soalan 18 daripada Yang Berhormat bagi Machang pada 3 April 2002, soalan 25 daripada Yang Berhormat bagi Kuala Selangor pada 3 April 2002 dan soalan 45 daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading pada 8 April 2002.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan pemberi pinjaman wang termasuklah ceti adalah tertakluk di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, kuasa untuk melesenkan peniaga pemberi pinjaman wang ini telah diturunkan kepada pihak berkuasa negeri-negeri dan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Dalam hal ceti haram ataupun *loan sharks*, dengan izin, gejala ini dipercayai telah wujud sejak sekian lama dan banyak kes yang berlaku tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa menyebabkan perangkaan yang tepat tidak dapat diperolehi. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan sedar tentang kewujudan gejala ceti haram dalam negara pada masa kini dan pihak berkuasa termasuk pihak polis sedang mengambil tindakan sewajarnya untuk membendung masalah ini.

Untuk menangani masalah tersebut kementerian ini merasakan bahawa asas utama adalah untuk meminda peruntukan undang-undang bagi perkara berkaitan. Ini adalah kerana peruntukan undang-undang yang sedia ada didapati tidak mencukupi untuk bertindak terhadap pesalah di bawah akta ini. Untuk tujuan ini, pada ketika ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang giat melakukan usaha untuk meminda peruntukan dan kaedah di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 bagi memperkemas dan memperketatkan peruntukan undang-undang yang sedia ada dengan memberikan kuasa yang lebih besar dan lebih luas kepada badan penguat kuasa undang-undang termasuk pihak polis bagi mengekang kegiatan berkenaan, di

samping mengenakan denda dan hukuman yang lebih berat kepada pesalah-pesalah yang menjalankan kegiatan ceti haram dan juga bagi sesiapa yang memeras ugut atau mencederakan peminjam wang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, usaha ini telah pun berada di peringkat akhir dan kementerian berharap perkara ini akan dapat diselesaikan secepat mungkin. Berhubung dengan syor untuk mewujudkan skim kemudahan kewangan berskala kecil kepada pengguna ianya akan diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak menteri tadi bahawa ceti haram ini telah lama berleluasa di negara kita tetapi tindakan serius kalau kita perhatikan belum lagi diambil termasuklah undang-undangnya dan banyak kes yang kita lihat yang meminjam daripada ceti haram ini terlibat dengan pembunuhan diri dan dibunuh. Ada yang bunuh diri dan ada yang dibunuh kerana tidak berupaya membayar balik pinjaman yang begitu tinggi kepada ceti haram. Jadi, setakat ini adakah kes-kes yang melibatkan ceti haram dengan kes-kes pembunuhan yang terlibat dengan pengambilan melalui ceti haram ini telah pun dibawa ke mahkamah dan tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak mahkamah atau pihak kerajaan terhadap peminjam atau yang memberi pinjam melalui ceti haram ini. Saya ingin penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan daripada pihak Polis Diraja Malaysia antara tahun 1997 hingga tahun 2001 sejumlah 54 kes yang berkaitan telah dituduh di mahkamah. Peminjam yang dilaporkan dibunuh oleh *loan sharks* ada dua. Tetapi nampaknya lebih pemberi pinjaman atau 'Along' ini dibunuh iaitu 10 kes pembunuhan, iaitu Along dibunuh oleh orang lain. Jumlah *loan sharks* yang aktif mengikut anggaran polis ialah 433 kes antara tahun 1997 dan 2001.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan polis hanya boleh ambil tindakan hanya di bawah akta, hukumannya yang begitu kecil sekali, denda RM1,000 ataupun penjara 12 bulan. Itu sebabnya saya cadangkan pinda undang-undang ini sehingga hukuman penjara lebih tinggi dan sebat supaya sesiapa sahaja yang melakukan peras ugut, kalau mencederakan peminjam dia boleh disebat. Jadi, perkara ini sedang diusahakan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya soalan tambahan, sama ada benar syarikat-syarikat yang berlesen juga beroperasi seperti ceti haram ini kerana ada maklumat yang membabitkan ramai peminjam yang terdesak termasuk kakitangan kerajaan, contohnya meminjam RM1,500 terpaksa bayar sampai RM4,800 sebagai contoh.

Tadi, Yang Berhormat ada mengatakan bahawa satu rang undang-undang akan dilaksanakan tidak lama lagi, jadi saya minta supaya adakah perkara ini benar yang membabitkan syarikat-syarikat yang berlesen beroperasi sedemikian rupa kerana ini akan mengancam mereka yang terdesak untuk mendapatkan pinjaman. Dan ini sudah tentu bertentangan dengan kehendak kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod kementerian, sehingga hari ini terdapat 1,917 lesen pemberi pinjam wang yang diwartakan, tetapi mengikut bahagian penguatkuasaan, jarang kita mendengar aduan terhadap mereka yang benar-benar ada lesen, yang bermasalah ialah mereka yang tidak ada lesen, mereka beri sahaja beri wang, meminjamkan wang kepada orang lain dan itu sebabnya, undang-undang baru ini kita akan masukkan peruntukan baru bagi mereka yang tidak ada lesen tetap akan dihukum dengan beratnya.

3. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta Menteri Kerja Raya menyatakan dalam perjanjian Butterworth Outer Ring Road antara syarikat konsesi dengan kerajaan, sama ada kerajaan ada memberi subsidi seperti tanah dan kewangan kepada syarikat konsesi, bagaimana pula dengan pampasan dan sagu hati diberi kepada penghuni-penghuni dan tuan tanah yang terlibat.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah perjanjian konsesi kerajaan akan membiayai kos pengambilan tanah projek Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth. Setakat ini, sebanyak RM129.82 juta telah dibelanjakan untuk maksud tersebut.

Adalah dianggarkan kos keseluruhan pengambilan tanah projek ini, termasuk bayaran tambahan melalui perintah mahkamah akan mencapai ke paras RM168.3 juta.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah memberikan pinjaman kewangan berjumlah RM86 juta kepada syarikat konsesi untuk tujuan pembinaan Lebuh raya Lingkaran Luar Butterworth. Kedua-dua kemudahan ini diberi oleh kerajaan bagi memastikan kadar tol yang akan dikenakan nanti adalah berpatutan.

Mengikut perjanjian konsesi antara syarikat konsesi dengan kerajaan yang ditandatangani pada 28 April 1997, kerajaan hanya bertanggungjawab ke atas bayaran pampasan pengambilan tanah bermilik sahaja. Pemilik-pemilik tanah yang terlibat telah dibayar pampasan mengikut perintah yang ditawarkan oleh pentadbir tanah mengikut kadar nilai pasaran semasa tanah.

Bagi masalah penyelesaian setinggan di atas tanah milik dan tanah kerajaan, adalah tanggungjawab syarikat konsesi serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Rayston Consortium (Butterworth) Sdn. Berhad (RCSB) iaitu anak Syarikat Lingkaran Luar Butterworth (Penang) Sdn. Berhad telah menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk merangka serta melaksanakan program penyelesaian setinggan tersebut.

Setinggan-setinggan ini akan ditempatkan secara kekal di Pantai Bersih dan Bagan Jermal dalam daerah Seberang Perai Utara oleh Rayston Consortium (Butterworth) Sdn. Bhd. (RCSB) sebagaimana yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sebelum penempatan kekal boleh dilaksanakan, satu program penempatan semula sementara telah dan akan dijalankan oleh RCSB untuk setinggan-setinggan yang layak adalah seperti berikut:-

- (i) Rumah transit di Desa Wawasan, Sungai Rambai, Seberang Prai Tengah –
Ianya adalah rumah pangsa kos rendah yang siap dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- (ii) Rumah Panjang di Ampang Jajar Seberang Prai Utara –
Ianya disediakan khusus kepada setinggan yang tidak berkemampuan dan kosnya ditanggung sepenuhnya oleh RCSB.
- (iii) Rumah Sewa Pilihan Sendiri –
Bagi setinggan-setinggan yang memilih mendiami rumah sewa pilihan sendiri, mereka akan dibayar subsidi sewaan rumah.

Setinggan-setinggan yang layak akan ditawarkan membeli rumah kos rendah, kos sederhana rendah atau kos sederhana dengan syarat mereka belum atau tidak memiliki rumah yang akan dimajukan oleh RCSB. Penempatan kekal ini adalah di atas satu kawasan tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terletak di Pantai Bersih seluas lima ekar iaitu Site A dan tanah Kerajaan Negeri di Jalan Bagan Jermal seluas 13 ekar iaitu Site B di daerah Seberang Prai Utara, Pulau Pinang.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri yang rajin datang untuk menjawab soalan setiap kali.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan di sepanjang pantai Kampung Gajah dan Bagan Ajam juga terdapat pangkalan-pangkalan nelayan, apabila lebuh raya BORR ini disiapkan maka bermakna nelayan-nelayan tidak boleh melangkah lebuh raya untuk pergi ke pantai-pantai untuk mencari rezeki. Adakah kerajaan berhasrat untuk mencari tapak alternatif untuk nelayan-nelayan yang berpangkalan di sepanjang pantai Bagan Jermal dan Kampung Gajah?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu nelayan-nelayan, perkara ini diletak dalam tangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, mereka berjanji akan mengambil tindakan yang sewajar untuk memberi kemudahan kepada mereka, di mana mereka meneruskan tindakan-tindakan untuk mendapat rezeki mereka.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. bolehkah Yang Berhormat Menteri memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, dalam perjanjian konsesi lebuh raya ini, sama ada kerajaan

dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada syarikat konsesi jika kutipan tol kurang dari apa yang dijangkakan, dan sama ada ada syarat untuk mengalihkan keuntungan jika tol yang dikutipkan tinggi dari apa yang dijangkakan. Sila berikan butir-butir yang lanjut.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, biasanya pada masa dahulu jikalau ada juga kerja-kerja seperti ini, kita rasa ada juga satu tahap untuk mengutip tol, jikalau mereka dapat mengutip sehingga ke tahap kita tidak payah ganti rugi kepada mereka, kalau mereka dapat lebih daripada itu, kelebihan itu akan diberikan di antara kerajaan dengan syarikat, tetapi sekarang ini kerajaan tidak berminat untuk memberi apa-apa pampasan kepada mana-mana syarikat, syarikat ini mesti mengambil kira mereka berminat baru sahaja kita beri kerja, jikalau tidak kita tidak memberi kerja kepada mereka.

4. Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun] minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kerajaan bercadang meminta Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) mewujudkan Mahkamah Islam Antarabangsa (IICJ) bagi mengadili dan mengatasi pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh negara-negara umat Islam.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan dari Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini, bahawa Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) telah pun menubuhkan Mahkamah Islam Antarabangsa (IICJ) pada tahun 1981 semasa sidang kemuncak ketiga ketua-ketua negara OIC di Mekah almuqarramah Arab Saudi.

Mahkamah ini terdiri dari tujuh anggota yang diputuskan oleh Mesyuarat Menteri-menteri Luar OIC dan ibu pejabat Mahkamah Islam Antarabangsa ini terletak di Kuwait.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan walaupun Persidangan Negara-negara OIC telah menubuhkan IICJ ini tetapi hingga setakat ini IICJ agak kurang berkesan dan beberapa negara OIC telah menyelesaikan masalah mereka melalui Mahkamah Antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahannya, di kalangan negara-negara OIC ini adakah pihak kementerian mempunyai suatu kajian yang menyeluruh dari sudut model terbaik untuk kita jadikan contoh di dalam sistem mahkamah atau pelaksanaan sistem kehakiman Islam ini sebagai suatu asas penguatkuasaan sistem mahkamah ini bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dia tidak berfungsi langsung bagaimanakah dia boleh menjadi model yang baik ya? Sila jawab, hendak jawabkah? *[Ketawa]*

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, memang usaha dalam pada masa kini di Mesyuarat ICFFM atau Menteri-menteri Luar Negara OIC dan juga jawatankuasa teknikalnya masih lagi terus menimbangkan mengapakan ada kelemahan-kelemahan atau apa perlunya diperkuatkan dalam sistem ini.

5. Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan] minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang akan dibelanjakan untuk meningkatkan infrastruktur-infrastruktur di Sabah pada tahun ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat bagi membantu merangsang ekonomi Sabah yang kian lembap.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sandakan, peruntukan yang disediakan bagi meningkatkan infrastruktur di negeri Sabah dalam tahun 2002 adalah sebanyak RM505.012 juta atau 21.04% daripada *ceiling* peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan berjumlah RM2.40 bilion.

Selain daripada menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk meningkatkan pembangunan di negeri Sabah, antara langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu merangsangkan ekonomi negeri Sabah adalah seperti berikut:-

- (i) Menyediakan peruntukan di bawah pakej *preemptive* pada tahun 2001 dengan jumlah RM115.785 juta untuk melaksanakan projek-projek kecil luar bandar dan juga bandar. Daripada peruntukan ini, Kerajaan Negeri Sabah telah

meluluskan 3,409 projek dengan anggaran kos RM110.626 juta dan pada akhir tahun 2001 sebanyak 3,311 projek telah disiapkan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM110.098 juta. Pelaksanaan projek-projek ini telah dapat merangsang dan menjana ekonomi Kerajaan Negeri Sabah.

- (ii) Meluluskan permohonan Kerajaan Negeri Sabah untuk mendapatkan pendahuluan daripada Kumpulan Wang Pendahuluan Negeri bagi mengatasi masalah aliran tunai semasa;
- (iii) Membantu Kerajaan Negeri Sabah untuk mengatasi tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan seperti mana yang dilakukan kepada negeri-negeri yang lain; dan
- (iv) membantu Kerajaan Negeri Sabah untuk meningkatkan pengurusan kewangannya dengan tujuan untuk mengurangkan kehilangan hasil yang merugikan kerajaan negeri itu.

Terima kasih.

Datuk Lau Ngan Siew: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Perbelanjaan infrastruktur hanya mengambil kira projek-projek di bawah Jabatan Kerja Raya sahaja. Bagaimana pula dengan projek-projek di bawah kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Kesihatan, berapa bilangan projek dan kos yang terlibat dan berapa bilangan projek infrastruktur di dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk Parlimen Sandakan sahaja. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, untuk projek pendidikan misalnya, kita ada 18 buah projek yang dianggarkan berharga sebanyak RM3.438 bilion. Dan untuk projek kesihatan, kita ada di negeri Sabah anggaran yang telah diluluskan sebanyak RM122,012,000.

Untuk Kementerian Kesihatan Sandakan sahaja kita ada lima projek.

Pertamanya, Kementerian Kesihatan di Sandakan pertamanya, Asrama Sekolah Jururawat Sandakan, Klinik Kesihatan Sandakan, Blok Wad Lima Tingkat Hospital Sandakan, Rumah Mayat Hospital Sandakan, Stor Integrasi Sandakan.

Dan bagi projek-projek yang lain, kita ada memperbaiki jalan dari Batu 32 Sandakan, kita ada membina jalan lintas Sibuga-Sandakan, pembaikan cerun-cerun jalan Sandakan, membina Sandakan Northern Ring Road, naik taraf Jalan Labok-Sandakan. Ya, itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Bandar Sandakan adalah merupakan salah satu bandar di pantai timur selain daripada Tawau. Untuk menunjukkan Sandakan cuma ada satu batang jalan iaitu Batu 32 seperti yang telah dimaklumkan, jalan ini dibina berpuluh-puluh tahun. Saya pernah terserempak dengan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya meninjau jalan ini, tetapi jalan ini sampai sekarang tidak baik-baik malahan banyak orang yang kemalangan, ada yang mati. Tiap-tiap hari ada, sebab tanahnya selalu runtuh.

Soalan tambahan. Tidakkah kerajaan berhasrat untuk memberi peruntukan bagi membina jalan alternatif kerana jalan ini saya tengok sudah tidak boleh dilalui. Tidak boleh lagi.... [disampuk]. Bukan Barisan Alternatif.

Tuan Yang di-Pertua: Mmm... cukup!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Jalan itu tidak lagi boleh digunakan melainkan jika ada peruntukan baru daripada kementerian kerana bandar ini berkembang pesat hari demi hari. Ada satu batang jalan sahaja. Jadi kena ada jalan lain, jalan ini saya rasa Menteri Kerja Raya pun nampaklah tidak boleh lagilah. Ia ditambah macam pun, runtuh juga. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat atas kepekaan itu dan kita harapkan nanti Jabatan Kerja Raya akan berikan laporan kepada Kementerian Kewangan. Jadi JKR akan siasat.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sekalian, dalam Majlis Kewangan Negara (MKN) pada 11 Disember 2001, saranan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan agar kerajaan-kerajaan Negeri meningkatkan usaha mengurangkan tunggakan hasil.

Kerajaan Negeri diminta mengadakan beberapa mesyuarat dengan agensi-agensinya yang bertanggungjawab dengan pungutan hasil seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Pertanian dan semua kuasa tempatan agar mereka mengambil tindakan tegas menguatkuasakan undang-undang yang membolehkan mereka bertindak memungut tunggakan-tunggakan hasil berkenaan. Kalau misalnya hasil tidak dipungut, mengharapkan semata-mata pemberian daripada kerajaan Persekutuan, kita mintalah kalau boleh semua Kerajaan Negeri mempertingkatkan hasil-hasil mereka. Terima kasih.

6. **Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kerajaan sudah mempunyai cara penyelesaian untuk mengatasi masalah penutupan Pusingan U Sementara Kelana Jaya setelah perjanjian bagi penggunaan tanah tersebut tamat pada 3 Februari 2002. Siapakah di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Majlis Perbandaran yang akan melaksanakannya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S.Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mengenal pasti keperluan untuk membina persimpangan bertingkat di Jalan Bahagia, Kelana Jaya, di Lebuhraya Damansara-Puchong bagi menggantikan pusingan U sementara yang sedia ada yang dibina untuk kemudahan penduduk-penduduk tempatan.

Persimpangan ini sepatutnya dibina oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) melalui sumbangan pemaju-pemaju di kawasan berkenaan. Memandangkan kegagalan MPPJ untuk melaksanakan projek ini, Kementerian Kerja Raya bersetuju melaksanakannya.

Sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, projek ini dilaksanakan oleh pemaju. Mula-mulanya pemaju berjanji beliau akan menyiapkan jalan ini apabila selesai pembinaan rumah-rumah. Sudah selesai pembinaan rumah, dia tidak ada di sana lagi [*Ketawa*].

Jadi Tuan Yang di-Pertua, mereka gagal dan cadangan tersebut untuk kelulusan Unit Perancang Ekonomi telah dihantar oleh Kementerian Kerja Raya. Persimpangan ini akan dibina sebaik sahaja kelulusan diterima daripada Jabatan Perdana Menteri bagi mengatasi penutupan pusingan U sementara berikutan perjanjian penggunaan tanah tersebut telah tamat pada 3 Februari 2002.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, mereka iaitu MPPJ telah berjanji selepas 3 Februari 2002, mereka akan bayar pampasan kepada pemaju RM5,000 ganti rugi setiap hari. Itu bererti RM150,000 sebulan. Semua janji sahaja tetapi tidak berlaku apa yang berlaku [*Ketawa*].

Kementerian Kerja Raya telah memohon pihak Majlis Perbandaran Petaling Jaya terus mengekalkan sehingga pembinaan persimpangan tersebut siap. Sementara itu, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia, Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Syarikat Konsesi Litrak telah diarahkan mengkaji lokasi baru yang sesuai untuk disediakan pusingan U sementara yang baru jika pihak pemaju masih memerlukan tanah mereka untuk dibangunkan.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih kepada jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat. Saya difahamkan pemilik tanah yang berkenaan iaitu Hicom Menang Properties telah membuat keputusan terakhir, mereka akan mengambil balik tanah yang berkenaan pada Jun tahun ini walaupun *interchange* yang dicadangkan belum siap dibina ataupun belum diluluskan. Oleh itu semua *traffic* di tempat itu tentu akan dialihkan ke *interchange* Taman Megah dan ke *interchange* Majlis yang di hadapan Western Digital, dan ini akan memburukkan lagi keadaan *traffic* di tempat berkenaan.

Oleh itu, memandangkan Yang Berhormat Menteri adalah seorang Menteri yang begitu prihatin, bolehkah saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri berbincang dengan Hicom Menang Properties atau beri arahan kepada syarikat itu kerana tidak dibenar mengambil balik tanah itu sebelum *interchange* siap dibina. Dan apakah pendekatan yang kerajaan akan ambil untuk memastikan pemaju melaksanakan perjanjian mereka?

Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S.Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, satu kesalahan telah berlaku iaitu mengadakan perjanjian dengan pemaju. Itu adalah satu kesalahan. Kesalahan yang kedua, Majlis Perbandaran Petaling Jaya telah meluluskan satu pembangunan untuk tapak itu tanpa merujuk kepada Kementerian Kerja Raya! *[Keadaan Dewan gamat seketika]*. Mana-mana kemajuan di sebelah jalan raya dipunyai oleh Persekutuan iaitu Kerajaan Persekutuan mesti dirujuk kepada Kementerian Kerja Raya untuk mendapatkan kelulusan. Tahukah? *[Dewan gamat sekali lagi]*.

Saya tanya Ahli Yang Berhormat, Dosa siapa? Bukan saya punya dosa. *[Dewan gamat dengan ketawa]*. Jadi baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengadakan perbincangan dengan syarikat tersebut. Saya minta syarikat itu mesti memberi satu jalan untuk jalan yang sedia ada. Mereka kata mereka akan menjual tanah itu kepada pihak yang lain. Saya minta kepada pihak Majlis Perbandaran, bila mereka merancang untuk menjual kepada pihak yang lain, tarik balik kelulusan! Tarik balik kelulusan sampai satu tahap yang kita selesai jalan ini.

Saya tidak mendapat apa-apa jawapan. Jikalau mereka tidak selesaikan hal ini saya akan memohon kepada kerajaan untuk mengambil balik tanah itu. Dengan itu sudah selesai. Ini saya buat oleh kerana Yang Berhormatlah.

Beberapa Ahli: *[Sorak dan ketawa]*.

Puan Chew Mei Fun: *[Bangun dan menundukkan kepala sebagai tanda terima kasih]*.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*. Ya, ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri yang sudi memberitahu kebenaran apa yang telah berlaku di dalam kementerian supaya kita di sini semua tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya, Yang Berhormat? Ya.

Puan Chong Eng: Ya. Soalan tambahannya ialah adakah perkara ini juga berlaku di tempat yang lain, berapa kali, apakah sebenarnya kerana ke atas kesalahan ini? Apakah yang perlu diambil tindakan ke atas Majlis Perbandaran Petaling Jaya ini supaya diberi satu ajaran atau amaran supaya kesalahan seperti ini tidak berlaku lagi? Tidak boleh dibiarkan begitu sahaja! Kalau ada kesalahan, mesti dihukum!

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah!

Puan Chong Eng: Apakah tindakannya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup.

Puan Chong Eng: Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*.

Dato' Seri S.Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kesalahan seperti ini tidak berlaku di tempat yang lain. Oleh kerana banyak pihak berkuasa tempatan ada juga rancangan di tepi jalan Persekutuan, mereka rujuk kepada kita untuk mendapat nasihat daripada kita. Walau bagaimanapun, saya percaya majlis perbandaran tidak berminat untuk merujuk kepada kita oleh kerana mereka percaya ini ada dalam bidang kuasa mereka dan juga mereka menjalankan kuasa itu mengikut undang-undang yang sedia ada. Tetapi mereka tanpa pengetahuan, iaitu jikalau ada juga apa-apa kemajuan di tepi jalan Persekutuan mesti dirujuk, mereka tidak buat. Walau bagaimanapun, saya sudah menulis surat melalui kementerian saya untuk menarik balik kelulusan yang telah diberi.

[Soalan No. 7 - Y.B. Dato' Ir. Mohd. Zin Bin Mohamed [Shah Alam] – tidak hadir]

8. Datuk Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kesan akibat kebakaran khususnya melibatkan belukar dan hutan yang berlaku sejak awal Februari 2002 dan apakah langkah-langkah untuk membanteras kejadian tersebut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa kejadian kebakaran khususnya yang melibatkan belukar dan hutan yang berlaku pada awal Februari 2002 yang lalu telah menyebabkan beberapa masalah antaranya satu kualiti udara di beberapa kawasan terlibat khususnya di Lembah Klang dan Kuala Selangor berada pada tahap tidak sihat untuk beberapa waktu yang boleh menjejaskan masalah kesihatan seperti sesak nafas, pedih mata dan beberapa masalah kesihatan yang lain, juga mengganggu dari segi jarak penglihatan. Selain dari itu, kemusnahan pokok-pokok dan hutan telah menyebabkan gangguan dari segi ekologi. Untuk makluman, bahawa kerajaan menerusi Jabatan Alam Sekitar serta beberapa agensi yang lain terus melaksanakan dan mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah-masalah berikut. Di antaranya:

- (i) pihak kerajaan terus meningkatkan lagi kerja-kerja pemantauan melalui udara, rondaan darat dan kawalan ke atas kawasan yang berisiko tinggi dan berkemungkinan berlakunya kebakaran;
- (ii) meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan tindakan juga bagi mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran terus dijalankan untuk memberi makluman kepada orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka;
- (iii) pihak kerajaan juga telah mengeluarkan perintah larangan kepada semua bentuk aktiviti pembakaran terbuka kecuali pembakaran mayat dan upacara keagamaan berkuat kuasa mulai dari 18 Februari 2002 sehingga satu tempoh yang akan diberitahu kelak berpandukan keadaan cuaca.

Untuk makluman seterusnya bahawa kementerian ini juga sedang mengambil tindakan untuk memaklumkan kepada tuan-tuan punya tanah dan ladang-ladang tertentu untuk sentiasa menjaga kawasan masing-masing sebagai langkah mencegah kebakaran. Terima kasih.

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Selain daripada kebakaran sekarang ini timbul lagi masalah iaitu kekurangan air. Dalam banyak kebakaran, hendak padam kebakaran air pula tidak ada. Jadi, soalan saya ialah apakah langkah yang kementerian boleh lakukan selain daripada mengadakan hujan tiruan, apakah pilihan yang lain? Adakah hendak pakai bomoh hujankah atau bagaimana? Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi satu perkara yang biasanya dibuat secara bertentangan. maknanya berlawanan. Biasanya orang mengambil bomoh hujan untuk menolak hujan, bukan memanggil hujan. Oleh sebab itu mungkin juga hujan melarikan diri sekarang ini kerana banyak sangat acara yang dibuat memanggil bomoh hujan.

Bagaimanapun kalau hendak dikatakan berusaha dengan cara mengadakan sembahyang hajat untuk minta hujan, itu satu usaha yang boleh dilaksanakan.

Selain daripada itu masalah kekurangan air yang antara sebabnya ialah kerana keadaan musim kemarau yang sedang berlaku. Yang kedua seperti yang telah saya sebutkan juga tadi dengan berlakunya kebakaran hutan dan juga penebangan kawasan-kawasan hutan yang mengganggu keadaan ekologi di mana kekurangan hujan berlaku dan juga masalah-masalah seperti yang kita hadapi pada hari ini akibat daripada sama ada kebakaran ataupun penebangan-penebangan kawasan yang sepatutnya dirizabkan dan sebagainya.

Satu lagi langkah yang sedang diusahakan ialah untuk di mana kajian telah pun diadakan untuk mencari sumber daripada bekalan air bawah tanah. Ini sebagai satu alternatif yang akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah kekurangan air yang berlaku kesan daripada musim kemarau sekarang. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah keluasan tanah hutan dan belukar dan tanaman pertanian yang terbakar sepanjang tempoh setahun yang lalu dan anggaran kerugian. Apakah tindakan kementerian selanjutnya untuk membangunkan semula hutan tersebut? Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan semua maklumat dengan tepat dan saya akan memberikan secara bertulis kepada Yang Berhormat jumlah keluasan hutan dan ladang-ladang yang terbakar sepanjang tahun yang lepas dan juga anggaran jumlah kerugian. Saya akan bagi secara bertulis apabila saya mendapat maklumat ini. Terima kasih.

9. Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu] minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pendeposit Tabung Haji dan jumlah simpanan hingga 31 Disember 2001. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap pelaburan Tabung Haji.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat wakil dari Setiu, jumlah pendeposit Tabung Haji sehingga 31 Disember 2001 adalah seramai 4,342,889 orang dan jumlah simpanan sehingga tempoh yang sama adalah sebanyak RM10.5 bilion. Tabung Haji percaya rakyat masih berkeyakinan terhadap pelaburan yang diceburi oleh Tabung Haji.

Ini dapat dilihat sendiri dengan pertumbuhan jumlah simpanan yang dibuat oleh rakyat yang menabung di Tabung Haji telah bertambah semenjak tahun 1997 seperti berikut:

Tahun		Simpanan
1997	-	RM5.7 bilion
1998	-	RM6.7 bilion
1999	-	RM7.9 bilion
2000	-	RM9.5 bilion
2001	-	RM10.5 bilion

Walau bagaimanapun, untuk menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan, Tabung Haji akan menyediakan diri supaya lebih kompetitif dan efektif dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai sebuah institusi tabungan. Justeru itu Tabung Haji sedang mengkaji semula strategi dan kedudukan pelaburan bagi memastikan pulangan pelaburan tersebut mampu memberi pulangan yang munasabah dengan penekanan lebih terhadap pengurusan, risiko dan operasinya.

Antara langkah-langkah yang sudah diambil ialah dengan penstrukturan semua anak-anak syarikat milik Tabung Haji. Anak-anak syarikat yang mempunyai aktiviti yang sama akan digabungkan menjadi satu. Ini akan dapat mengurangkan pertindihan sumber dan mengurangkan pembaziran apabila penggabungan ini selesai kelak.

Tabung Haji juga sedang mengkaji untuk menjual dan menutup anak-anak syarikat yang mengalami kerugian. Di waktu yang sama, anak-anak syarikat yang layak akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur atau pun BSKL. Di samping itu, Tabung Haji juga telah melantik Price Waterhouse Coopers bagi mengkaji dan memberi pandangan mengenai pelaburan sedia ada dan langkah-langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan lagi prestasi pelaburan sedia ada. Pada peringkat ini juga merangkumi kajian ke atas operasi, kewangan, sumber manusia dan teknologi maklumat yang mana matlamatnya adalah semata-mata untuk memperkukuhkan lagi struktur Tabung Haji. PWC dijangka akan dapat mengeluarkan laporan mereka kepada pengurusan Tabung Haji dalam bulan April 2002.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum, keanggotaan panel pelaburan Tabung Haji juga telah disusun semula oleh kerajaan pada penghujung tahun 2001, yang mana keanggotaannya adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang pelaburan. Oleh itu diyakini bahawa pemantauan pelaburan Tabung Haji di masa hadapan akan lebih mantap dan berdaya maju. Terima kasih.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen. Sepatutnya yang datang menjawab soalan ini ialah sepatutnya menteri sendiri sebab ianya melibatkan pelaburan terbesar umat Islam hampir 5 juta orang dan pelaburan melebihi

RM10 bilion. Saya ucapkan tahniah kepada Menteri Kerja Raya dan Menteri Pembangunan Usahawan yang sentiasa menjawab soalan-soalan yang seumpama ini.

Soalannya adalah suatu yang memalukan kita dalam suasana ekonomi yang kita katakan sebagai ekonomi yang mantap, fundamentalnya kuat, tiba-tiba Tabung Haji mengumumkan dividen terendah dalam sejarah penubuhannya. Adakah ini ada kaitan dengan pelaburan kita di tempat-tempat yang sepatutnya kita tidak melabur? Boleh atau tidak Yang Berhormat berikan sekurang-kurangnya tiga syarikat ataupun tiga projek kita di mana kita membuat pelaburan mengalami kerugian terbesar yang menyebabkan dividen begitu rendah.

Yang kedua, adakah pihak Tabung Haji mendengar ataupun mendapat setiap pelaburan yang dibuat mendapat kelulusan yang dibuat *due diligence* umpamanya oleh jawatankuasa pelaburan dan apakah pelaburan itu terikat dengan *recommendation* dengan izin daripada jawatankuasa pelaburan ataupun ada tangan-tangan tertentu yang boleh mengarahkan Tabung Haji untuk membuat pelaburan di tempat-tempat yang tidak mendapat pandangan ataupun ulasan daripada pihak jawatankuasa pelaburan. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat soalan menteri jawab kah saya jawab, tak timbul kerana soalan yang kami dipertanggungjawabkan, saya dengan menteri ada 37 soalan. Saya hanya menjawab 10 soalan sahaja, 27 menteri akan jawab. Hari ini soalan 22, menteri akan jawab. Jadi jangan dipersoalkanlah benda-benda yang kita punya urusan ini.

Yang Berhormat, mengenai dividen, sebenarnya Tun, ini ada soalan khas mengenai dividen ini. Kita ada satu soalan, saya lupa ada seorang Ahli Yang Berhormat bertanya dividen. Insya-Allah kalau tak silap saya daripada Kuala Terengganu bertanya soalan ini. Kita akan jawab 'spesifik' mengenai mengapa kita bagi 3.5%.

Mengenai pelaburan, saya ingin jelaskan bahawa Tabung Haji ada sistem (peraturan) bagaimana sesuatu pelaburan dibuat. Jika ada satu-satu proposal ianya pertama sekali akan dihantar kepada Jabatan Pelaburan. Jabatan Pelaburan ini akan membuat kajian sama ada cadangan itu *viable* ataupun tidak. Kalau difikirkan tidak menguntungkan Tabung Haji, maka dia ditolak. Seandainya didapati dia menguntungkan Tabung Haji barulah diangkat kepada Jawatankuasa Pelaburan. Jawatankuasa Pelaburan sekali lagi akan menapis sama ada cadang yang dikemukakan oleh Jabatan Pelaburan ini sesuai ataupun tidak.

Jika Jawatankuasa Pelaburan mendapati ianya memberikan keuntungan kepada Tabung Haji ianya diangkat pula kepada Ahli Lembaga Pengarah. Ahli Lembaga Pengarah sekali lagi akan mengkaji, kalau didapati cadangan daripada Jawatankuasa Pelaburan tidak munasabah dia akan tolak cadangan ini. Lepas Lembaga Pengarah Tabung Haji mendapati ianya baik dan menguntungkan Tabung Haji, akan diangkat pula kepada pihak Menteri. Jika ianya melibatkan pelaburan-pelaburannya yang besar, kemungkinan pula ia akan diangkat kepada Kabinet untuk mendapatkan kelulusan.

Jadi ini langkah-langkah yang telah pun disusun oleh Tabung Haji. Jika ada pelaburan-pelaburan yang tidak mengikut *steps* ini, maka ianya sudah tentu pelaburan yang tidak mengikut struktur yang telah ditetapkan oleh Tabung Haji. Terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tun. Terima kasih Yang Berhormat. Kita tahu bahawa Tabung Haji tidak rugi bahkan simpanan dalam tabung haji ini secara ikhlasnya adalah untuk amal ibadat kita dengan Allah SWT. Jadi saya minta sama ada Tabung Haji boleh membuat satu gerakan kempen kepada seluruh umat Islam bahawasanya soal simpanan dalam Tabung Haji ini tidak rugi kecuali oleh pihak-pihak tertentu yang mencari publisiti murah untuk kepentingan politik mereka. Jadi saya minta supaya Tabung Haji sama ada boleh buat satu kempen besar-besaran ke arah bagaimana kita menyimpan wang dalam Tabung Haji ini bukan semata-mata untuk mendapat pulangan pelaburan, semata-mata kerana hendak mendaftarkan diri menunaikan haji sebagai memenuhi kehendak Islam. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat daripada Larut. Saya kira Tabung Haji tidaklah rugi banyak. Kita boleh bagi juga 3.5% kalau kita

bandingkan dengan Amanah Saham Darul Iman, langsung tak boleh bagi dividen. Ini hendak kena kajilah kerajaan Terengganu, ASDI. [*Dewan riuh*].

Beberapa Ahli: UMNO, UMNO punya, UMNO projek. UMNO lah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat,

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini yang susah? Bila dia dapat faedah dari kita, dia buat. Bila dia tak boleh dividen walaupun dah memerintah dua tahun dia kata UMNO bersalah. Apalah pembangkang ini. Sampai kenyataan pun tak boleh diterima. Kalau begitu isytiharkanlah masjid, bangunan kerajaan, jalan, semua UMNO buat!. Hai, pembangkang ini tak tahulah, bila hendak menerima kenyataan!. Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Hulu Terengganu. Yang Berhormat Hulu Terengganu minta tidak ikutkan perasaan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dua tahun memerintah masih tak boleh bagi dividen, salah UMNO lagi? Hai!....

Seorang Ahli: Tak tahu Terengganu. Cakap sahajalah!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah dia tak boleh maju sebab dia perasaan emosi kuat. [*Ketawa*]. Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hulu Terengganu, tolong, tolong, tolonglah jangan menjerit-menjerit, Ya!...Ya, sila-sila teruskan.

Seorang Ahli: Tolonglah, Tolonglah!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dia menjerit, sebab itulah tak layak jadi Pensyarah, dia berhenti jadi 'politician'. Sebab tak boleh kawal perasaan. [*Dewan riuh*]. Tuan Yang di-Pertua, saya jawab soalan, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut dengan pandangan. Saya hendak jelaskan di sini bahawa Tabung Haji ini kalau kita lihat ada dua fungsi.

Satu ialah pengurusan jemaah haji di mana pengurusan jemaah haji ini kita tidak boleh nafikan bahawa Tabung Haji telah mendapat kepujian daripada negara-negara Islam dari segi pengurusannya. Ini kenyataan bahawa dari segi tempat tinggal, penyusunan, kita telah dijadikan model bagaimana pengurusan haji yang baik. Malah Tabung Haji tidak pernah mengambil untung dari segi urusan pengurusan haji. Kita memberikan peruntukan tambahan lagi sebanyak RM28 juta dalam pengurusan haji yang baru.

Yang kedua, ialah pelaburan, sudah duit sudah banyak kita simpan RM10 bilion. Takkan kita hendak simpan sahaja. Bila kita hendak simpan sudah tentu kita hendak simpan di mana. Kalau kita hendak masuk AB dah tak boleh riba, nanti PAS kata Tabung Haji makan riba. Hendak melabur kepada tempat-tempat yang mungkin bertentangan dengan hukum syarak pun tak boleh juga. Jadi kita kena kaji di mana bidang yang sesuai kita labur. Pertama yang tidak bertentangan dengan hukum syarak dan oleh itu pelaburan cara kebetulan paling banyak sekali ialah pelaburan ladang.

Pelaburan ladang ini Tun, kita tahu, kelapa sawit berapa tahun baru hendak datang hasil. Kita melabur kepada untuk jangka panjang. Insya-Allah sampai masa kita akan mendapat untung. Mengenai cadangan untuk menyebarkan peluang kepada orang ramai supaya melabur, saya suka mengumumkan bahawa 7 Mac yang lepas iaitu tiga hari lepas, kita juga telah mengadakan Majlis Penandatanganan Perjanjian Persefahaman pelantikan Bank Islam Berhad sebagai ejen kutipan simpanan Tabung Haji. Ertinya sekarang ini selain daripada Bank Simpanan Nasional dan juga Pos, kita lantik lagi Bank Islam untuk mereka ini menjadi ejen kepada Tabung Haji untuk memudahkan pendeposit menguruskan simpanan mereka. Terima kasih.

10. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah projek-projek perumahan yang tergendala sepanjang lima tahun kebelakangan ini dan sama ada Akta Pembangunan Perumahan yang akan dikuatkuasakan akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan terhadap pemaju-pemaju perumahan yang sengaja melambatkan dalam menyiapkan rumah terutama rumah kos rendah.

Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tempoh 5 tahun kebelakangan ini sebanyak 59 projek perumahan swasta yang memiliki lesen pemaju telah dikenal pasti projek terbengkalai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan terhadap pemaju perumahan yang secara sengaja atau tidak atau telah melambatkan penyiapan sesuatu projek itu di bawah Akta Pemaju Perumahan Pindaan 2002 yang akan dikuatkuasakan nanti ialah dengan menggunakan kuasa Menteri untuk mengarah pemaju perumahan berlesen yang berkenaan supaya mengambil apa-apa langkah yang difikirkan perlu untuk membetulkan sesuatu perkara atau hal yang tidak betul. Seterusnya mengarahkan supaya seseorang dilantik atau dia sendiri melantik seorang untuk menasihati pemaju perumahan berlesen itu dalam menjalankan perniagaannya.

Menteri juga dengan persetujuan Menteri Kewangan boleh mengarah suatu syarikat untuk mengambil kawalan dan menjalankan perniagaan pemaju perumahan atas terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh menteri. Menteri juga boleh mengarahkan supaya pemaju perumahan berlesen itu menghantarkan suatu petisyen ke Mahkamah Tinggi bagi penggulungan perniagaannya atau mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu oleh Menteri dalam keadaan hal itu bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan akta ini.

Di samping itu pihak kementerian boleh menasihatkan pembeli supaya membawa kes tuntutan lewat penyerahan pemilikan kosong ke Tribunal Aduan Pembeli Rumah. Jika pemaju dengan sengaja atau tidak melambatkan kerja pembinaan rumah, maka pihak pemaju akan menanggung kerugian kerana terpaksa membayar ganti rugi kepada pembeli mengikut perjanjian jual beli yang telah ditetapkan.

Pada keseluruhannya akta yang akan dikuatkuasakan ini akan juga memberi kesan pencegahan selain daripada kesan penguatkuasaan yang berkesan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat memberitahu peranan Syarikat Perumahan Negara di mana syarikat ini dipertanggungjawabkan untuk memulihkan kerja-kerja terbengkalai oleh pemaju-pemaju dan setakat ini, apakah keberkesanan Syarikat Perumahan Negara ini.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tun Yang di-Pertua, Syarikat Perumahan Negara di bawah tanggungjawab Bank Negara, memang boleh membantu dalam memulihkan kes projek terbengkalai. Tetapi Syarikat Perumahan Negara bukan satu-satunya syarikat yang boleh membantu, sebenarnya kerajaan boleh juga membenarkan syarikat-syarikat lain seperti mereka yang berpengalaman prestasi baik untuk sebagai *receiver* dan sebagainya dan Syarikat Perumahan Negara telah selama ini membantu banyak dalam usaha memulihkan banyak projek terbengkalai.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan projek perumahan yang terbengkalai itu yang diserahkan kepada Syarikat Perumahan Negara di bawah Kementerian Kewangan dan apa bezanya dan apa peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perumahan Negara yang di bawah kementerian Yang Berhormat itu. Jadi adakah kedua-dua agensi akan bercanggah sesama lain pada masa akan datang? Bolehkah beri satu maklumat lanjut lagi.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perumahan Negara dalam, saya cuba dalam lingkungan soalan ini, tidak terkeluar sangat, kerana kita sedang sebut tentang projek terbengkalai.

Jabatan Perumahan Negara tidak dipertanggungjawabkan untuk memulihkan projek. Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tanggungjawab utama ialah untuk membantu melaksanakan projek-projek perumahan rakyat sama ada untuk dimiliki atau disewakan dan tidak lama lagi satu dasar baru kita akan umumkan untuk memperluas lagi peranan jabatan. Bagi Syarikat Perumahan Negara ianya bukan satu jabatan dan mereka bebas untuk membina rumah termasuk memulihkan projek perumahan.

Jadi Jabatan Perumahan Negara dia punya tujuan ialah memastikan dasar perumahan negara itu dilaksanakan, dirancang, diselidik dan sebagainya. Ianya merupakan satu agensi kerajaan yang penting.

11. **Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]** minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai KWSP, nama-nama bagi sepuluh syarikat yang tersenarai di

BSKL yang KWSP membuat pelaburan terbesar, apakah benar penglibatan KWSP dalam pelaburan di BSKL telah sedikit sebanyak mempengaruhi iklim pelaburan menerusi *stock market*.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, Pelaburan terbesar KWSP di dalam 10 buah syarikat melibatkan Petronas Gas Berhad, Sime Darby Berhad, Telekom Malaysia Berhad, YTL Corporation Berhad, RHB Capital Berhad, Malayan Banking Berhad, British American Tobacco, Commerce Asset Holdings Berhad, Tenaga Nasional Berhad dan Malaysia International Shipping Corporation Berhad.

KWSP sebagai salah satu institusi tabung amanah yang terbesar di negara dengan anggaran lebih kurang 8% dari modal pasaran atau *market capitalization* dengan izin, di BSKL, sudah tentu boleh mempengaruhi pasaran saham tempatan. Kewujudan pelabur institusi seperti KWSP yang melabur untuk jangka panjang, mempunyai kesan positif dengan membantu, mengukuhkan sentimen pasaran bagi menarik bagi pelabur-pelabur tempatan dan pelabur asing. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Trengganu]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: 'Perkara 1(g)'. Saya telah menerima satu surat daripada Setiausaha Dewan mengenai satu usul yang saya bawa yang menyebut tentang kemiskinan di negeri Terengganu yang memerintah sejak 40 tahun di negeri Terengganu dan mentadbirkan royalti minyak lebih RM7 bilion sejak 22 tahun di negeri Terengganu di mana telah berlaku penyelewengan dan salah guna kuasa oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional di negeri Terengganu sejak 40 tahun mereka memerintah negeri Terengganu. Tetapi usul ini ditolak atas alasan *sub judice*. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, kenapakah usul ini ditolak atas alasan *sub judice*.

Persoalan yang saya timbulkan salah guna kuasa yang dilakukan oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional yang memerintah negeri Terengganu selama 7 tahun dan hasil royalti minyak yang mereka tadbir lebih daripada RM7 bilion di mana negeri Terengganu menjadi negeri yang kedua termiskin di Malaysia. Sedangkan pendapatan per kapita negeri Terengganu adalah yang kedua tertinggi di Malaysia. Jadi, saya ingin penjelasan daripada Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biarlah saya menyemak dahulu persoalan itu dan saya bagi jawapannya kemudian.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerja Raya; dibaca kali yang pertama: akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG JURUUKUR BAHAN (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Juruukur Bahan 1967; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerja Raya; dibaca kali yang pertama: akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Kesepuluh”. [13 Mac 2002]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kepong, diminta sambung ucapan. Yang Berhormat ada lima minit lagi ya.

11.10 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya akan cuba Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya membangkitkan kekurangan bukan Melayu dalam perkhidmatan awam, polis dan tentera, kekurangan lelaki di kalangan guru dan jururawat dan kekurangan bumiputera di bidang-bidang seperti IPTS.

Kerana kesuntukan masa, saya menghurai secara ringkas alasan-alasan telah diberi mengenai kekurangan bukan Melayu dalam polis dan tentera termasuk gaji yang rendah. Mengapa orang-orang di China sangat minat menyertai polis dan tentera?

Saya mencadangkan supaya kita mengadakan kajian-kajian menyeluruh terhadap kekurangan tersebut. Contohnya, banciaan diadakan di masyarakat Cina untuk mengetahui minatnya di dalam perkhidmatan awam, polis dan tentera. Sebaliknya, kajian serupa diadakan di kalangan bumiputera untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan mereka kurang menyertai bidang-bidang seperti IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, apabila orang-orang dari sesuatu daerah atau suatu kaum menguasai suatu bidang, sifat mafia boleh wujud. Berbagai-bagai helah digunakan untuk mengekalkan dominasinya sehingga orang-orang yang bukan dari daerahnya atau kaumnya berasa kecewa, *frustrated*. Tabiat atau amalan ini berlaku di seluruh dunia.

Adakah DEB menggalakkan sifat parokial, kedaerahan, sifat mafia dan sifat dominasi dan dominan serta semangat berpuak-puak? Adakah ia dapat memelihara bakat dan cerdik pandai untuk mencapai kecemerlangan? Mengapa ada bumiputera yang cenderung mencari cara mudah?

*Burung murai turun ke padang,
Melompat ke cacing tersuka,
Kurang cuai ke tahap senang,
Mendapat pisang terbuka.*

Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa merapatkan jurang di antara dan di kalangan kaum untuk mewujudkan toleransi, harmoni dan perpaduan. Malangnya,

penyalahgunaan matlamat yang mulia, kuota dan hak istimewa telah menimbulkan perasaan tidak puas hati.

Salah satu kelemahan atau penyalahgunaan DEB ialah perlucutan hak-hak dan kemuliaan seseorang. Misalnya, jika seorang bumiputera yang sampai giliran untuk kenaikan pangkat mempunyai kelayakan dan kebolehan pelantikan beliau menjadi profesor, dekan atau naib canselor sebuah universiti tidak akan mendatangkan banyak bantahan. Tetapi adanya amalan untuk membenarkan seseorang bukan bumiputera yang kanan, layak dan berkebolehan menjawat sesuatu jawatan kanan sehingga seorang bumiputera yang lebih rendah pangkat, kurang layak dan kurang berkebolehan kembali dari luar negara atau dari jawatan yang lain, dapat mengambil alih. Ini menyinggung hati. Ia menghina hak-hak dan kemuliaan seseorang. Keahlian amalan *bloody-mindedness* ini melemahkan masyarakat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa kita pasti perlu mengkaji, mereka pelbagai strategi dan dasar kerajaan dengan teliti untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan dan mengubahsuaikannya jika perlu. Ini memang perlu kita buat.

Kita harus mengadakan kajian yang menyeluruh terhadap kesan, kejayaan dan kegagalan DEB. Setelah mengenal kelemahan-kelemahannya dan mengubahsuaikan strategi yang lebih berkesan, kita terus mengurangkan jurang pendapatan, digital dan kawasan. Kita gunakan dasar merit dan *need*.

Baginda Yang di-Pertuan Agong menekankan hasrat untuk membanteras gejala rasuah dan penyelewengan. Ini adalah sangat rumit. Dalam tempoh lebih 7 tahun ini, Badan Pencegah Rasuah (BPR) menangkap hanya 2,397 orang. Mencari bukti dan saksi bukan senang. Kita memerlukan iltizam politik.

Seterusnya, saya mengesyorkan ujian ISO setiap tiga tahun untuk BPR seperti mana yang sedang dibuat oleh Parlimen. Mudah-mudahan setelah Parlimen mendapat ISO 9002, ia ada banyak jenis ISO, 9001, 9002 dan 9003. Dengan ISO 9002, kaliber kakitangan dan kualiti perkhidmatan Parlimen akan bertambah baik. Itu yang diharapkan dan tiap-tiap tiga tahun kita adakan ISO.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak aduan mengenai tender untuk projek-projek termasuk peranan Unit Perancang Ekonomi (EPU). Saya juga mencadangkan ujian ISO bagi semua lembaga tender dan EPU.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara perlu kita buat, terdapat syarikat-syarikat monopoli di negara ini seperti Proton, dan Megasteel. Megasteel adalah berkaitan dengan Lion Group. Sejak Mei 1999, ia menerima perlindungan 30% duti import. Ia menjual *hot rolled coil* pada RM1,318 setan, yakni US\$347, dengan perlindungan US\$142 setan. Ini telah menjejaskan industri hiliran semacam perabot keluli dan besi. Oleh itu, saya mencadangkan pertimbangan semula pemberian perlindungan yang amat sangat terhadap syarikat yang mempunyai monopoli.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya walaupun Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki sistem pendidikan termasuk Pembangunan Pendidikan sepuluh tahun, pelaksanaan pendidikan wajib dan kurikulum pra-sekolah dengan meminda Akta Pendidikan 1996 dan lain-lain, ini adalah tidak mencukupi bagi menghadapi masa depan. Saya terus mengusulkan supaya kerajaan mengadakan Suruhanjaya Diraja untuk pendidikan bagi menyiasat semua aspeknya.

*Dalam sekolah banyak berbakat,
Bercita duduk di angkasa,
Jauh berjalan banyak dilihat,
Lama hidup banyak dirasa.*

Sekian, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih, pantun bagus. Ya, saya bagi Permatang Pauh.

11.16 pagi.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih, kerana memberi peluang kepada saya kerana turut serta untuk menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Seri Paduka Baginda merupakan lambang perpaduan dan penyatuan rakyat. Keberangkatan Baginda seharusnya mengingatkan kita tentang betapa tingginya harapan negara terhadap sekalian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Kita berdoa semoga di bawah naungan Seri Paduka Baginda rakyat akan dapat berteduh di bawah pemerintahan yang adil serta melaksanakan keadilan. Oleh itu marilah kita bersama menjalankan amanah dan harapan rakyat dengan penuh keinsafan serta tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, negara kini berada di persimpangan jalan. Kita dihebahkan melalui paluan gendang yang mencanangkan kehebatan pembangunan negara melalui projek-projek mewah yang mega sifatnya, namun realiti kehidupan ramai rakyat bawahan jauh bezanya. Walaupun kerajaan tidak mahu mengakui kebenaran saranan atau gesaan-gesaan dari pihak kami, gesaan-gesaan dari pihak kami telah membawa kepada perubahan-perubahan untuk kepentingan rakyat. Namun kita bersyukur kerana gesaan-gesaan kami telah membantu mewujudkan keadaan yang lebih baik.

Keselamatan Negara -

Kita ingin mempertikaikan keputusan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri untuk menghebahkan dakwaan mengenai seorang bekas menteri yang telah menyumbang sejumlah USD10 juta kepada kumpulan-kumpulan yang mungkin mempunyai talian dengan pertubuhan radikal Islam di Amerika Syarikat. Dakwaan tersebut dibuat sebelum sebarang usaha untuk mengesahkan kesahihannya. Dakwaan yang dibuat secara serkap jarang ini sudah tentu mengundang reaksi yang negatif dari pelbagai pihak. Sikap tidak teliti seperti ini hanya memudahkan pihak luar untuk menuduh pihak kita sebagai sarang untuk penganas.

Kepentingan keselamatan merupakan suatu perkara yang amat penting iaitu kita berharap pemimpin-pemimpin kerajaan supaya tidak membuat kenyataan hanya untuk meraih kepentingan politik sempit, malah merosak dan membahayakan imej dan keselamatan negara. Keselamatan negara adalah satu isu yang tidak boleh dipermainkan, apatah lagi untuk meraih kepentingan politik sempit. Kita di pihak Barisan Alternatif percaya bahawa cara terbaik untuk menghalang keganasan dan menjamin keselamatan negara adalah dengan mewujudkan proses dan institusi demokratik yang mantap dan kukuh.

Ini memerlukan pentadbiran undang-undang yang tegas, telus dan bebas serta menghormati prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan. Sebaliknya tindak-tanduk yang menyempit dan menindas ruang demokrasi akan hanya menyuburkan keadaan yang membawa kepada reaksi keganasan. Kita dapat melihat bahawa peristiwa keganasan sering kali berlaku di negara-negara autokratik dan despotik. Isu keselamatan negara semakin menjadi rumit apabila penguasa politik menganggap parti pembangkang sebagai mengancam keselamatan negara.

Saya juga ingin mengingatkan pemerintah bahawa ancaman kepada keselamatan negara juga boleh datang dari dalam parti yang memerintah. Salah seorang pembantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah ditahan kerana didakwa menjadi ejen negara asing. Di samping itu ada dari kalangan pimpinan UMNO yang pernah ditahan di atas dakwaan menjadi ejen komunis.

Pengunduran pelaburan 'Calpers' pada asasnya dibuat kerana kebimbangan mereka terhadap keselamatan pelaburan di negara kita disebabkan faktor dengan izin, *transparency in corporate governance* ataupun ketelusan dalam pengawalan dalam kegiatan-kegiatan perniagaan. Mereka juga menyebut betapa soal-soal hak-hak asasi dan amalan-amalan perburuhan (*labour practices*) antara faktor yang mendorong mereka membuat keputusan tersebut.

Perjalanan Demokrasi dan Peranan Media -

Sesebuah negara yang maju memerlukan proses demokrasi untuk mencorakkan kerajaannya yang dipilih melalui penyertaan rakyat dalam pilihan raya. Bagaimanapun, mengundi atau menyertai pilihan raya sekali dalam lima tahun bukan merupakan kayu ukur mutlak wujudnya sebuah demokrasi yang hidup subur dan dengan izin, *vibrant*. Untuk itu, kita memerlukan pelbagai prasarana dan wacana untuk menghidupkan suasana yang membolehkan proses pemilihan dan perjalanan demokrasi itu secara berimbang dan atas prinsip kesalingan. Salah satu daripada ukuran untuk wujudnya demokrasi yang mapan adalah kehadiran media yang bebas daripada kekangan-kekangan seperti permohonan permit tahunan serta Akta Mesin Cetak di samping kekangan-kekangan *administrative* dan lain-lainnya.

Kewujudan akta-akta yang menyekat hak kebebasan bersuara serta penyalahgunaan agensi-agensi media milik kerajaan oleh parti pemerintah menyebabkan Malaysia tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya untuk menghidupkan sebuah demokrasi yang subur. Peranan media sebagai estet keempat ataupun dengan izin, *The Fourth Estate* amatlah penting. Oleh itu kita berharap benar-benar agar media menjadi saluran maklumat yang tepat, seimbang dan bertanggungjawab. Ia juga sepatutnya menjadi sebuah forum untuk memperbincangkan isu-isu penting di negara ini.

Masalah-masalah masyarakat tidak seharusnya didiamkan sahaja atau dengan izin, *swept under the carpet*. Di sebuah negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia pelbagai isu sensitif perlu ditangani dengan penuh tanggungjawab dan keterbukaan. Di sinilah peri pentingnya kita mempunyai media yang bebas, suatu amalan yang berlawanan dengan semangat demokrasi adalah penyalahgunaan media oleh parti pemerintah sebagai alat propaganda untuk mengaburi mata rakyat dan memburuk-burukkan parti-parti Alternatif.

Contoh yang nyata pada mutakhir ini adalah penayangan berulang kali klip video Memali yang telah ditapis dan disunting. Baguslah, alhamdulillah kalau diberikan arahan untuk memberhentikan setelah sekian lama mengulang tayang. Pada ketika yang lain klip liputan tindakan pihak Taliban di Afghanistan terhadap seorang wanita telah diulang tayang untuk menakut-nakutkan rakyat terhadap parti Alternatif yang dianggap sebagai ekstremis agama dan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat, Tebrau, hendak beri jalan?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Minta maaf, saya ada banyak, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Nampak gayanya jadual penayangan sesetengah dari video ini diadakan sempena pilihan raya-pilihan raya kecil.

BPR dan Polis -

Kita sering mendengar gesaan daripada rakyat supaya kegiatan rasuah dibanteras, bukan sahaja rakyat; pemimpin-pemimpin juga. Dalam ini juga kita ingin mempersoalkan apakah BPR benar-benar bebas dan tidak terpaksa tunduk kepada kuasa Eksekutif di mana mereka yang bersalah bukan sahaja tidak boleh diambil tindakan ke atas mereka, malah dilindungi oleh pelbagai aspek seperti Akta Rahsia Rasmi. Orang yang memberitahu untuk kepentingan rakyat dikenakan dengan undang-undang dan sekarang dipenjarakan di bawah ISA tetapi orang yang sepatutnya dihadapkan bebas dan naik pangkat.

Kita ingin bertanya apa yang telah berlaku dalam kes Perwaja kerana pada sesi Parlimen yang lalu kita difahamkan siasatan kes tersebut hampir selesai, malangnya juga kita diberitahu ketua pengarahnya tidak disambung perkhidmatannya dan perkembangan kes ini tenggelam dalam kesunyian seribu bahasa.

Akhir-akhir ini kita mendengar pelbagai dakwaan mengenai kegiatan keganasan yang didakwa dilakukan oleh parti-parti politik. Dalam hal ini kita sekali lagi menegaskan perlunya siasatan dan penyelidikan secara profesional dan adil untuk mengetahui kedudukan sebenarnya. Kita juga sebagaimana rakyat pada umumnya ingin tahu apakah asal usul atau punca kejadian-kejadian tersebut.

Dalam hubungan ini kita mendukung sebarang usaha-usaha pihak polis untuk memulihkan imej mereka sebagai satu pasukan beruniform yang bertindak secara profesional dalam menjalankan tanggungjawab menjaga keselamatan demi kepentingan rakyat dan negara. Janganlah kita merasakan diri kita sebagai orang yang bersalah hanya kerana mengadakan pertemuan-pertemuan dalam premis sendiri, dibuatkan kata kita melanggar undang-undang padahal kalau diberi permit, tidak melanggar undang-undang. Timbalan Perdana Menteri mengatakan boleh. Apakah tidak boleh dalam negara ini yang dikatakan demokratik dan merdeka?

Universiti Intelektual dan Kebebasan Akademik -

Tuan Yang di-Pertua, institusi-institusi pengajian tinggi awam adalah satu lagi institusi yang telah dicemari dengan campur tangan eksekutif. Kita harus memperingatkan semula bahawa universiti-universiti berperanan untuk melahirkan individu yang terdidik serta mampu berfikir tajam dan kritis sebagai generasi pelapis untuk kepimpinan masa hadapan. Kita bimbang akta-akta seperti AUKU yang menindas kebebasan pelajar bersuara dan bergiat aktif dalam aktiviti sosial, politik dan kemasyarakatan yang berterusan semenjak lebih dari suku abad yang lepas. Keadaan ini akan melahirkan para intelek yang tidak diizinkan mengembangkan potensinya untuk mampu berbicara secara jujur dan kritikal mengenai permasalahan persekitaran dan masyarakatnya.

Tindakan pihak pemerintah baru-baru ini yang menjurus ke arah mencengkam dan menekan autonomi universiti melalui pemantauan pensyarah-pensyarah universiti oleh Pemuda UMNO dan Puteri UMNO akan melesukan lagi institusi pendidikan kita. Langkah memaksa pensyarah-pensyarah universiti menandatangani "Aku Janji" sebagaimana kakitangan kerajaan yang lain membawa kita dalam senario sebagaimana yang dilakarkan oleh George Orwell dalam bukunya "1984", dengan izin.

Bantahan-bantahan daripada persatuan-persatuan yang mewakili ahli akademik serta golongan intelektual pula dianggap remeh serta dipandang ringan, malahan kadang kala sebahagian daripada mereka merasakan adalah lebih baik untuk berdiam diri sahaja daripada bersuara dan mengundang tindakan yang mungkin menjejaskan masa depan, kerjaya serta penyelidikan mereka.

Kita melihat bahawa gejala *thought control* semakin ketara di setiap lapisan rakyat. Boleh dikatakan perkembangan ini merupakan ancaman paling besar yang dihadapi oleh sistem demokrasi kita. Sifat utama *thought control* ini ialah sikap enggan menyatakan pandangan atau maklum balas yang dianggap mungkin tidak disenangi oleh pihak yang berkuasa. Dengan itu kebebasan berfikir dan mengkritik secara membina boleh dianggap sebagai tidak lagi digalakkan. Secara ringkasnya kita telah berjaya mewujudkan suasana "Aku Setuju" ataupun "Yes Men" yang hanya mengiak apa sahaja yang diperturunkan oleh pemimpin-pemimpinnya.

Dalam bidang pendidikan khususnya, ini jelas bercanggah dengan konsep mewujudkan suatu generasi baru intelek yang berilmu, berinisiatif

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Tebrau berdiri, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Maaf, saya ada banyak....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan atau tidak bagi jalan, Yang Berhormat? Oh! Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Maaf, sila duduk.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Satu generasi baru yang intelek, yang berilmu, berinisiatif serta berdikari dan boleh menyumbang pandangannya yang kreatif kepada perkembangan masyarakatnya. Perkembangan *thought control* ini jelas kelihatan dalam pelbagai bidang terutama sekali dalam bidang media cetak dan elektronik di mana pihak kerajaan seakan membolot semua ruang yang memaparkan berita yang telah diadun untuk ke hidangan awam.

Tambahan lagi di peringkat kolej dan sekolah-sekolah didapati bahawa sekatan yang dikenakan ke atas para guru dalam membincangkan isu-isu semasa menjadi halangan dalam usaha mereka untuk membentuk murid-murid berfikir secara objektif dan rasional. Lebih membimbangkan lagi ialah implikasi laporan-laporan yang

membayangkan bahawa pihak Pemuda UMNO akan mengambil tindakan mengawasi pensyarah-pensyarah dan guru-guru yang didakwa menyebarkan pandangan anti-kerajaan.

Pembangunan Yang Tempang -

Akibat daripada ketidakadilan pihak eksekutif dan terhakisnya kebebasan institusi-institusi demokrasi seperti badan kehakiman dan perundangan, kepentingan rakyat terbanyak telah diabaikan. Program pembangunan yang memberikan keutamaan kepada projek-projek mewah dan membazir telah memberi keuntungan kepada segelintir golongan korporat sementara kepentingan rakyat terbanyak diabaikan.

Apa yang kita lihat adalah fenomena pembangunan yang tidak seimbang dan tempang. Dalam kita membina bangunan dan prasarana yang besar dan memakan belanja yang tinggi dan yang diragui manfaatnya, kita masih melihat rakyat kerdil di pedalaman yang masih jauh ketinggalan daripada menikmati hasil pembangunan setelah sekian lama mencapai kemerdekaan.

Pergi sahaja ke Sabah dan Sarawak, jalan-jalannya saya biasa merasainya, mungkin orang-orang pemimpin-pemimpin yang tertinggi tidak merasai jalan-jalan raya ini, hanya pergi dengan helikopter.

Di bandar-bandar pula, kita masih melihat manifestasi ketidakseimbangan dalam pembahagian hasil kekayaan negara. Masih banyak terdapat kawasan-kawasan setinggan yang menampung peneroka bandar yang terhimpit oleh kemiskinan. Pengabaian golongan miskin ini juga menimbulkan masalah-masalah sosial di kalangan remaja kita seperti penagihan dadah, gejala keruntuhan moral dan pengangguran.

Sebagai contoh pembangunan yang tempang ini, izinkan saya ceritakan apa yang berlaku sewaktu saya berada di Kedah dua minggu yang lalu untuk menyampaikan bantuan kepada mangsa-mangsa kebakaran di Sebarang Terus, Alor Setar. Saya telah mendengar suatu cerita yang pelik-pelik tetapi benar. Kira-kira lima minit menaiki motosikal daripada Kulim Hi-Tech Park dan Kulim Techno-City, wujud sebuah kampung bernama Kampung Kilang Sagu. Di bawah bayang-bayang projek mega yang melibatkan nilai pelaburan berbilion ringgit, di zaman teknologi maklumat dan k-ekonomi, penduduk-penduduk Kampung Kilang Sagu masih terpaksa menggunakan "jamban tong".

Perkhidmatan Asas Kesihatan -

Selain daripada masalah prasarana dan perumahan yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah, perkhidmatan kesihatan asas juga merupakan salah satu tanggungjawab utama kerajaan yang nampaknya terabai. Kita harus memastikan bahawa hak untuk mendapat rawatan kesihatan adalah hak untuk semua rakyat, bukan untuk golongan berkemampuan sahaja. Jika dibandingkan jumlah-jumlah hospital swasta dan pakar-pakar perubatan yang berkhidmat di sektor swasta dengan hospital-hospital kerajaan, nisbahnya adalah sangat membimbangkan.

Sistem Demokrasi Berparlimen -

Tuan Yang di-Pertua, sesebuah negara yang matang yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen mengiktiraf peranan pemerintah dan parti-parti alternatif yang mungkin atau bakal menjadi kerajaan, insya-Allah. Parti pemerintah dan parti-parti alternatif berhak mendapat *access* kepada sistem komunikasi awam termasuk radio dan televisyen. Pemerintah seharusnya menghormati hak parti-parti alternatif dan kegiatan mereka tidak dianggap sebagai *illegal* atau tidak sah. Rakyat tidak dianggap sebagai musuh dalam selimut malahan dipandang sebagai *partner* atau rakan dalam membangunkan masyarakatnya.

Pimpinan negara yang matang demokrasinya juga memperlihatkan kematangan dalam peribadi mereka. Sir Winston Churchill memimpin kabinet perang Britain sewaktu Perang Dunia Kedua tetapi apabila beliau kalah dalam pilihan raya selepas perang dalam tahun 1945, beliau melepaskan kerusi Perdana Menteri tanpa ragu. Beliau tidak pula menuduh rakyatnya sebagai *ungrateful* atau tidak bersyukur, jauh sekali daripada berusaha untuk terus berpaut kepada kuasa. Sistem Demokrasi Berparlimen memang memungkinkan perputaran kekuasaan antara parti-parti yang terlibat dalam proses politik pilihan raya. Malahan itulah, rasional ataupun falsafah pada Sistem

Demokrasi Berparlimen berbanding dengan negara-negara seperti Soviet Rusia pada suatu waktu sebelum zaman '*perestroika*' dahulu dan kita difahamkan bahawa Perdana Menteri sekarang berada di Rusia.

Sistem demokrasi berasaskan kepada pelbagai parti mengantisipasi kehadiran alternatif dalam Parlimen yang bersedia pula untuk menerajui kerajaan apabila mereka memenangi pilihan raya. Parlimen kita berasaskan model *Westminster* yang didasari oleh *doctrine separation of powers* oleh kerana sebagaimana yang didakwa oleh Lord Acton, "*All powers tend to corrupt, absolute power corrupts absolutely*" Kuasa merupakan amanah. Parlimen berkongsi tanggungjawab untuk melindungi kesejahteraan hak-hak rakyat. Wacana kuasa seharusnya mengiktiraf dan mempercayai keupayaan serta kearifan rakyat untuk mengambil bahagian dalam proses demokrasi. Sekatan-sekatan terhadap penerbitan-penerbitan, ceramah-ceramah dan liputan media arus perdana yang berat sebelah menyempitkan ruang demokrasi untuk parti alternatif menyampaikan maklumat kepada rakyat.

Kita seharusnya mengamalkan konsep kritikan atau muhasabah dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan yang menyediakan *checks and balance* di dalam sistem pentadbiran kita. Ini amatlah penting kerana kuasa tanpa pembatasan akan membawa kepada kehancuran. Sejarah telah mengajar kita bagaimana kerajaan-kerajaan yang agung pada zaman silam akhirnya runtuh ekoran sikap *arrogance of power* yang wujud terutamanya dalam sistem yang tidak memberi ruang untuk sudut pandangan alternatif yang berkesan. Ibnu Khaldun pernah menyatakan bahawa "*Penerusan kesilapan itu adalah satu kezaliman. Pemerintah yang merasakan dirinya terlalu kuat menjadi angkuh dan tidak lagi bersedia untuk mendengar sudut pandangan berbeza.*"

Saya beralih kepada pendatang tanpa izin. Saya ingin menyentuh mengenai persoalan pendatang tanpa izin. Seyogianya diingatkan bahawa negara kita telah banyak bergantung kepada sumbangan daripada tenaga-tenaga dan pakar-pakar dari luar negara untuk pembangunan negara kita. Ini termasuklah pengambilan ahli akademik dan tenaga pengajar dari negara-negara luar termasuk dari negara-negara jiran sewaktu kita menggiatkan penubuhan universiti-universiti awam pada tahun-tahun 1970-an yang lalu. Kita harus mengakui kenyataan ini supaya tidak mudah dituduh sebagai habis madu, sepah dibuang.

Tuan Yang di-Pertua, negara berasaskan keadilan. Parti KeADILan dengan jelas mengemukakan konsep negara berasaskan keadilan yang mengungkapkan nilai-nilai masyarakat sivil atau masyarakat madani yang berpaksikan keadilan sejagat sebagai teras perjuangannya. Konsep pemberdayaan atau *empowerment* merupakan satu idea di mana rakyat berhak untuk menentukan kedudukan mereka dalam sesebuah masyarakat yang mementingkan keadilan sosial. Pengungkapan Vaclav Havel mengenai *The Power of the Powerless* menjelaskan kepada kita bagaimana mereka yang dianggap tidak mempunyai kekuasaan sebenarnya berkuasa untuk menentukan arah dan corak pembangunan masyarakat mereka.

Masyarakat sivil seharusnya mengungkapkan kehadiran rakyat di mana terdirinya bermacam-macam badan atau lembaga bukan kerajaan (NGO) untuk mengimbangi lembaga kekuasaan. Ini bermakna masyarakat madani bertujuan untuk menolak kesewenang-wenangan kekuasaan elit yang mendominasi kekuasaan negara. Secara praktiknya, kita harus menolak parti yang memonopoli kekuasaan menggunakan istilah-istilah yang berbunyi demokrasi untuk mengabsahkan atau *legitimize* kekuasaan mereka, sementara pada masa yang sama, mereka mengambil langkah-langkah luar biasa untuk mempertahankan kekuasaan mereka. Keprihatinan semua golongan rakyat terhadap peri pentingnya persoalan keselamatan tidak harus diambil kesempatan oleh kerajaan untuk menekan suara-suara yang tidak setuju dengan mereka.

Saya ingin tegaskan sekali lagi di sini, bahawa Parti KeADILan dan rakan-rakan kami di Barisan Alternatif, secara tegas mengutuk setiap tindakan yang bercorak keganasan, sama ada ia dilakukan oleh individu ataupun ditaja oleh agensi-agensi negara. Kita tidak pernah berkompromi dalam hal keselamatan. Namun, dalam usaha menangani masalah ini, janganlah pihak berkuasa pula melakukan ketidakadilan. Sebuah masyarakat madani sudah tentu memberi ruang kepada semua rakyat untuk mempunyai hubungan dengan kekuasaan secara berimbang. Yang dipimpin meletakkan harapan serta memberi amanah kepada pemimpin, sementara yang memimpin bertanggungjawab mengikut amanah itu dengan mengambil kira harapan

rakyat yang dipimpin. Hubungan dua hala ini seharusnya terjalin dengan latar belakang hormat-menghormati, kasih-sayang serta kesediaan untuk tegur dan ditegur. Ianya juga memerlukan kebesaran jiwa daripada pemimpin untuk bersedia ditegur seperti mana Sayidina Umar Al-Khatab sewaktu ditegur oleh seorang wanita berkenaan soal mahar, mas kahwin secara terbuka. Namun, kebesaran jiwanya terserlah dengan kesediaan beliau mengakui kesilapannya.

Begitu juga sejarah Melayu, penuh dengan contoh-contoh. Seseorang penguasa atau raja bersedia untuk menghukum anak-anaknya sendiri apabila mereka melanggar peraturan negara. Jangan pula dilindungi. Kita juga melihat contoh dari tradisi-tradisi besar dunia yang sentiasa mengetengahkan kesederhanaan serta konsep kesalingan, *reciprocity* di dalam kehidupan bermasyarakat, bernegara dan jalan pertengahan.

Tuan Yang di-Pertua, *electoral reforms* - reformasi proses pilihan raya. Proses percambahan dan perkembangan demokrasi memerlukan sistem pilihan raya yang adil, telus dan terbuka. Kelemahan-kelemahan dan ketidakadilan dalam pelaksanaan pilihan raya yang lalu perlu dibaiki. Dalam hubungan ini, kami ingin mencadangkan perkara-perkara berikut dipertimbangkan untuk dilaksanakan. Kami mencadangkan dilaksanakan sistem pendaftaran secara automatik bagi penghuni yang telah mencapai umur layak mengundi di tempat mengundi berdasarkan alamat kad pengenalan mereka. Kami mencadangkan melakukan proses pendaftaran semula semua pemilih bagi tujuan membersihkan daftar pemilih. Sistem undi pos perlu dihapuskan kerana tiada lagi kewajaran untuk diterima pakai hari ini dan untuk menjamin pilihan raya yang lebih adil dan bersih kerana masa tahun 1999 dahulu, undi-undi pos datang selepas pukul 10.00 malam, supaya tidak tercatat sebarang nombor siri pada kertas undi atau keratannya yang boleh menimbulkan keraguan dan mencabar prinsip undi sendiri.

SPR seharusnya menyiasat perbelanjaan pilihan raya Barisan Nasional yang jelas tiada had dan melanggar peruntukan akta pilihan raya di samping mengamalkan rasuah politik khususnya politik wang semasa kempen pilihan raya. Harus ada peruntukan undang-undang supaya sepanjang tempoh kempen, semua parti politik yang bertanding mendapat liputan media, baik di elektronik mahupun cetak secara saksama. Eloklah kalau dimulakan di Ketari. Kita sudah terlepas di Indera Kayangan. Satu lagi peruntukan undang-undang harus digubal untuk menghalang pihak kerajaan, sementara dengan izin, *caretaker government* daripada meluluskan sebarang peruntukan atau projek sepanjang tempoh kempen pilihan raya. Mencadangkan SPR menggunakan cap jari dengan cat dakwat, *indelible ink* bagi mengelakkan pengundi hantu pada hari pengundian.

Dalam konteks hubungan masyarakat berbilang kaum, selepas 44 tahun merdeka, kita masih gagal untuk melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang majmuk dan harmoni dan tidak mencurigai antara satu sama lain. Beberapa insiden dalam masa dua tahun kebelakangan ini mencerminkan kelemahan yang ketara ini. Masalah-masalah di atas menyedarkan kita betapa kerajaan sekarang telah menyimpang jauh daripada menunaikan tanggungjawab utamanya iaitu, berkhidmat untuk rakyat dan melaksanakan program pembangunan yang seimbang. Tidak dapat dinafikan, ini adalah hasil daripada kegagalan kerajaan dalam melaksanakan tanggungjawab mengikut lunas-lunas demokrasi sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin memetik sedutan dari tulisan dalam sebuah buku yang diterbitkan oleh salah seorang anggota Parlimen kita, dengan izin.

"... One would have thought that the more intelligent members of the government would have recognised the signs. But the government was apparently oblivious to what went on around it. Secure in its absolute majority in Parliament, it was openly contemptuous of criticism. Policies were made which completely ignored public opinion. Laws were hurriedly passed without prior consultation with the representatives who had to "sell" these laws to the people. Tax innovations were made and discarded with complete disregard for the disrupting effect on the public. In the main, parliamentary sittings were regarded as a pleasant formality which afforded members opportunities to be heard and quoted, but which would have absolutely no effect on the course of the government. The general feeling was whether or not the Parliament sat, the government would carry on. The sittings were a concession to a superfluous democratic practice. Its main value lay in the opportunity to flaunt government

strength. Off and on, this strength was used to change the Constitution. The manner, the frequency and the trivial reasons for altering the Constitution reduced this supreme law of the nation to a useless scrap of paper..."

Petikan tersebut merupakan kritikan Yang Berhormat Ahli Parlimen Kubang Pasu sewaktu beliau menulis buku *The Malay Dilemma* dalam tahun 1970. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan sekali lagi mengingatkan betapa pentingnya dalam merangka program pembangunan kita mengingati bahawa yang perlu dibangunkan adalah manusia yang menghuni gedung sebagaimana yang disebut oleh Almarhum Pak Hamka. Gedung atau bangunan hanya prasarana dan bukannya matlamat akhir. Seluruh usaha kita harus diuruskan ke arah menobatkan harakat dan martabat insan. Kita berada di sini mempunyai tanggungjawab besar untuk memenuhi harapan dan aspirasi rakyat. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Tebrau.

11.47 tgh.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Isnin, 14hb Mac 2002 yang lalu dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mengizinkan saya berucap dalam Dewan yang mulia ini.

Apa pun yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ataupun oleh Perdana Menteri pada setiap kali persidangan Dewan diadakan, maka pihak pembangkang tetap dengan bangkangannya dan mulalah mengkritik dan menghentam kerajaan dengan berbagai-bagai tuduhan, seolah-olah semua yang diucapkan oleh Tuanku makanya salah dan berat sebelah, tetapi bila berlaku di negeri Terengganu dan Kelantan, apa yang dititah atau diucapkan oleh Menteri Besar maka itu adalah betul. Dan apa pula yang dikatakan oleh pembangkang di sana maka katanya tidak betul, tetapi kerana PAS yang memerintah maka ia betul.

Inilah dikatakan bila orang-orang yang dikatakan alim masuk politik maka jadilah ia ulama politik dan bukan ulama sebenar. [Tepuk] Kalau ulama yang sebenar dia tidak bercakap kasar, kalau ulama sebenar dia tidak marah-marah, kalau ulama sebenar dia tidak menuduh, tidak memfitnah, tidak menyebut nama-nama orang lain di khalayak yang ramai. Saya berharap suatu hari nanti ia akan sedar dan akan insaf dan seterusnya bertaubat, insya-Allah.

Kata Yang Berhormat Ketua Pembangkang, semasa DAP dan PAS hendak membantu dalam pilihan raya di Ketari, PAS kata kita tunggu dahulu surat permohonan daripada DAP untuk memohon bantuan bagi dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pusat. Maka difahamkan surat sudah dihantar kepada Setiausaha Agong PAS dan PAS telah membincangkan surat tersebut dengan panjang lebar dalam suasana hangat, maka keputusannya ialah PAS bersetuju menolong DAP dengan syarat Timbalan DAP atau Timbalan Pengerusi hendaklah menarik balik perkataan "langkah mayatnya dahulu kalau hendak dijadikan negara Islam"

Puan Chong Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Nanti dahululah, belum habis ini, tengah syok, tengah syok. Dia tengah begini, jangan kacaulah. Maka DAP pun jawab, katanya dia tetap dengan pendiriannya. Maka jawab PAS pula, "ini macam kita tengok dahulu – KIV". Siapa bangun tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, okey, okey, orang perempuan juga, tidak mengapa, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya sila.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan juga daripada Tuan Yang di-Pertua, adakah apa yang dikatakan di dalam Dewan ini ia mesti berdasarkan fakta dan mesti benar. Saya ingin mendapatkan bukti daripada Yang Berhormat bagi Tebrau manakah yang dia katakan surat-surat itu di mana? Dia adakah bukti dan mendapatkan satu salinan? Kalau dia belum ada, saya rasa dia perlu tarik balik kata-katanya kerana ini bukan berdasarkan fakta dan ini untuk memutar-belitkan, dan di manakah di dalam Titah Baginda ada menyebut mengenai PAS dan DAP akan bekerjasama? Adakah dia sangat *jealous* kita boleh bekerjasama?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat. Cukup, cukup Yang Berhormat. Cukup. Kadang-kadang serupa Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih. Sebenarnya saya pun tahu yang saya akan disoal. Sebenarnya cerita ini, ini ramalan kaji cuaca, [*Ketawa*] bukankah ramalan kaji cuaca, kadang-kadang hujan, kadang tidak hujan. Jadi, surat ini pun mungkin dihantar, mungkin tidak dihantar fasal saya baca dalam tajuk akhbar itu "mesti buat permohonan". Itulah saya agak, agaknya dia bahas, kalau tidak, tidaklah. Tetapi mungkin macam itulah, itu sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, yang lain Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ini tengah yang lainlah, tadi dia kacaunya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Dekat mana saya tadi Tuan Yang di-Pertua? [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Sudahlah tu, sudahlah tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak mengapalah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, yalah, yalah.

Seorang Ahli: Ada lagi tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukankah sudah jawab tadi Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Saya sudah jawab ramalan kaji cuaca?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya suruh cakap benda yang lain.

Puan Chong Eng: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Kemudian saya hendak respons sedikit.

Puan Chong Eng: [*Terus bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat. Sebenarnya, asalnya memang ada kebenaran daripada surat khabar, saya pun ada baca.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Surat khabar. Selepas itu saya buat ramalan kaji cuaca.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tetapi yang lain itu saya tidak tahu. Jadi kalau saya tahu kesemua orang yang bercakap ada

membuat kenyataan, tidak mampulah saya tetapi yang mula itu mungkin ada daripada berita surat khabar. Jadi Yang Berhormat boleh bercakap yang lain. Yang Berhormat. Sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak respons sedikit kepada Yang Berhormat daripada Permatang Pauh. Saya hendak bangun tiga kali dia tidak beri. Dia tadi menimbulkan dia pergi ke luar bandar menengok keadaan jalan yang teruk katanya. Kemudian kata dia, orang-orang besar naik helikopter. Yang Berhormat sedarkah atau tidak, semasa bekas Timbalan Perdana Menteri dahulu melawat pun, saya tidak sempat hendak naik helikopter, dia tidak ajak pun, dia sahaja yang layak ke mana-mana menaiki helikopter. Tetapi hari ini Yang Berhormat pula menyentuh mengatakan orang besar sekarang ini naik helikopter. Apakah bekas Timbalan Perdana Menteri dahulu tidak naik helikopter? Janganlah bila sudah lepas kita menuduh pula yang baru, pada hal ini dibuat juga dahulu.

Kemudian mengenai undi pos, begitu juga. Dia kata, dahulu undi pos ini tidak betul. Sebenarnya dahulu, undi pos ini bekas Timbalan Perdana Menteri bukan main menyokong kuat – “inilah yang baik, yang terjamin”. Sekarang bila sudah tidak ada, orang ini sudah tidak bagus pula, inilah yang susah - bila dahulu okey pada dia, okey, bila tidak, dia kata tidak. Ini saya *quote* sahajalah, ini yang sebenarnya. Saya terus lagi ucapan saya. Ini masalah ... [Disampuk]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Beberapa Ahli: Bagi Yang Berhormat Batang Lupar.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Siapa? Berapa lama hendak tanya lagi pula? Okeylah. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Ya, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak tanya Menteri pagi tadi, tidak dapat tanya Menteri, tanya MP pun cukuplah. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat, terus.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mempersilakan diri. Yang Berhormat tadi kata Timbalan Perdana Menteri yang lepas yang Datuk sebut itu, jadi terasa di fikiran saya, pernah saya satu ketika dahulu meminta sumbangan daripada Timbalan Perdana Menteri yang lepas juga. Jadi dia begitu marah dengan saya, dia kata kita tidak hendak hantar semua duit, buang kertas macam ini, di hadapan saya, di hadapan semua MP. Pada masa itu sebelum penggal 1999 lalu mengatakan “takkanlah hantar semua duit ke Sarawak untuk membangunkan Sarawak.” Saya katakan, di Sarawak itu berlainan sedikit oleh kerana keadaan di mana pembangunan luar bandar adalah kurang. Itulah maka saya meminta peruntukan di lebihkan untuk Sarawak. Jadi dia begitu marah, saya pun merasa malu oleh kerana saya berada dengan Timbalan Perdana Menteri dan kita berasa malu orang besar pangkat. Jadi macam mana ulasan Datuk kepada soalan ini?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ooii, kalau saya jawab mesti sakit hati yang di sebelah nanti. Inilah sebab saya kata, Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, bila benda itu berlaku, waktu kita berada, kita bersama, kita yang bertanggungjawab sama dan juga sama-sama meluluskan membuat itu dan ini, tetapi bila sudah di luar maka kita akan mengata pula. Ini satu teladan yang tidak patut diikuti dan tidak baik.

Saya beralih, ini cerita fasal penambakan, banyaklah kerana penambakan laut di Singapura. Saya ingat Yang Berhormat, masa saya masuk Dewan ini dahulu pun saya ceritakan fasal penambakan laut. Penat cakap, berbuih mulut. Dijawab oleh sebelah sana, “oh, don't worry, jangan takut, kita ada perjanjian, dia tidak boleh ikut suka hati”, jawab kerajaan. Hari ini, heboh dengan Perdana Menteri marah, semua marah, semua mengata Singapura. Maknanya cakap saya itu sudah betul.

Saya sudah kata dahulu, Singapura ini bila kita buat sesuatu kemajuan, termasuk Pelabuhan Tanjung Pelepas, saya kata dia mesti akan cari jalan untuk *sabotage*. Itu saya ingat lagi saya timbulkan di dalam Dewan yang mulia ini. “Oh, tidak mengapa, dia tidak akan boleh buat sesuka hati.” Di sana saya tahu, sudah banyak

berlaku, bukan itu sahaja. Dahulu sekali kejadian kapal terbang jatuh dekat Lido pun, tidak sempat kita hendak tangkap, dengan kapal terbang dan orang-orangnya sekali dia bawa larinya ke sana – dia punya pantas membawanya. Sepatutnya kita tangkap dahulu. Ini sudah timbul hari ini, apa cerita?

Saya sudah kata dahulu masalah penambakan laut ini merbahaya kerana dia menambak ikut suka dia, ini kerana kawasan dialah tetapi dia menjejaskan keselamatan kawasan kita. Kapal hendak lalu dan ini sudah bermula. Kalau diteruskan juga sungainya sempit, lautnya sempit dan kita sekarang bila kapal hendak datang jadi takut. Bila takut, macam mana? Kapal itu tidak boleh hendak masuk ke Tanjung Pelepas *problem*, hendak masuk ke Pasir Gudang *problem*. Jadi macam mana, kita masuklah ke Singapura. Ini yang dibuatnya tetapi dia memang tidak mengaku, mana ada orang salah hendak mengaku. Yang dituduh di mahkamah sampai berbuih mulut pun tidak salah. Yang tentu salah pun kerana peguam bijak, lepas. Itu apa hendak buat. Sudah terjadi di mahkamah.

Jadi, ini kata saya dalam masalah Singapura membuat penambakan, kita kena serius. Kena tunjuk juga keberanian kita bahawa dia akan patuh dan takut kepada kita. Ini masalah nelayan terjejas terutama di kawasan saya, dekat Pasir Gudang. Orang dahulu boleh mendapat rezeki banyak, ikan sudah tidak banyak lagi kerana air itu sudah bercampur dengan pasir, dengan apa yang telah ditambaknya, macam minyak pun ada sedikit. Jadi, nelayan dahulu sudah dapat banyak sudah terjejas, pembelaan ikan pun terjejas, dugong yang dahulu masyhur, adalah lalu lalang, sekarang ada yang dijumpai telah mati. Ini sepatutnya diambil perhatian dan apa sebab kematian itu...

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat bagi Shah Alam. Hendak beri jalan?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak beri, jiran sebelah.

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau. Saya bersetujulah di atas rintihan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat terutama tentang isu penambakan Pulau Tekong yang dibuat oleh Kerajaan Singapura ini. Yang Berhormat ini sebagai Ahli Parlimen daripada negeri Johor, Tebrau ini jiran yang terhampir tentu kesan sampingan dapat dirasa. Tetapi saya pun berfikir, negara Singapura ini bukannya besar sangat, bukan banyak bukit bakau dan pantainya hendak sedut pasir pun tidak cukup. Jadi, ada tidak andaian bahawa negeri Johor juga yang *supply* pasir dan kalau ini berlaku, apa jaminan Yang Berhormat yang negeri Johor supaya perkara ini tidak diteruskan. Ada tidak kemungkinan?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat bekalan pasir ke Singapura ini sudah lama diharamkan tidak dibenarkan masuk, ini sahaja membuat cerita sahaja. Ini sudah tidak ada lagi.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak ada, tidak ada dan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading pula berdiri Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Berapa banyak kacau ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sila. Kalau hendak beri, berilah tidak beri cakap tidak beri.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, ialah berilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tebrau. Selamanya kita orang Johor terasa bahawa Singapura memang tidak ikhlas dalam persahabatan dengan Malaysia. Banyak contoh teladan yang boleh kita kemukakan dan yang terbaru ini yang amat menyakitkan sangat apabila penambakan kononnya hendak

membesarkan muka bumi Singapura. Dia bukan isu sebenar hendak membesarkan atau meluaskan muka bumi Singapura dalam kawasannya kerana kalau dia hendak membesarkan tanah Singapura yang lebih besar melintangnya ialah di kawasan selatan, di kawasan Pulau Sentosa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, panjang sudah itu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak soal sudah ini. Jadi dia sengaja tambak di kuala-kuala untuk masuk ke Selat Tebrau baik di sebelah timur mahu pun di sebelah barat. Sebelah timur terlibat dengan Yang Berhormat Dato' punya kawasan di Pasir Gudang. Jadi sebenarnya bukan masalah kerana hendak membesarkan kawasan Singapura tetapi kerana hendak sabotaj Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), itu matlamat Singapura ia rasa terancam kerana kebanyakan kapal syarikat-syarikat besar dunia telah pun menjuruskan operasinya kepada PTP.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi kepada Singapura, PTP ialah pelabuhan yang mengancam pelabuhan di Singapura. Jadi, soalan saya, kalau itu matlamatnya kerana hendak mensabotaj kepada PTP maka sudah tentu projek ini tidak akan diberhentikan dan nota yang dihantar oleh Malaysia akan diketepikan begitu sahaja kerana kepentingan ataupun strategi matlamat Singapura untuk mensabotaj Pelabuhan Tanjung Pelepas. Apa pendapat dan komen Yang Berhormat bagi Tebrau yang begitu arif di antara hubungan Singapura dan Johorlah khususnya selama menjadi Speaker, Exco dan sebagainya. Saya harap mendapat penjelasan. Sila jawab.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua. Eh! putih pula? [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jangan melibatkan Speaker di sini.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak tadi saya pandang Speaker gelap sedikit, ini putih pula. Saya ingat dia sudah bertukar. Itu saya tidak perasan bila bertukar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sangkaan jahat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Minta maaf [Ketawa] Tidak itu sahajalah. Memang kadangkala Yang Berhormat bagi Sri Gading ini macam dia mengambil alih tempat saya dia berucap panjang, saya sudah tinggal masa sedikit.

Saya memang hendak menjelaskan berhubung dengan tingkah laku Kerajaan Singapura. Sebab itu saya hendak mengenakan syarat nanti. Jadi bila sudah dikenakan syarat, saya hendak menjawab terus kepada soalan Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Ini saya sudah katakan tadi, cerita pasal penambakan. Dahulu saya timbulkan pasal pengukuran laut..., dijawab tidak ada, kita ada dia punya ukuran, dalam laut ini mana ada dia hendak tambak, mana ada tanda-tanda, dia tambak-tambak semakin dekat dengan Johor. Besok bila hendak mengukur dia ambil tengah-tengah. Bila tengah-tengah laut kita sudah diambil, itu pun pernah saya timbulkan.

Kemudian ini Yang Berhormat pasal kawasan tentera kita di Tanjung Pengelih di PULAREK. Ini pun Yang Berhormat pun terjejas juga dengan kapal tentera kita punya laluan kapal keselamatan, tidak tahu dia ini apa tujuannya. Mana kita buat dia, dia akan mengambil tindakan balas. Jadi saya hendak begini..., kalau juga dia, ini dengar cerita kerajaan telah pun menghantar surat dan pihak Singapura akan melihatkan perkara ini. Kita hendak tahu dan kita kenakan syarat, jika berlaku bencana laut, air kotor, kapal terkandas, laluan sempit di belakang hari ini di mana kita tidak tahu berlaku di belakang hari, dia degil juga, maka Kerajaan Singapura mesti membayar ganti rugi. Ini sekiranya hendak membuat perjanjian masukkan di dalam syarat perjanjian itu. Mesti membayar ganti rugi yang besar. Jika dia tidak setuju dan terus mengatakan tidak ada masalah, jika mungkir janji kita akan mengambil tindakan. Banyak tindakan kita boleh ambil.

Ini cerita air, tindakan bolehlah, menyekat air, apa cerita pun lah, kalau hendak bergaduh, gaduhlah. Kalau memang sudah hendak bergaduh betul. Kita tidak mahu

bergaduh dengan Singapura ini. Saya pun tidak mahu bergaduh. Saya pun dekat dengan dia, siapa hendak bergaduh, tetapi dia ini..

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Hulu Terengganu bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Hem.. tengah seronok ganggu lagi. Okey.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersimpati dengan Yang Berhormat kerana cadangan-cadangan, saranan-saranan dan Yang Berhormat telah memberitahu dalam persidangan yang lepas, sudah berbuih memberitahu. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa sebenarnya suara Yang Berhormat tidak laku di peringkat kerajaan dan juga ataupun kalaulah laku kerana kelemahan Menteri-menteri yang terlibat, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pertahanan. Sebab apa, perkara ini kita tidak menyiasat daripada awal dan kita dapat maklumat dan terus bertindak cepat sebelum perkara sudah menjadi parah. Mereka sudah membuat kerja dan perkara itu sudah hampir hendak selesai kita berdegar-degar di sini. Apakah Yang Berhormat setuju dengan pandangan saya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Yang Berhormat pun nampak bersetuju. Sebenarnya Menteri itu, Menteri kita ini baik. Okey kita cakap berbuih-buih, dia tengok dahulu. Ini dalam orang sabar, tengok ada dia punya hikmah, tidak macam orang di sebelah sana gopoh gapah, selepas itu bertabur dan bermacam hal berlaku dan sudah menjadi masalah. Kita tidak apa, kita tegur dan Menteri kita dia tengok lagi dan berbincang lagi. Bukan suara saya tidak di dengar, dia dengar tetapi kerajaan kita ini baik. Tetapi kita ingatkan sekali lagi, kali kedua. Ini kali kedua sudah berlaku, bukan kelemahan, tidak ada, semuanya baik.

Jadi kita berharap...*[Ketawa]* Di sana sukalah mencari jalan yang tidak baik. Kemudian ini cerita tadi Okey dia tidak mahu kita sekat air dia. Apa cara sekatan, tidak kisahlah cara baik. Kita kena kuatlah sedikit kita punya amaran itu. Kalau dikumpulkan sejarah Singapura dengan kita bermasalah, memang bermacam-macam masalah. Pasal medialah, sudahlah saya tidak hendak cerita pasal itu, sudahlah, lupakanlah yang dia mengatakan masa Pemuda Barisan pergi, bermacam ceritalah dibuat ya. Kita sekat kalau tidak boleh disekat kita tengok tanah dia lalu dekat mana. Dekat kawasan saya bukan main banyak batang paip besar, sepanjang jalan dan duduk di kawasan saya dia punya loji yang besar. Ha, apa macam? Kita tolkan, kita naikkan harga tanah, kita jual, kalau tidak mahu membayar harga tanah yang tinggi kita potong, macam mana apa perlu kita buat? Kita boleh buat dalam kawasan kita. Gaduh-gaduhlah tetapi kita tidak mahu bergaduh. Itu saya ingatkan, bukan cakap saya ini kita hendak berperang. Saya kata, dia ini kadang-kadang sudah melampau.

Banyak senjata kita boleh buat, dalam masalah air ini. Kita jual sedikit, dia jual banyak. Kita kenakan syarat, jangan takut. Ini besok entah diterima atau tidak cadangan kita. Kalau tidak, ikut cadangan saya tadi kalau Singapura tidak mahu ikut.

Beberapa Ahli: Harga air?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada – Perjanjian Air sudah selesai, saya ambil sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sikit-sikit lagi. Yang Berhormat naik sahaja, saya kena sekat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kita orang pun mahu cakap juga ni!

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Dalam masalah bidang pertahanan, saya terima kasihlah, kerajaan sekarang bolehlah mengembangkan sedikit angkatan tentera kita. Saya hendak minta kerajaan memberi perhatian yang lebih terhadap keselamatan negara kerana dunia sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, siapa kuat angkatan tenteranya maka ia menunjukkan kesombongannya kerana ia tahu dalam bidang tentera amat penting sehingga negara jiran kita yang terdekat iaitu Singapura juga memberikan perhatian utama dalam bidang ketenteraan.

Selain daripada berlatih setiap minggu memanggil rakyatnya berlatih, setiap minggu - kalau kita buka radionya ada tulis ...suruh datang berlatih, tiap-tiap minggu, hari-hari ada untuk melaporkan diri bagi latihan tentera, siap hendak membeli kapal selam, membeli senjata moden, membeli kapal perjuangan, membeli peluru berpandu dan lain-lain, apa sahaja semua dibeli. Entah hendak buat apa, tidak tahu! Kita kena cemburu juga, walaupun kita kata bukan hendak perang, bukan hendak gaduh, tetapi dia punya sibuk macam itu – padahal negara dia negara industri elektronik. Ya, tidak ada pasal dia mesti hendak kuat tu tetapi apa pasal dia hendak buat – sudah tu buat perjanjian dengan Amerika. Membenarkan kapal perang Amerika berlabuh di Singapura, ada perjanjian dia boleh labuhkan kapal perangnya di Singapura.

Kita tahulah Amerika. Saya tidak hendak sebutlah satu persatu. Membenarkan kapal Amerika berlabuh di Singapura maka ia sangat berhampiran dengan negara kita. Jadi, saya berharaplah kepada kerajaan menyegerakanlah pembelian kapal-kapal selam, apa yang patut, kapal perangnya, kapal peluru, kalau boleh banyakkannya pasukan angkatan tentera kita letak di Tanjung Pengelih. Pengelih ini pun kapal kita sudah sempit tidak boleh masuk, kita tempatkan sahajalah untuk keselamatan negara kita, bukan untuk tujuan apa. Tetapi kita kena berjaga-jaga sebelum berlaku, kalau sudah berlaku besok satu sen pun tidak guna. Berlaku macam Israel dengan Palestine, tidak kira pejabat pun habis tembaknya dengan peluru berpandunya. Jadi, itu kita harap kepada kerajaan dalam masalah ketenteraan dan keselamatan negara diberi perhatian yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, sukan, sikit sahajalah. Tahniah Malaysia berjaya menjadi johan dalam sukan SEA, dalam Ucapan Titah Diraja pun ada, di sukan SEA atau sukan Asia Tenggara. Walaupun begitu, saya dukacita sikit - KOM. Persatuan Olahraga Malaysia.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: K-O-M.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yalah K-O-M! Tidak apalah, malas hendak baca K-O-M, KOM sahajalah. Dia pun telah kena gantung oleh putera sukan. Saya haraplah, dahulu masa Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, tidak ada dalam Dewan, sudah keluar agaknya. Masa dia pegang dahulu, okeylah, olahraga bagus, berjalan dengan baik, tidak ada gaduh, tidak ada apa, lepas dia tinggal, bergaduh pula. Itu kita tahniahlah. Itu sebab orang politik kalau pimpin selalu berjaya, bagus ya. Ha! Ini sudah tidak bagus.

Jadi, saya hendak cadangkan supaya Menteri selesaikan dengan segeralah, jangan mengganggu kewibawaan ahli-ahli olahraga kita walaupun ada kata persatuan negeri-negeri tidak terjejas, tetapi bila sudah bapa, induknya masalah, yang lain jadi masalah. Jadi, kalau hendak ambil alih atau hendak suruh mesyuarat agung khas atau serta-merta dikendalikan oleh Majlis Sukan Negara buat mesyuarat khas, panggil semua dikelolakan oleh Majlis Sukan Negara, supaya masalah ini selesai. Kita hendak anjur macam-macam sukan ni, sukan Komanwel pun tidak lama lagi. Jadi, kalau masalah ini tidak dapat diselesaikan, maka akan masalah.

Kemudian, peristiwa Memali, ini saya sentuh sikitlah, sudah banyak diperkatakan, dia kata *stop* tetapi saya mahu cakap juga. Sejarah telah berlalu, kematian telah ditakdirkan oleh Allah S.W.T., pahala dan dosa telah dicatatkan oleh malaikat, biarkanlah dia dengan amalan dan perbuatannya. Allah S.W.T. sahaja yang maha mengetahui segala-galanya.

Kertas putih telah dikeluarkan, rancangan video telah menunjukkan peristiwa tersebut, kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak mengayakan bermacam-macam gaya. Ada joget dengan parang, ada dengan alat merbahaya, seolah-olah telah dipukau atau telah tidak sedarkan diri. Bekas waris-warisan dan keluarga kepada mangsa peristiwa Memali telah menceritakan kejadian dan punca sebenar dalam peristiwa ini. Jangan kita mempertahankan kepada individu tertentu kerana ia ada kaitan dan hubungan dengan parti kita.

Majlis Fatwa Kebangsaan telah membuat keputusan, Majlis Fatwa Negeri Kedah juga telah membuat keputusan, kita patuhilah keputusannya kerana mufti ini tidak terikat dengan mana-mana politik dan ianya mempunyai ilmu, adap, kelakuan, percakapan yang mulia, yang baik dan disegani dan dihormati.

Berbeza dengan ulama yang dikatakan ulama dari PAS asyik menggunakan perkataan, percakapan yang kesat, menuduh, mengumpat, memfitnah, lekas naik

marah dan berang dan tidak menerima kesalahan, asyik kata dia sahaja betul. Mengenali dan mengukur seorang ulama bukan diukur daripada pakaian, jubah, serban, misai dan janggut semata-mata kerana ramai yang berpakaian sedemikian telah terpesong dan memesongkan orang lain daripada ajaran agama Islam yang mulia.

Ukuran yang paling utama ialah pada amalannya dan pada tutur katanya dan beramal dengan ilmunya dengan penuh takwa dan beriman, baik bahasanya, sebutannya dan percakapannya. Kita berdoa kepada semua yang meninggal dunia termasuk pasukan angkatan polis dihimpunkan dalam kumpulan mukminin dan juga kumpulan-kumpulan ahli jannah.

Dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua - ini kalau ada – saya hendak sentuh kepada JKR, Menteri tidak ada tidak apalah. Akhir sekali, ini pasal yang beri kontrak-kontrak besar kepada pihak-pihak tertentu seperti buat lebuhraya, jalan yang beratus-ratus juta. Ini saya mintalah kalau kontraktor besar itu diberi sebagai satu kontrak tetapi kerja-kerja yang kecil ini, janganlah anak-anak syarikat yang syarikat besar itu tubuhkan, dia juga ambil syarikat itu. Berilah kepada kontraktor bumiputera yang lain, meratakan tanah, membekalkan apa yang kecil-kecil ini beri kepada kontraktor lain supaya dia juga menikmati di atas kemajuan dan projek besar yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya dan sebagainya.

Jadi, semua rakyat dapat, jangan kontraktor yang besar dapat lepas itu ditubuh syarikat ini, dia ambil, dia tubuh syarikat itu, dia ambil. Jadi, maknanya satu itu cuma kepunyaan kontraktor yang besar. Jadi, saya minta Jabatan Kerja Raya bila membuat projek besar agihkan projek kecil ini kepada bumiputera. Ini pastikan, ini wajib, dalam itu disyaratkan. Itu dahulu saya ada tubuh SDC dahulu, bila dia tubuhkan habis dia tubuh syarikat kecil, syarikat kecil, syarikat kecil, bila rugi dia tidak ada masalah.

Jadi, projek besar yang hendak dibuat oleh JKR – lebuhraya, saya minta dicatatkan dalam syarat iaitu memberi kontrak kecil kepada syarikat-syarikat bumiputera. Jadi, semua dapat menikmati projek besar.

Jadi, akhirnya saya ada pantun *[Disampuk]*

Beberapa Ahli: Besoklah, besok.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Eh! Mana boleh besok.

*Yang baik itu ilmu;
Yang enak itu beras;
Yang baik itu UMNO;
Yang tidak baik itu PAS.*

Sekian. *Wabillahitaufiq Walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Jelutong.

12.13 tgh.

Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbincangan Titah Diraja pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah mengumumkan dividen sebanyak 5% untuk simpanan pencarum bagi tahun 2001. Dividen ini adalah yang terendah sejak tahun 1963 dalam sejarah KWSP.

Di antara sebab-sebab yang diberikan oleh KWSP adalah kerana pulangan kadar faedah yang rendah. Tetapi penerangan ini tidak dapat diterima oleh masyarakat umum kerana pada masa kegawatan ekonomi tahun 1986/1987, KWSP pun dapat membayar 8.5% dividen. Begitu juga pada tahun 1997/1998, apabila negara kita dilanda krisis kewangan, dividen pada masa itu adalah 6.7%.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan pada hari ini bukan sahaja setakat dividen yang rendah kepada lebih daripada 10 juta pencarum tetapi juga berkaitan dengan konsep fundamental kewujudan KWSP. Seperti mana kita sedia maklum, KWSP adalah ditubuhkan untuk menyediakan faedah persaraan kepada para pekerja yang tidak berpencen bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan persaraan yang selesa tetapi dengan dividen rendah seperti yang diumumkan baru-baru ini, dapatkah

KWSP mencapai matlamat mereka yang bermotto “KWSP – Simpanan Hari Tua Anda”. Malangnya, jawapannya adalah tidak.

Ini adalah kerana KWSP telah memperkenalkan terlalu banyak skim pengeluaran yang akhirnya akan mengurangkan simpanan hari tua pencarum. Pada masa sekarang, KWSP telah mengadakan Akaun 1, 2, 3 dan mulai 1 Januari tahun ini, Akaun 4 pula diwujudkan untuk pengeluaran tertentu.

Di antara pengeluaran-pengeluaran ini adalah:

- (i) Skim pengeluaran kesihatan.

Di bawah pengeluaran ini, pencarum boleh mengeluarkan simpanan mereka untuk membiayai kos perubatan pencarum dan ahli-ahli keluarganya. Kekurangan pengeluaran skim ini adalah pada lazimnya pengeluaran ini tidak mencukupi untuk membiayai kos perubatan yang kian meningkat. Ini adalah kerana mengikut laporan KWSP, 60% daripada pencarum mempunyai simpanan kurang daripada RM10,000.

Skim pengeluaran ini juga terhenti selepas pencarum mencapai umur 55 tahun. Ini tidak betul kerana pada masa selepas 55 tahunlah keperluan bantuan perubatan akan meningkat.

- (ii) Skim pengeluaran pengajian.

- (iii) Skim pengeluaran membeli komputer.

Pengeluaran ini merupakan satu lagi *leakages*, dengan izin, di mana konsep simpanan hari tua akan dikompromikan. Pengeluaran ini akan *divert*, dengan izin, simpanan untuk hari tua kepada kegunaan semasa. Apa yang menyakitkan hati adalah skim pengeluaran ini telah disalahgunakan oleh pencarum untuk tujuan lain.

Baru-baru ini dilaporkan pula komputer yang dibeli melalui skim ini adalah RM400 lebih tinggi daripada harga pasaran. Kesemua kejadian ini adalah bertentangan dengan misi KWSP untuk menjaga dan meningkatkan nilai simpanan ahli.

Tuan Yang di-Pertua, skim KWSP yang membenarkan pengeluaran sekali gus atau *lump sum payment* juga menjadi satu ancaman serius kepada konsep KWSP sebagai simpanan hari tua pencarum. Ini adalah kerana sebilangan besar ahli tidak berupaya untuk melaburkan simpanan persaraan mereka dengan baik dan tidak mempunyai disiplin yang kuat untuk menentukan simpanan yang dikeluarkan sekali gus itu benar-benar digunakan untuk persaraan.

Mengikut laporan, sebilangan besar pencarum terutamanya pencarum dari kalangan berpendapatan rendah, menghabiskan simpanan KWSP mereka dalam masa 5 tahun selepas pengeluaran sekali gus ini dikeluarkan. Saya berharap pihak KWSP dapat mengadakan kajian ke atas kejadian yang dikatakan supaya *remedial action*, dengan izin, dapat diambil supaya matlamat KWSP sebagai simpanan hari tua pencarum tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk merealisasikan misi KWSP untuk menjaga dan meningkatkan nilai simpanan ahli, KWSP diharap tidak melupakan inisiatif untuk memastikan caruman itu memberi pulangan yang lebih baik kepada pencarum. Dukacita dikatakan, KWSP telah gagal dalam misinya setakat ini atas sebab-sebab berikut:

Pertama, KWSP telah gagal mengambil kira kos sara hidup yang terus meningkat untuk memastikan *purchasing power* pencarum, dengan izin, tidak terhakis atau *eroded*.

Apabila mengumumkan dividen 5% baru-baru ini KWSP telah mengatakan pulangan ini adalah positif memandangkan kadar inflasi negara adalah 1.4%. Kenyataan ini adalah menyedihkan kerana dengan alasan yang diberi itu, KWSP memberi satu gambaran bahawa ianya telah mengaku kalah untuk mencari jalan untuk memberi satu pulangan yang lebih berpatutan kepada pencarum. Kenyataan itu juga

gagal mengambil kira peningkatan kos perubatan yang dianggarkan meningkat dengan kadar 6% setahun.

Sebab kedua mengapa KWSP telah gagal adalah misinya untuk menjaga dan meningkatkan nilai simpanan ahli adalah KWSP telah gagal untuk mendapatkan pulangan yang terbaik dalam pelaburannya. Ini kita boleh dapati dari dividen yang semakin berkurangan. Seperti yang dikatakan tadi, dividen 5% adalah terendah sejak tahun 1963.

Kejadian ini tidak masuk akal sama sekali jikalau kita bandingkan dana yang dilaburkan oleh KWSP pada 1963 adalah kurang daripada RM1 bilion tetapi pada tahun 2001, dana yang dikuasai oleh KWSP adalah lebih daripada RM186 bilion. Jikalau pada tahun 1976, KWSP telah dapat mengumumkan dividen 7% dan juga bonus istimewa sebanyak 0.4% untuk meraikan ulang tahun ke-25 KWSP, KWSP telah mengumumkan dividen yang terendah dalam 38 tahun pada masa ulang tahun ke-50 ini. Kalau kita lihat pulangan KWSP dari segi ini, prestasi KWSP setakat ini adalah sangat-sangat mengecewakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa diberitahu bahawa pulangan KWSP adalah rendah kerana falsafah pelaburan KWSP yang konservatif dengan tidak meletakkan risiko kehilangan terhadap dana pencarum. Adakah ini benar? *Nothing can be further than the truth*, dengan izin.

Yang lama kita tidak payah cerita, ambil sahaja dua contoh terbaru. Yang pertama adalah mengikut angka Kementerian Kewangan, jumlah pinjaman yang dibuat oleh KWSP yang tidak dapat dikutip balik setakat 31 Disember 2001 adalah berjumlah RM329 juta.

Contoh kedua adalah lebih teruk lagi. Ini adalah pelaburan KWSP dalam syarikat subsidiarinya, Malaysian Building Society Berhad (MBSB). Pelaburan KWSP dalam MBSB adalah RM1 bilion. Baru-baru ini, MBSB telah mengumumkan kerugian empat tahun berturut-turut berjumlah RM950 juta. Ini tidak termasuk lagi tuntutan sivil lebih daripada RM1 bilion dan jaminan yang telah diberi oleh MBSB berjumlah RM323 juta.

Mengikut laporan ini, akibat dari kerugian ini adalah *lending to questionable development project*, dengan izin. Kelemahan-kelemahan yang dikatakan adalah *food for thought*, dengan izin, jika KWSP ingin mencapai misinya untuk menjaga dan meningkatkan nilai simpanan ahli.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang dikatakan, saya mencadangkan seperti berikut:

Pertama, untuk betul-betul menjadikan KWSP sebagai simpanan hari tua pencarum, semua pengeluaran sebelum 55 tahun sepatutnya dibatalkan.

Pengeluaran untuk perumahan kesihatan, pengajian dan pembelian komputer boleh digantikan dengan pinjaman tanpa faedah oleh KWSP. Ini bermakna pencarum boleh meminjam daripada KWSP mengikut kelayakan pencarum masing-masing. Pencarum akan membayar balik pinjaman tanpa faedah ini kepada KWSP melalui potongan gaji mereka. Ini akan memastikan simpanan pencarum tidak dihakis.

Langkah ini adalah penting kerana mengikut laporan tahunan insurans 1999, 81% ahli KWSP yang berumur 54 tahun mempunyai kurang daripada RM30,000 pada akaun mereka. Situasi begitu adalah membimbangkan kerana jikalau perbelanjaan ahli ini bila bersara adalah RM1000 sebulan dia akan habis menggunakan simpanannya dalam masa kurang daripada tiga tahun. Ini bermakna majoriti besar ahli KWSP akan mengalami masalah kewangan apabila mereka berumur 58 tahun sahaja.

Cadangan kedua, satu skim anuiti patut diwujudkan untuk menjaga pencarum semasa bersara sehingga akhir hayatnya. KWSP telah membatalkan skim anuitinya dengan tergesa-gesa apabila kesatuan sekerja menentang skim ini kerana mereka tidak mahu skim ini diuruskan oleh syarikat-syarikat insurans yang dipilih atas alasan premium yang tinggi, antaranya. Pembatalan ini telah memberi dua gambaran negatif kepada KWSP.

Pertama, ini menunjukkan KWSP tidak merancang dengan teliti skim anuiti yang dilancarkan.

Kedua, adakah KWSP mengkompromikan kepentingan ahli-ahlinya kepada syarikat-syarikat insurans yang dipilih. Jikalau tidak, mengapa membatalkan skim anuiti ini? Bukankah lebih baik pencarum diberi *option* untuk memilih sama ada mereka ingin menyertai skim anuiti ini atau tidak. Walaupun KWSP telah mewujudkan satu Akaun IV untuk skim pengeluaran bulanan atau *monthly withdrawal payment scheme*, skim ini hanya dapat membayar bayaran sampai umur pencarum mencapai 75 tahun sahaja.

Cadangan ketiga adalah KWSP patut menjamin satu pulangan minimum lebih daripada kadar inflasi untuk tahun yang berkenaan. Kadar peningkatan kos perubatan patut diambil kira apabila kadar inflasi ditentukan.

Cadangan keempat, satu badan berkanun yang bebas atau *independent regulatory body* patut diwujudkan untuk menyelia atau *supervise* semua urusan KWSP untuk kepentingan ahli-ahlinya. Pada masa sekarang tindakan atau keputusan pengurusan KWSP tidak dapat disoal oleh ahli-ahlinya. KWSP hanya bertanggungjawab kepada kerajaan kerana kerajaan mempunyai kawalan undang-undang atau *statutory control* ke atasnya. Dengan adanya badan berkanun yang bebas ini situasi percanggahan kepentingan atau *conflict of interest* di antara kerajaan dan ahli-ahli KWSP terutamanya dari segi pelaburan dapat dikurangkan, jikalau tidak dapat dielakkan.

Akhir sekali, KWSP juga patut membenarkan pengeluaran bercorak *interest free loan* kepada ahli-ahlinya menghadapi *retrenchment* - dengan izin - pada masa kegawatan ekonomi. Pengeluaran ini akan menolong ahli-ahli KWSP dan keluarganya untuk mengatasi masalah kewangan semasa ahli-ahli ini mencari kerja baru atau memulakan *business* baru.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peningkatan saiz caruman dana dan keahlian yang pesat KWSP mesti mengambil langkah untuk berubah dengan cepat supaya misi KWSP untuk menjaga dan meningkatkan nilai simpanan ahli dapat dicapai. Kritikan-kritikan seperti dividen yang tidak memuaskan dan KWSP dikaitkan dengan prasangka campur tangan kerajaan menggunakan wang persaraan ahli-ahli KWSP untuk membantu syarikat-syarikat dan projek-projek tertentu dan menyokong pasaran saham harus dipandang serius dan perubahan-perubahan dibuat untuk mengatasi imej negatif ini. Hanyalah dengan sikap positif, telus dan profesional barulah kita dapat menjadikan KWSP sebuah agensi yang efektif dan dinamik untuk memenuhi aspirasi ahli-ahlinya supaya kesejahteraan masa persaraan mereka dapat dijamin.

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Kedah.

12.30 tgh.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menjunjung titah diraja yang dilafazkan pada hari Isnin yang lalu iaitu negara kita untuk meneruskan pemerintahan secara demokrasi. Dalam sistem demokrasi semua kita tahu bahawa untuk mendapat kuasa, prosesnya melalui pilihan raya. Bila diadakan pilihan raya, parti mana yang dipilih menang dan tubuh kerajaan. Yang kalah bersabar dan terus bekerja untuk mendapat kuasa pada masa yang akan datang. Parti-parti yang bertanding pula mestilah *influence* rakyat iaitu menjalankan propaganda menerangkan dasar parti mereka, perjuangan parti mereka di samping menerangkan kesilapan parti lawan. Ini adalah biasa dalam proses demokrasi.

Dalam proses demokrasi juga kita bersedia untuk menerima kekalahan. Kami daripada PAS misalnya tidak pernah menang di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan dan kami tidak pernah merajuk daripada menyertai saluran demokrasi untuk mendapatkan kuasa. Oleh itu, rakyat diberi peluang untuk mendengar maklumat-maklumat daripada parti-parti yang hendak bertanding.

Saluran maklumat yang ada ialah melalui akhbar. Kepada parti yang tidak memerintah, akhbar adalah terhad. Radio dan TV sudah tentu tidak dapat liputan. Yang ada pada mereka hanyalah majlis penerangan iaitu ceramah. Kalau ceramah pun disekat, ertinya demokrasi seolah-olah tidak ada. Biarlah BN memerintah terus sampai bila-bila sebab tidak perlu lagi ada pilihan raya bila parti-parti tidak dapat menyampaikan maklumat kepada orang ramai.

Kita hendak bertanding pilihan raya, kita menolak cara angkat senjata, kita menolak cara jalan raya. Bila kita hendak bertanding pilihan raya, rakyat mesti dapat

maklumat untuk mereka memilih parti mana yang mereka mahu. Selepas tahun 1999 kita lihat usaha untuk menyekat aliran maklumat begitu ketara sekali dijalankan oleh parti yang memerintah. Sekatan ceramah yang tidak diisytiharkan akhirnya berlakulah berbagai-bagai peristiwa. Selepas berlaku berbagai peristiwa barulah Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa boleh berceramah di markas. Sebelum Menteri Dalam Negeri mengatakan boleh, saya telah bermandikan gas dan air asid berkali-kali di markas-markas PAS. Saya sendiri ditangkap di markas PAS di Pongsu Seribu, Kepala Batas; ditangkap di Kupang dalam markas PAS dan diheret saya seperti pendarang Vietnam tanpa berkasut dan sebagainya; pergi ke balai polis dan dijemur

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan....

Tuan Mohamad bin Sabu: Sekejap, sat, ya? Dijemur di tengah embun hingga ke subuh. Sebagai Ahli Parlimen mungkin Yang Berhormat lain mengatakan ini permainan pembangkang, ini giliran pembangkang, tetapi saya Ahli Parlimen bersama dengan Adun digari, berceramah dalam markas.

Kemudian begitulah juga di tempat-tempat yang lain di Kepong, berceramah dalam markas. Jadi, sebelum Menteri Dalam Negeri membuat kenyataan, aku terseksa, terpaksa naik tangga balai polis, mahkamah dan sebagainya kerana berceramah di dalam markas. Saya sendiri telah tiga penggal berada dalam Parlimen ini membuat undang-undang di sini, tak akan saya tidak tahu undang-undang.

Saya tahu undang-undang. Kalau buat perhimpunan di tengah jalan raya, depan Kedutaan Amerika, kita berunding dengan pihak polis. Berapa lama dia izin, kalau sejam, sejamlah; sebab kita tahu itu perlukan permit.

Berceramah dalam markas tidak perlu permit tetapi dikepak, digas, disepak, ditendang orang awam dalam markas. Anak-anak kecil pengsan dan sebagainya. Ini yang menyebabkan kadangkala rakyat jelata menganggap hendak jatuhkan kerajaan tidak boleh melalui pilihan raya melainkan jalan raya. Ini yang berlaku di Filipina, yang berlaku di Indonesia, yang berlaku di Iran, yang berlaku di Korea. Kita tidak mahu perkara itu berlaku di Malaysia. Kita mahu kalau hendak jatuhkan pemerintah melalui pilihan raya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: *Yes, ladies first.*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat cukup *gentleman*, bagi *ladies first*. Tuan Yang di-Pertua, saya dengar tadi Yang Berhormat bila menceritakan pengalaman Yang Berhormat ditangkap, kasihanlah. Nampaknya daripada cerita yang disebut di Dewan yang mulia ini menggambarkan bahawa pihak polis kita tidak berperikemanusiaan. Kita sebagai rakyat Malaysia sentiasa kita melihat di sekeliling kita, bukan sahaja polis bertindak kepada pembangkang tetapi polis juga bertindak kepada perompak, penyamun, kepada judi haram, *loan shark* dan sebagainya. Ini kerja polis. Tetapi kita tidak pernah mendengar daripada mana-mana pihak yang polis bertindak sedemikian. Saya hairan bagaimana dengan Parti PAS ini polis boleh bertindak menendang kanak-kanak sehingga pengsan. Adakah ini satu gambaran yang nyata dan benar bagi negara kita.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bukan polis tendang tetapi kena gas, dengar betul-betul. Dia yang dok bawa cerita yang merapu di Arau ini. Yang kena gas itu pengsan di kampung, di markas, di tepi rumah orang. Jadi, perkara-perkara seperti ini perkara yang tidak kena, kita kena perhatikan. Saya hormat kerja-kerja polis dan beberapa kali dalam Dewan ini saya bercakap supaya soal gaji polis, elaun polis dan saya duduk di balai polis itu dua, tiga jam kadang-kadang saya lewat dilepaskan kerana polis hendak dengar ceramah. Mereka kata "Yang Berhormat terang sedikit hal-hal Afghanistan kepada kami." *[Ketawa]* Ini berlaku di Butterworth. Saya terang kepada mereka dan mereka kata "Yang Berhormat bolehkah bercakap beberapa perkara hal elaun SB, hal elaun pakaian" dan saya telah bercakap di sini dan Timbalan Menteri pun sudah menjawab apa yang saya bercakap di sini. Saya telah dapat berbual

dengan polis-polis di balai polis tetapi tindakan mereka bertentangan, melanggar undang-undang. Selalu disebut, rakyat sahaja melanggar undang-undang tetapi jarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Saya simpati dan kasihan mendengar rentetan daripada Yang Berhormat. Tetapi saya rasa Yang Berhormat juga tersilap, di mana seorang yang disimbah asid ini tak usah bilang cedera, dia boleh melibatkan kematian. Tetapi nampak hari ini Yang Berhormat masih segar bugar. Bererti yang disimbah itu bukan asid tetapi air biasa. Itu untuk menyejukkan [Ketawa]

Tuan Mohamad bin Sabu: Kalau hendak tahu marilah kita berceramah sekali. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada tajuk saya.

Jadi, penerangan ini dan siapa menang dalam pilihan raya kita terima. Kita terima siapa yang dipilih oleh rakyat setelah rakyat diberi maklumat. Oleh itu, kita harap rakyat tidak ubah agenda perjuangan iaitu kita mendapatkan kuasa melalui pilihan raya, dan kita hormat. Misalnya pilihan raya akan datang, Kedah kami perintah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jeli bangun.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Kita jadi rasa hairan, mutakhir ini kenapa polis bertindak sebegitu rupa. Kalau dahulu tidaklah sebegitu rupa. Agak-agak Yang Berhormat ini pihak mana yang bersungguh-sungguh sangat hendak menyekat ceramah, adakah kerana pihak dia berceramah tidak ada orang dengarkah atau macam mana ceritanya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Hal-hal Perdana Menteri, sebab Perdana Menteri yang berkuasa. Walaupun arahan itu tidak mengikut undang-undang tetapi mereka buat. Bila kita pergi ke mahkamah, kita berbincanglah di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pemerintah pula kita tahu mereka tak perlu berceramah, sudah ada TV untuk mereka. Misalnya RTM menyiarkan *clip* Memali. Perdana Menteri kata tak perlu berceramah, sehingga pilihan raya sahaja kita perlu berceramah. Saya setuju dengan Perdana Menteri, ini pandangan yang cukup baik. Biarlah kita buat kerja lain, kita hendak membaca, hendak *research*, hendak berkhidmat dalam kawasan kita daripada berceramah setiap malam. Kita tak boleh berceramah tetapi TV hentam kita setiap hari. Ini politik apa macam ini. Hendak kata bahasa kasar nanti Arau tegur pula. Kalaupun televisyen itu harga RM2.00 saya hempuk hari-hari. [Ketawa] Hari-hari saya tendang. Tetapi oleh kerana harganya ribu-ribu, anak kita hendak tengok maka kita pun tak hempuk. Kalau kita ludah, mari filem lain kita hendak tengok kita terpaksa lap balik [Ketawa]

Perubahan RTM begitu nyata, saya nyatakan sekali lagi selepas Datuk Zainudin bin Maidin masuk RTM, kerana dia bukan orang politik. Banyak Ahli Parlimen yang sudah ada selama tiga penggal, kenapa tidak lantik jadi Setiausaha Parlimen. Lantik orang yang merapu. Sejak dia masuk, walaupun Jempol orang yang baik, dia pun tewas dengan Setiausaha Parlimen. Dia masukkan program-program yang sebegitu rupa. Sebab itu kalau saya bersetuju dengan ISA, saya sebut orang yang paling layak ditahan di bawah ISA ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan.

Tetapi saya tidak setuju dengan ISA, itu prinsip kita. Kerana sejak dia masuk di situ, RTM tidak lagi menjadi alat propaganda kerajaan tetapi sudah menjadi alat penghasut dan alat propaganda UMNO. Berbeza alat propaganda kerajaan dengan alat propaganda UMNO. Menerangkan dasar kerajaan, menerangkan dasar penswastaan, menerangkan dasar pelaburan, kenapa Perdana Menteri melawat Antartika, itu dasar kerajaan. Terangkanlah, kami tak cemburu. Tetapi RTM kebelakangan ini sudah menjadi alat propaganda UMNO dan cacamarba, bukan lagi alat propaganda kerajaan.

Ini kita harap pihak kerajaan mengambil perhatian. Kalau kita bertemu orang ramai sekarang, sama ada mereka itu pegawai-pegawai kerajaan, kita balik luar negara, pertama sekali mereka sambut kita "Selamat kembali ke tanah air", selepas itu

mereka sebut, "Menyampah betul RTM". Ini pegawai-pegawai kerajaan sebut. Ambil perhatian, kalau tidak, Jempol pun hilang kerusi [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah sekali lagi kita berharap bahawa dengan kenyataan Menteri Dalam Negeri, boleh diadakan majlis-majlis penerangan di dalam markas, dan di luar markas kita perlu memohon permit, hendaklah diberikan supaya rakyat tidak mengubah agenda perjuangan iaitu mendapat kuasa melalui proses demokrasi dan pilihan raya....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri berkaitan dengan ceramah bahawa boleh berceramah di tempat yang tertutup dalam markas, di luar markas, di tempat awam kena minta permit, itu hanya satu kenyataan dibuat di akhbar tetapi tidak ada satu pengarah kepada pihak polis untuk menerima pakai kenyataan yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri.

Saya tunjuk contoh, kebetulan Timbalan Menteri Dalam Negeri ada. Hari ini kawasan saya, PAS Kawasan Pokok Sena telah mengemukakan satu permohonan permit di Ibu Pejabat Polis Kota Setar tetapi kerani di balai polis tersebut tidak mahu menerima permohonan tersebut atas alasan, dia kata ini arahan Ketua Polis bahawa sejak daripada bulan Jun dahulu tidak ada permit yang dikeluarkan dan tidak ada permohonan yang diterima. Pegawai kerani yang menerima itu ialah Puan Salmah, di Ibu Pejabat IPD Kota Setar. Jadi, ini satu perkara yang malang apabila Menteri Dalam Negeri membuat kenyataan mengatakan boleh berceramah di tempat yang tertutup, kalau di tempat awam, *public* mesti minta permit, bermakna kami hendak memohon permit. Saya mengarahkan kawasan saya untuk memohon permit, untuk menghormati keputusan yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri. Jadi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa tidak ada satu pengarah yang dibuat di peringkat kementerian kepada jabatan polis sendiri.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya sedar dan Timbalan Menteri minta jawab keluhan Pokok Sena tadi.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikurangkan ceramah parti-parti politik, di antaranya langkah siarkan terus menerus siaran Parlimen. Bila rakyat dapat maklumat apa yang menteri bercakap, apa yang Timbalan Menteri jawab, apa yang Ketua Pembangkang bercakap, apa yang kita suarakan, saya yakin ceramah kita tidak laku. Sebab mereka sudah dapat maklumat daripada *live telecast*, siaran Parlimen. TV1, 2, 3, 4, satu saluran berilah kebebasan kepada kami, kurang-kurang siarkan pandangan-pandangan pemimpin-pemimpin kami daripada pembangkang dan bebaskan akhbar-akhbar yang memohon permit, seperti *Harakah* beri keluaran harian. Kalau ini dilakukan tidak perlu berceramah setiap malam sebab rakyat sudah ada maklumat daripada parti mana yang mereka hendak pilih.

Perkara yang kedua, yang saya hendak sentuh ialah tentang Afghanistan. Saya sempat berada di dalam Afghanistan lebih kurang enam hari baru-baru ini. Keadaan di sana lebih teruk apabila kita lihat sendiri daripada kita membaca akhbar atau menonton klip-klip dalam video atau klip gambar dalam televisyen. Kita tahu bahawa, kerajaan Mohamad Nor Taraki yang memerintah dahulu sebelum menjemput Rusia masuk, kemudian diikuti dengan kebangkitan Mujahidin melawan Rusia, diikuti dengan Kerajaan Taliban yang bermula pada tahun 1996, ertinya daripada tahun 1978 hingga tahun 2002 tidak ada langsung pembangunan baru, yang ada hanyalah setakat pembangunan pada tahun 1978. Bayangkan yang bersekolah di luar bandar di Afghanistan, lebih kurang 5% bagi penduduk luar bandar. Dalam bandar lebih kurang 50%. Vietnam mengalami peperangan lebih dari 25 tahun, iaitu menghadapi Perancis dan Amerika, tetapi bumi Vietnam macam bumi Malaysia, di mana duduk di situ boleh ditanam, boleh mengeluarkan bahan-bahan makanan.

Di Afghanistan pertanian bergantung kepada *irrigation* iaitu bergantung kepada empangan, tali air. Empangan-empangan ini dibom oleh tiga peristiwa besar, termasuk Rusia, pertarungan sesama sendiri dan juga sekarang ialah Amerika, menyebabkan tanah mereka kering kontang, tidak boleh membuat kerja-kerja pertanian. Mereka terpaksa berpindah ke bandar tanpa apa-apa kerja. Makan setiap hari hanyalah mengharap UNICEF, iaitu daripada Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga pakaian, kain selimut, bandar Herat misalnya yang penduduknya lebih kurang satu juta, sekarang ini hampir tiga juta iaitu dua juta pelarian daripada kampung-kampung yang

datang ke situ. Dan rumah-rumah yang dibina daripada tanah tanpa penyejuk, tanpa alat-alat moden, alat-alat untuk hidup secara minimum. Sebab itu ada tadi wakil bagi Kuala Pilah bertanya saya, adakah patut mereka pergi sekarang. Kepada wanita, saya cadangkan kalau hendak pergi tunggulah dahulu tiga, empat bulan lagi kerana keadaan terlalu teruk.

Kami yang berada di hotel di Herat itu lebih kurang lima hari berada di situ, kena bawa *toilet paper* kerana air tidak ada, elektrik kadang ada, kadang tidak ada, jadi kita kena bersedia untuk seminggu tidak mandi bila berada di sana, tambahan pula musim sejuk. Dan keadaan di sana memang masih lagi mereka memakan di antaranya rumput rampai yang tumbuh di celah-celah gunung dan mereka yang hampir dengan UNICEF, tempat-tempat bantuan mereka akan dapat bantuan daripada situ.

Oleh itu, kalau kita melihat keadaan mereka, berada di paras kehidupan seorang manusia yang sempurna. Di hospital pula, keadaan paling mengerikan, doktor menjalankan pembedahan ketika elektrik datang iaitu lebih kurang pukul 6.00 petang, sedang buat pembedahan elektrik terputus, maka matilah orang yang dibedah itu, tidak ada generator untuk menyambung kuasa elektrik. Katil tidak ada, yang ada *plywood* yang dihampar, yang diletak di atas simen.

Doktor ada satu *glove*, satu *glove* hilang tidak dapat ganti, ini keadaan di hospital utama di Bandaraya Herat yang dahulunya cukup indah. Ya, Shah Alam.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Saya amat tertarik dengan maklum balas Yang Berhormat kemukakan di Dewan yang mulia ini mengenai pengalaman di Afghanistan ini dan kalau kita mengikuti perkembangan di Afghanistan ini adalah satu sejarah hitam terutama kepada umat Islam dan daripada segi latar belakangnya kita tahu, negara ini 100% merupakan penduduknya adalah merupakan penduduk orang-orang Islam dan kita tahu juga sejarah bahawa walaupun ia satu agama, tetapi macam-macam berpuak-puak, berkabilah-kabilah dan ini menimbulkan ruang kepada orang luar untuk masuk dan mengambil kesempatan.

Apakah Yang Berhormat fikir bahawa di Malaysia ini orang Islamnya tidak sampai pun lebih 60%. Tetapi kalau trend yang ada pada hari ini macam Yang Berhormat sebut tadi, saya setuju prinsip demokrasi untuk menegakkan kerajaan. Siapa yang ada sokongan majoriti dia ada dalam Dewan yang mulia ini dia boleh bentuk kerajaan dengan izin, *the business of governing must be carried on*. Tetapi kalau hari pertama pilihan raya keputusan sudah keluar satu minggu sudah *start* berkempen, sudah *start* bagi ceramah sepanjang masa sepanjang zaman bila masa kita hendak menguruskan negara. Saya rasa bahawa tentulah sekatan-sekatan dan peraturan-peraturan yang dikenakan mengikut undang-undang untuk menjaga iklim dan suasana supaya proses demokrasi boleh berjalan.

Contohnya, baru-baru ini di Indera Kayangan proses demokrasi berjalan. Di Ketari akan berjalan mengikut undang-undang. Tetapi kalau ini berterusan dan tidak ada sikap kebertanggungjawaban dan akhirnya dia akan memecahbelahkan umat. Macam isu Memali, sebenarnya ia sebagai satu sejarah hitam kepada kita semua. Tetapi kalau satu *governing body* Majlis Fatwa sudah keluarkan fatwa bahawa yang mati itu bukan mati syahid, kita terima sahajalah dan kita *carry on* apa yang hendak jadikan. Macam Ketua Pembangkang mengambil masa tiga jam hendak kupas isu Memali, walhal masa yang digunakan itu banyak lagi boleh kita gunakan untuk bincang benda-benda yang mendatangkan kebaikan kepada ummah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih. Itulah bagus pandangan ini tetapi RTM yang memulakan hal Memali. Tegurlah sikit dengan RTM ini dan terima keputusan rakyat. Bila Terengganu jatuh ke tangan pembangkang, terimalah jangan tarik royalti selepas orang lain menang. Cara itu tidak terima keputusan.

Tuan Ramli bin Ibrahim: [Bangun]

Tuan Mohamad bin Sabu: Sekejap ya, jangan lama sangat.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Kuala Kedah. Saya tertarik hati dengan soalan yang dikemukakan oleh Shah Alam mengenai tanggungjawab dan kebertanggungjawaban. Saya minta pendapat Kuala Kedah bahawa tanggungjawab dan pertanggungjawaban ini tidak seharusnya dikenakan kepada pembangkang sahaja.

Parti pemerintah juga ada tanggungjawabnya. Misalnyalah sebagai contoh wang ihsan dari Terengganu siapa yang memulakannya, pertama. Yang kedua, elaun pembangunan Ahli Parlimen siapa yang memulakannya. Kenapa elaun ini hanya diberi kepada anggota BN sahaja?

Tuan Mohamad bin Sabu: Elaun pembangunan.

Tuan Ramli bin Ibrahim:elaun pembangunan diberi sahaja kepada Barisan Nasional dan tidak diberi kepada pembangkang. Ini siapa yang bertanggungjawab menimbulkan soal-soal yang seperti ini. Minta pandangan Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kalau hendak ulas satu-satu banyakkah hal kontraktor, hal elaun untuk pembangunan kawasan, wang royalti, ihsan, banyak.

Jadi, saya hendak masuk cerita Afghanistan balik. Tidak demokratik boleh *challenge*, banyak perkara. Satu keistimewaan di Afghanistan ini tidak ada *road tax*. Belilah kereta mewah macam mana pun tidak *road tax*. Kerana tidak ada road, macam mana hendak tax. *[Ketawa]* Saya tanya orang sana kenapa tidak ada *road tax*? *There is no road. [Ketawa]* Betullah itu sebab jalan raya sudah musnah dalam masa 22 tahun yang lalu. Di Afghanistan ini juga makanan adalah banyak tetapi duit tidak ada hendak beli sebab rakyatnya tidak bekerja. Kalau yang bekerja, lapan pagi hingga lapan malam upahnya lebih kurang US\$1 dan mereka pula oleh kerana malam musim sejuk ini panjang maka mereka duduk di rumah lebih lama. Oleh itu, anak banyak. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang ditimbulkan oleh Shah Alam ini satu perkara yang agak rumit diselesaikan di Afghanistan iaitu masalah etnik. Walaupun di Kabul pemerintahnya diumumkan Hameed Karzai dan rakan-rakannya tetapi di daerah-daerah kekuasaannya masih lagi kepada puak-puak. Misalnya kalau di Heraq kumpulan Ismail Khan. Kalau di Bumian, Kumpulan Hazara. Kalau Mazar ar-Syarif, Kumpulan Rashid Dustom. Kalau di Jalalabar, Kumpulan Heraq Ali. Kalau di Torabora ada nama-nama yang lain lagi. Mereka ini masih memiliki senjata termasuk senjata berat, kereta kebal dan peluru-peluru berpandu. Ini satu perkara yang sukar diselesaikan. Bila kita pergi ke sana, *road block* kita dapati bukan dengan tali dan bukan dengan papan tanda, mereka *road block* kita dengan senjata. *[Disampuk]* *[Ketawa]* Ada blok, jalanlah jalan.

Jadi, begitulah juga di sana masih lagi dikuasai oleh *war lord*. Saya bertanya mereka bilakah soal *warlord* ini boleh diselesaikan? Tidak boleh kerana *lord* mesti dia mahu *war*. Tanpa *war* tidak ada *lord*. Oleh itu hendak hapuskan *lord* mesti hapuskan *war*. Ini satu perkara yang agak sukar yang OIC kena memainkan peranan yang penting

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Sulong...

Tuan Mohamad bin Sabu:bukan Amerika yang memainkan peranan sebab barangkali Amerika tidak boleh faham masalah *warlord*, masalah ketua-ketua suku yang berada di sana. OIC kita harap dapat memainkan peranan lebih utama. Tetapi sekarang sayang OIC tidak memainkan peranan tetapi yang masuk memainkan peranan ialah yang *create warlords* ini. Ini yang jadi masalah. *Warlord* Parit Sulong. *[Ketawa]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau saya jadi *warlord* Parit Sulong saya tidak jadi Ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, saya gembira kerana Kuala Kedah berkongsi pengalaman dengan kita mengenai Afghanistan. Saya sekadar ingin bertanya satu perkara. Apakah keinsafan yang timbul di hati saudara sewaktu saudara melihat keadaan yang penuh dengan perpecahannya, dengan kemiskinan, dengan kemunduran kalau berbanding dengan Malaysia. Apakah keinsafan yang timbul. Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Keinsafan saya negara ini kena pergi ke demokrasi betul-betul sebab kalau tekan demokrasi dia akan jadi macam itu. Kena demokrasi biar rakyat *satisfied*. Ini sekarang sudah ada seolah-olah timbul *lord-lord* baru. Misalnya Menteri Besar Selangor, kata Menteri Besar Kelantan jangan datang ke negerinya. Menteri Besar Kedah pula kata Menteri Besar Terengganu, Menteri Besar

Kelantan jangan datang ke negerinya. Ini muncul *warlord* baru. Yang Berhormat semua boleh datang ke Kuala Kedah boleh hentam saya, mana yang tidak kena saya jawab, mana yang betul saya terima. Marilah. Ini tidak. Sudah ada *warlord* – *warlord* hendak muncul di Malaysia. Perlu dibanteras segera oleh Perdana Menteri. Jangan Perdana Menteri sendiri *warlord*, habis. Ini yang kita kena ambil perhatian perkara ini.

Di sana kami tidak bertemu dengan puak-puak politik atau puak-puak *warlord* sebab ianya membimbangkan. Sebab itu kita pergi kita tumpu kepada NGO iaitu Bulan Sabit Merah yang menjalankan bantuan kepada orang ramai. Satu perkara di sana kami juga tidak menerangkan kami daripada parti politik PAS dan mereka anggap kami wakil kerajaan Malaysia. Ada di antara mereka yang bertaraf pensyarah universiti dia beritahu "tuan balik ke Malaysia beritahulah kepada Perdana Menteri kalau hendak angkat duta ke Malaysia tolong *recommend* saya." Dia ingat saya ini orang Perdana Menteri. *[Ketawa]* Saya senyum, saya tidak memberitahu kami daripada parti pembangkang. Ertinya kita pergi sebagai Malaysian, sebagai rakyat Malaysia dan saya tidak sepele menyebut hal keburukan Malaysia. Begitu patriotiknya kami. *[Ketawa]*

Tetapi perangai di sebelah sana, Perdana Menteri bila pergi ke Amerika Syarikat mengecam PAS dalam Forum Ekonomi, Perdana Menteri yang tidak bermoral boleh mengecam parti politik lain, mengecam PAS dalam Forum Ekonomi di Amerika Syarikat depan Yahudi dan Nasara. Sedangkan saya di luar negeri saya cerita hal baik dan pergi *check* balik hantarlah SB saya tidak cerita kita ini daripada parti pembangkang dan mereka pun tidak tanya dan kita pun tidak mahu cerita. Kita kata kami daripada Malaysia datang untuk membantu tuan-tuan sekadar yang kami mampu. Ini yang kita sebut di sana boleh disahkan Ahli Parlimen Kuala Terengganu iaitu kita dalam dialog apa pun kita tidak timbulkan iaitu kita ini bertentangan dengan kerajaan yang memerintah di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita lihat keadaan di sana itu kita harap Pengerusi Tenaga kalau boleh pergilah segera tinjau – yang lelaki, yang perempuan tunggu sekejap dua tiga bulan lagi kalau Kuala Pilah hendak pergi pun bolehlah tetapi sekarang ini buang air kadang-kadang di tengah padang pasir perempuan payah hendak ...*[Ketawa]* Kalau kita itu boleh tahan. Kalau orang perempuan di padang pasir dia hendak buang air besar dia tidak biasa, tidak berak tiga empat hari. *[Ketawa]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dengar ucapan Yang Berhormat ini kalau betul kita dengar pun terpengaruh tetapi banyak yang tidak betul ini. Yang pertama tadi kata Menteri Besar Selangor kata tidak bagi Nik Aziz datang Selangor. Kena faham. Bukan Menteri Besar Selangor yang tidak bagi, undang-undang Enakmen Negeri Selangor yang mengatakan siapa hendak bagi ceramah di negeri Selangor mesti kena ada tauliah. Kalau Nik Aziz hendak datang Selangor persilakan tetapi kena ambil tauliah mengajar dahulu. Ini undang-undang negeri masing-masing kita kena hormat. Tadi Yang Berhormat kata mengamalkan demokrasi tetapi Yang Berhormat sendiri tidak mahu menghormati undang-undang yang ada di tiap-tiap negeri, itu yang pertama. Yang kedua tadi yang kata Perdana Menteri kata. Yang Berhormat dengarkah ucapan dia Yang Berhormat. Perdana Menteri sebut PASKah sebut fasal Islam. *[Disampuk]* Saya *check* baliklah. *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Check balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada sepuluh minit lagi, boleh sambung pada petang inilah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ha, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita disambung semula. Saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kedah sambung. Ada sepuluh minit lagi, sila.

2.32 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Afghanistan saya akhir di sini, cuma saya harap semua pihak tidak kira agama atau kaum dapat membantu rakyat Afghanistan di sudut *humanitarian*. Keadaan keselamatan agak pulih dua, tiga bulan lagi. Kira harap semua pihak termasuk mereka yang terlibat dalam swasta dapat pergi dan membantu rakyat Afghanistan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah menegur kenapa Kerajaan Malaysia menghantar semula Nur Misuari ke Filipina walaupun diberitahu ada negara ketiga sanggup menerima beliau sebagai suaka politik. Langkah Kerajaan Malaysia untuk berbaik-baik dengan Filipina dialu-alukan. Ini adalah konsep ASEAN tetapi apa yang berlaku hadiah Filipina kepada kita pula ialah kehadiran tentera Amerika di selatan Filipina yang boleh membawa ketidakamannya di Asia Tenggara ini. Oleh itu kita harap pihak Malaysia dapat membantah kehadiran tentera Amerika terutama di selatan Filipina di atas nama untuk memburu Abu Sayyaf dan saya bersetuju dengan Parit Sulong kehadiran mereka lebih bersifat *political hegemony* menguasai kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila menjawab di dalam Parlimen atau di luar Parlimen, mereka yang berkuasa khususnya daripada Menteri, Timbalan Menteri kena berjaga-jaga. Kalau daripada pembangkang kami tidaklah sangat dianggap sebagai polisi negara. Saya pernah menegur bila kita soal tentang pencerobohan rakyat Filipina ke Sabah dan perairan Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam penggal yang lepas daripada Pontian menjawab: "Sempadan kita terlalu luas, kita tidak berupaya mengawal sempadan." Saya menegur *there and then*. Saya kata jawapan ini merbahaya kerana itu jawapan rasmi daripada Kerajaan Malaysia. Kalau daripada *backbencher*, daripada kami, tidak apa. Bila jawapan itu rasmi daripada kerajaan, maka terdedah kepada dunia bahawa sempadan kita tidak berupaya dikawal oleh pasukan keselamatan kita. Yang menjawabnya ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri. Sebab itu dalam menjawab, selalunya biarlah jawab bagi pihak kerajaan, bukan menjawab dalam bentuk reka-reka sendiri yang boleh membahayakan keselamatan Malaysia.

Begitulah juga dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak bertindak misalnya ke sekolah-sekolah agama. Belum lagi bertindak Singapura telah pun bertindak lebih awal iaitu dengan tidak mengizinkan pelajar-pelajar Islam memakai tudung ketika bersekolah. Saya yakin Singapura tidak berani bertindak begitu kalau tidak ada *move* reaksi daripada Malaysia. Ertinya Malaysia ini dilihat juga iaitu kalau di sini mula hendak ambil tindakan kepada sekolah agama, maka Kerajaan Singapura menari gendang yang dipukul di Malaysia ini. Sebab itu kita kena berhati-hati dalam mengeluarkan sesuatu kenyataan dan Pemuda UMNO terus melenting dalam hal ini. Mereka tidak melenting bila Sekolah Yayasan Halim Saad tidak mengizinkan pelajar pakai tudung melainkan yang pakai, saya diberitahu hanya seorang iaitu anak Dato' Seri Sanusi Junid, Presiden UIA. Ini kita lihat reaksi yang berlaku dalam mana-mana negara orang Islam akan mengambil peluang oleh negara lain.

Begitulah juga apabila sekolah-sekolah agama satu peringkat nanti, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata hendak tutup, apa jadi kalau Thailand mengambil keputusan menutup semua pondok dan sekolah-sekolah agama di Thailand hasil daripada reaksi, daripada pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sini. Sebab itu kita hendaklah berhati-hati.

Banyak pemimpin kita bercakap terseliah kebelakangan ini. Apabila hendak menangkap seseorang itu di bawah ISA, keluar kenyataan lebih awal, kita ada bukti mereka ini kumpulan pengganas, ada senjata hendak gulingkan kerajaan, bukan melalui pilihan raya, kita ada bukti menangkap mereka. Bila Amerika hendak orang yang ditangkap untuk diekstradisi ke Amerika, kita jawab, "Mana ada bukti, tunjuk bukti yang mereka ini ialah kumpulan pengganas. Sebelum itu dua, tiga bulan canangkan kononnya mereka ini ialah kumpulan pengganas."

Bila Amerika hendak orang itu, mana ada bukti mereka penganas. Sebab itu sebelum kenyataan itu dikeluarkan terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Menteri-Menteri maka kenyataan itu hendaklah berhati-hati sebab ia bersangkutan-paut hal masalah keselamatan negara. Selalu keselamatan negara hanya di lihat kepada pembangkang tetapi kenyataan Menteri-menteri itu dilihat oleh orang luar sebagai kenyataan rasmi negara. Sebab itu kita hendaklah berhati-hati dalam perkara tersebut.

Saya juga ingin menyentuh soal tuduhan daripada Menteri Indonesia. Tuduhan ini serius yang mengatakan pasukan keselamatan kita menerima rasuah dan peras ugut pekerja Indonesia. Setakat kenyataan akhbar untuk menafikan ianya tidak cukup, siasatan menyeluruh mesti dibuat. Jikalau ianya tidak benar, tidak betul, maka Malaysia hendaklah membantah semula kenyataan yang dibuat oleh Menteri daripada Singapura tersebut sebab kenyataan ini terlalu serius.

Selalunya bila berlaku sesuatu insiden kerajaan akan bertindak tegas terhadap pendatang-pendatang tanpa izin, pendatang-pendatang yang tidak mendaftar yang bekerja di sini. Tindakan itu dialu-alukan tetapi selalunya 'hangat-hangat tahi ayam'. Sebab apa? Yang terlibat dalam kontraktor-kontraktor pemaju-pemaju kebanyakan mereka adalah penyokong-penyokong Barisan Nasional sama ada tokoh-tokoh daripada yang bersangkutan-paut dengan UMNO atau MCA. Oleh itu kalau projek mereka tidak boleh berjalan, perlu pekerja, ada jalan untuk memasukkan pekerja asing khasnya daripada Indonesia melalui jalan-jalan yang lain. Selalunya 'hangat-hangat tahi ayam' dalam tindakan ini.

Bila berlaku insiden, tegas! Selepas itu kita lihat bocor seperti biasa kerana golongan-golongan pemodal ini berkuasa untuk memasukkan mereka dengan cara, jalan-jalan yang tidak halal ataupun *illegal* ke Malaysia ini. Perkara ini perlu diambil perhatian supaya ianya tidak ditertawakan oleh orang apabila kita mempertegaskan sesuatu undang-undang, sesuatu dasar yang dibuat terhadap pendatang ataupun pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita lihat di sini bahawa keadaan ekonomi negara kita sekarang ini walaupun dikatakan pulih tetapi semakin teruk. Saya hendak sebut di sini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita..... saya tidak tahulah, saya lihat dia tidak pernah setia dengan seorang manusia, dengan Timbalannya sudah tiga. Dalam dunia korporat pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak setia dengan kawan-kawan. Kalau dahulu nama Tajuddin Ramli, nama Halim Saad dan beberapa orang lagi disebut dalam Perhimpunan Agung UMNO sebagai tokoh-tokoh korporat yang berjaya. Sekarang tokoh-tokoh ini mula dicerca, dihentam, bahkan hendak berjumpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sukar kerana sudah diberitahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ada '*blue eyes*' yang baru iaitu orang baru yang diberi segala projek kepadanya, daripada Kedah sekarang ini, Syed Mokhtar, termasuklah mendapat anugerah tanah di sempadan Malaysia-Thailand dengan harga yang begitu murah di bawah 50 sen satu kaki dan ini pemuja baru dan tokoh-tokoh lama kita lihat mula diketepikan.

Soal MAS, soal PERWAJA - sejak saya masuk Parlimen pada tahun 1990 isu itu telah dibangkitkan terutama oleh Ketua Pembangkang pada waktu itu. Hebat diperdebatkan supaya dibuat kajian, diambil tindakan, kalau hendak menghentikan operasi, berhentikan segera. Sekarang setelah kita lulus dalam Parlimen ini lebih daripada RM10 bilion untuk menyelamatkan PERWAJA, barulah dengar berita-berita PERWAJA akan ditutup. Wang rakyat, wang kita sudah RM10 bilion dihanguskan melalui PERWAJA.

Begitulah juga hal MAS, sudah dibincangkan. Wakil rakyat BN banyak mempertahankan MAS pada waktu itu. Sekarang MAS mengaku keadaannya teruk. Tajuddin Ramli mungkin akan jadi mangsa tetapi Menteri Kabinet, Menteri Pengangkutan yang bertanggungjawab dengan kemajuan MAS, yang bermesyuarat untuk meluluskan pembelian kapal terbang baru yang tidak dipakai dan sebagainya, barangkali akan terlepas daripada tindakan. Yang kena tindakan ialah tokoh korporat daripada Kedah, daripada Kuala Kedah, daripada Kuala Kangkong iaitu Tajuddin Ramli ini.

Saya bukan bersimpati dengan beliau, kalau hendak bertindak membasmi rasuah kita hendaklah mencontohi seperti yang berlaku di Indonesia sekarang iaitu 'ikan busuk bermula di kepala'. Mereka mendakwa Presiden Suharto dan keluarganya

dahulu kemudian diikuti dengan bekas-bekas Presiden dan sekarang yang sedang didakwa ialah Jaksa Agungnya iaitu Peguam Negara sedang memproses untuk mendakwa Akhbar Tanjung kerana Akhbar Tanjung dituduh menyeleweng wang 'bulog' - iaitu sembilan perkara pokok untuk membantu orang miskin. Diselewengkan lebih 200 miliar rupee.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat cukup.

Tuan Mohamad bin Sabu: Akhbar Tanjung didakwa, kita tidak dengar yang melarikan wang PPRT akan didakwa. Yang kita dengar, tokoh-tokoh korporat yang dulunya dijadikan pujaan sekarang sudah dijadikan hampasan tetapi mereka yang bertanggungjawab menyeleweng wang PPRT beratus juta yang didedahkan oleh Juruaudit Negara kita tidak dengar berita lagi mereka akan didakwa di mahkamah. Selagi kita bersikap begitu kita tidak boleh membawa kemajuan kepada Malaysia ini bahkan kemunduran yang akan kita perolehi. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Batang Lupar dahulu.

2.44 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tunku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya sudah dengar ceramah panjang empat jam untuk menyokong, tidak sokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Pembukaan Persidangan Parlimen. Ceramah PAS itu panjang lebar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat saranan peribadi soalan politik. Saya mempunyai pendirian bahawa sepatutnya politik bukanlah satu perkara yang diamalkan sepanjang masa, tiap-tiap hari, hidup, tidur, makan, minum semua politik. Saya mempunyai kepercayaan bahawa politik mungkin dibuat semasa pilihan raya. Selepas itu biarlah Menteri-Menteri ini, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ahli-ahli Parlimen buat kerja masing-masing untuk memajukan masyarakat dan membangunkan negara Malaysia ini.

Ini adalah kerana apabila kita banyak sangat berpolitik mulalah perpecahan, pergeselan berlaku terutama sekali apabila suara-suara lantang dikeluarkan dengan kata-kata yang kesat, kata-kata yang tidak manis, tidak sedap, kita dengarkan. Kerana apabila seseorang membuat tikaman yang sedemikian, saya cukup percaya reaksi juga akan timbul. Jadi, apabila timbulnya satu reaksi, mula-mula kita bertikam lidah, mungkin pada satu ketika kita akan bertikam keris, lepas itu kita tembak-menembak.

Jadi, berlakulah kita dengar apa yang dikatakan oleh Ahli dari Kuala Kedah banyak menceritakan apa yang berlaku di Afghanistan. Berlakulah di negara-negara Islam, tetapi, bolehkah kita mengatakan bahawa Islam itu salah? Saya mempunyai pendapat dan semua orang Islam berpendapat bahawa Islam tidak salah, yang salah adalah orang Islam itu sendiri.

Kejatuhan Islam semenjak selepas wafatnya Nabi Muhammad S.A.W. adalah oleh kerana perpecahan di antara orang Islam itu sendiri. Jadi banyak negara Islam telah dijajah semula, menjadi mangsa dan sebagainya. Sekarang pada abad ini, zaman ini, zaman kemajuan ini, negara Islam telah menjadi satu mangsa pengorbanan tindakan dari segelintir masyarakat Islam yang tidak bertanggungjawab, segelintir masyarakat Islam yang memikirkan mereka masih diam dalam zaman kayu dan batu dahulu. Jadi ini patut kita elakkan.

Sebagai negara Islam, kita rakyat di Malaysia sepatutnya belajar dari apa yang berlaku di negara lain. Kita sepatutnya melihat apa yang berlaku. Kita tidak boleh melenting oleh kerana kita betul kerana anggapan kita sendiri. Kita mesti melenting dengan cara kita dan menegakkan agama kita, negara kita, kebenaran kita dengan cara yang betul, yang boleh mendatangkan hasil dan mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan negara kita.

Kalau kita hendak marah kepada Amerika, saya marah dengan Amerika tetapi kalau kita hendak angkat senjata lawan Amerika, minta maaf. Satu nuklear bom yang Amerika jatuhkan kita dah habis satu negara. Amerika memang kita tahu, negara ganas. Ditubuh oleh yang ganas. Mempunyai budaya ganas dan sejarah daripada 50 tahun yang lepas pun Amerika telah menunjukkan mereka sendiri ganas.

Siapa yang menggunakan *reform bomb* di Vietnam? Siapa yang menggunakan *cluster bomb* di Korea? Siapa yang menggunakan *atomic bomb* di Hiroshima dan Nagasaki? Kita lihat Amerika tidak akan berganjak akan menggunakan senjata ini dalam menangani masalah apa yang mereka katakan untuk membentuk *order* mereka sendiri.

Jadi dalam keadaan sedemikian, berupayakah negara kita menentang Amerika dengan secara keganasan? Jadi dalam keadaan sedemikian pendirian Malaysia, pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia untuk menerajui negara ini amatlah betul sekali dalam bentuknya, dalam tindakannya, dalam perkataannya. Kita menentang perkara yang buruk tetapi kita tidak melenting sebegitu sahaja. Kita tidak berjihad dengan mengangkat senjata, dengan keganasan. Oleh kerana kita menentang keganasan. Islam menentang keganasan. Tetapi apa yang orang Islam buat di Afghanistan dan sebagainya, sebagaimana yang Kuala Kedah sebutkan tadi tidak akan mendatangkan hasil kepada orang Islam itu sendiri. Orang Islam telah menjadi mangsa kepada perjuangan Islam itu sendiri.

Jadi adakah ini Islam dan adakah orang mengangkat senjata ini membunuh sesama Islam ini juga Islam walaupun mereka sembahyang menunjukan kiblat mereka kepada mana kiblat yang kita tuju bersama tetapi tindakan adalah amat mengecewakan.

Tuan Yang di-Pertua, berpisah saya daripada persoalan ini walaupun nampak bunyi politik tetapi saya sayang dan cintakan negara ini. Saya tidak mahu negara ini hancur lebur sebagaimana yang berlaku di Afghanistan, Sarajevo, di negara-negara Islam yang lain nampaknya orang Islam ini tidak bijak, bodoh, tidak pandai menerajui negara, tidak tahu mana abad ke-13 dan ke-14 dan di mana abad yang ke-20. Tidak tahu macam mana menggunakan kebijaksanaan dan kepandaian.

Jadi di sini saya berpisah daripada persoalan politik Tuan Yang di-Pertua, kepada soal pendidikan. Daripada berada di awang-awang, saya menuju ke arah benda realiti. Saya dari Sarawak, banyak keadaan di negeri Sarawak masih belum dapat sama dengan tempat-tempat yang lebih maju, bandar-bandar yang maju walaupun dalam Sarawak itu juga. Umpamanya, telefon, elektrik, komputer di sekolah-sekolah belum lagi kita sampaikan dan guru-guru untuk Mata Pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik, Sains belum mencukupi. Guru-guru di luar bandar terutama sekali yang bijak dalam bahasa Inggeris, matematik dan sains ini jauh sekali. Jadi di luar bandarlah tempatnya orang Melayu.

Sepatutnya pihak kita kalau hendak berpolitik pun inilah politik kita untuk memajukan masyarakat, asas politik kita di luar bandar. Jadi saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya melihat perkara ini. Saya akan menyentuh persoalan telefon di bawah kementerian yang berasingan. Soal telefon, elektrik, komputer ini adalah persoalan penting di abad ke-21 ini.

Siapa yang tertinggal di dalam persoalan komputer, multi media dan sebagainya akan tertinggal sepanjang zaman. Siapa yang tertinggal pada zaman ini akan tertinggalah dia dan berlakulah apa yang dikata *digital divide*. *Digital divide* ini akan menentukan siapa akan menerajui negara ini pada masa yang akan datang sama ada dari segi politik, pentadbiran, keusahawanan dan sebagainya.

Kalau orang Melayu ditinggalkan dengan tindakan yang tidak sebetulnya pada zaman ini, orang Melayu lah nanti yang akan teraniaya. Kita duduk di Dewan sinilah yang membuat jawapan kepada generasi yang akan datang. Kalau kita tidak mengambil tindakan yang khusus, tindakan yang tertentu untuk menentukan supaya kemudahan-kemudahan ini disediakan di luar bandar kepada anak-anak Melayu dan bumiputera, kitalah yang bertanggungjawab kepada masyarakat yang akan datang. Kekalahan orang Melayu bumiputera pada zaman 5 atau 10 tahun akan datang, di tangan kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pindah, kerana saya ingat masa telah ditetapkan. Kepada Kementerian Kewangan, pagi tadi ada satu persoalan dibangkitkan di Dewan ini. Saya tak menyentuh persoalan syer dan sebagainya kerana itu ada undang-undang, nanti saya berharap untuk mengambil bahagian.

Pagi tadi disoalkan soal ceti haram, *loan sharks* dan sebagainya. Saya menyentuh soal itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya tadi tetapi tidak berpeluang tetapi di sini saya akan bertanya. Kalau kita lihat ini Warta Kerajaan di

terima semasa persidangan Parlimen ini yang bertimbun dua kaki tinggi tetapi saya baca semua Warta Kerajaan ini. Warta Kerajaan saya baca satu persatu yang tidak pakai bukan baca semualah.

Jadi saya tengok satu ini, satu risalah ini, mempunyai satu naskhah semuanya peminjam wang, undang-undang ini semua dikatakan orang diberi lesen untuk Money Lenders Act 1951 yang disebutkan oleh menteri yang menjawab pagi tadi. Daripada sinilah bangkitnya masalah-masalah. Kalau kita lihat dalam senarai ini Tuan Yang di-Pertua, ada yang menyebut sendiri *prime hedge funds*.

Orang yang dapat lesen di bawah *money lenders*, bagi sendiri macam *hedge funds*, *hedge funds* ini kalau kita tahu berjuta-juta, berbilion-bilion duit dia tetapi di sini *hedge funds*? Mengelirukan ini. Di sini disebutkan lagi macam-macam *hedge funds* ini. Ada sebut lagi Credit Leasing Sendirian Berhad. Bermacam-macam, *credit leasing* lah, *hedge funds* lah, *capital* lah, macam-macam nama dia. Semua nama-nama ini mengelirukan.

Bahkan undang-undang yang berlainan iaitu di bawah BAFIA, ada membuat peruntukan bahawa soal *leasing*, *credit*, *factoring* yang disebut dalam syarikat-syarikat ini adalah di bawah undang-undang BAFIA, bukan di bawah *Money Lending Ordinance*. Tetapi kalau pun berlaku di bawah Money Lenders Audit Acts 1951 dengan izin ini, juga orang yang boleh menjadi *factoring*, membuat *hedge funds*, *credit*, *leasing* dan bermacam-macam lagi soal kewangan ini, saya melihat bahawa undang-undang kita adalah bertindih.

Inilah maka saya pernah menyarankan, selalu menyuarakan di Dewan ini supaya undang-undang *money lenders* ini, untuk Sarawak, Sabah Money Lending Ordinances dan di Semenanjung, Money Lenders Act diselaraskan dengan BAFIA sekali supaya perkara begini tidak berlaku. Pengawasan boleh dibuat, tidak payah pinda undang-undang ini. Kita buang ke Laut Cina Selatan, kerana undang-undang ini *relic of the colonial past*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kenapa kita masih terikat dengan persoalan-persoalan Kolonial yang tidak mendatangkan hasil ini. Dahulu kita dipisahkan. Di Sarawak sana ada, Sabah, ada di sana, Semenanjung. Kita sudah satu negara. Perkara ini tidak membangkitkan soal negeri. Ini soal negara sahaja ini satu. Soal pengurusan kewangan dan pelaksanaan, pengurusan dan pemantauan.

Dan membangkitlah perkara pihak-pihak peminjam wang di bawah undang-undang ini menggunakan dan menguatkuasakan *agreement* mereka, surat janji mereka menggunakan gengster. Di Sarawak saya pernah melihat dalam surat khabar, spekulasi surat khabar mengatakan bahawa yang mati terbunuh itu dibunuh oleh orang ini, sebab gengster yang digunakan untuk memungut wang ini. Tetapi tidak boleh bayar sama ada dia akan bunuh diri ataupun dipaksa bunuh diri ataupun dibunuh oleh gengster itu dan dibuat sebagaimana rupa bahawa orang ini adalah membunuh diri. Jadi kita kena lihat perkara ini adalah perkara nasional. Jadi saya berharap pihak kementerian melihat perkara ini dengan baik.

Saya dalam masa seminggu dua ini pun dapat maklumat daripada orang di Semenanjung, tolong Yang Berhormat cakap dalam Dewan soal ceti haram yang guna gengster ini, yang gengster pungut wang daripada peminjam ini lebih baik daripada *special branch* dia punya *intelligence*, dia kata. Sebab *special branch* pulang makan, dia orang suruhan ceti haram ini atau pun *money lenders* ini tidak balik makan. Dia berganti-ganti tunggu oleh keluar hotel, keluar rumah, keluar apa sahaja lepas itu *confront*. Kalau orang itu takut, orang itu bimbang, dia mulalah. Mungkin akan bunuh diri sendiri ataupun cari cara lain untuk mengatasi masalah ataupun bunuh orang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada soal ini, kerana banyak gengster, banyak lagi masalah-masalah berlaku di bawah isu pinjaman duit ini sama ada di bawah *legal money lenders* ataupun *illegal money lenders* dengan izin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua sekarang saya pindah kepada soal telefon, multi media di kementerian. Saya tadi harap dapat duduk dengan menteri dalam Dewan tetapi dia dah balik. Saya berharap dengan menteri, saya hendak menyentuh satu perkara sahaja dalam persoalan kementerian ini bahawa telefon di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak dan Sabah belum disampaikan.

Saya melihat buku perancangan, sebab saya buat bising dahulu, dibawa saya melihat buku perancangan penghantaran apa yang dikatakan *local loop*, satu teknologi baru yang menggantikan *radio on the local loop* di mana *radio on the local loop* ini hanya boleh menggunakan *fixed telephone*, tidak boleh digunakan untuk penyambungan internet. Teknologi baru yang dikatakan *local loop* boleh digunakan untuk menyampaikan teknologi *internet*. Tetapi program pelaksanaannya hanya disampaikan pada tahun 2019.

Kalau tahun 2019 Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya sudah tidak ada lagi, anak-anak saya sudah tidak pakai lagi dah. Orang-orang Melayu di luar bandar, bumiputera di luar bandar semua sudah ketinggalan di belakang. *Digital divide* dibuat bukan persoalan lagi. Mungkin orang bumiputera dan orang Melayu itu semua dah masuk longkang semua, jadi buruh kasar, bukan jadi pemimpin negara, bukan pemimpin korporat, bukan pemimpin masyarakat lagi kerana kita sudah ketinggalan pada ketika itu.

Di mana letaknya *dana universal* itu, *fund* itu yang kita tubuhkan pada tahun 1994? Saya diberi maklumat juga bahawa dana ini adalah di bawah tadbiran Suruhanjaya Multimedia. Tetapi dalam Suruhanjaya Multimedia ini, dilantiklah orang-orang bijak pandai, doktor ini, Ph.D sana, macam-macam orang bijak pandai tetapi dia tak pernah menjengkau kaki ke kawasan saya. Tidak pernah memijak tanah lumpur di kawasan di Hulu Baram ataupun di Hulu Kapit. Mungkin juga tak pernah ke Hulu Rompin pun tak pernah. Ataupun di Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya memohonlah kepada kementerian, pegawaikah, tolonglah catat apa yang saya sebut ini. Lantikan orang politik seorang di Semenanjung, seorang di Sabah, seorang di Sarawak untuk duduk dalam Multimedia Commission ini, Suruhanjaya Multimedia ini supaya boleh memberi input politik kepada orang-orang ini, orang bijak pandai. Pandai sangat tengok menara gading tetapi gading itu sahaja lah dia tengok. Dia tak boleh duduk di sana dahulu kalau tidak ada orang sokong dia. Susah sangatkah hantar duit ke luar bandar itu? Sampai sekarang duit itu tidak boleh belanja. Kalau tak boleh belanja, saya cakap, bagi dengan saya, saya boleh belanjakan duit itu semua.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, persoalan-persoalan ini adalah bukan persoalan Wan Junaidi ataupun Ahli-ahli Parlimen daripada luar bandar. Persoalan ini adalah persoalan orang bumiputera, orang Melayu daripada luar bandar yang hauskan kemudahan-kemudahan ini untuk mendidik anak mereka supaya sejajar dengan anak-anak di dalam bandar. Suruhanjaya ini perlu diberi ajaran juga, orang Ph.D tahu dengan soal sains, tahu dengan soalan apa benda lagi pun, mungkin dia melihat atas langit saja, kaki tak pijak dibumi. Mungkin dia dulu atau asal dalam kampung di hutan belantara itu juga tapi sekarang dia dah tahu, sudah lupa dah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kepada Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia supaya melantik orang yang tahu, orang politik yang mengamalkan politik, orang yang tidak melihat segi politik dia seorang sahaja. Kena orang yang liberal melihat supaya pengagihan sumber kewangan ini disamaratakan di seluruh negara luar bandar terutama sekali kerana dana *universal fund* ini ialah untuk menghantarkan sumber-sumber ini ke luar bandar yang mana tidak *economical* bagi telekomunikasi kompeni ini untuk menghantar dengan sendirinya.

Saya bertanya dengan Telekom, Telekom kata duit itu sudah sampai YB, kata dia. Sarawak belanja RM45juta. Telekom belanja RM45 juta untuk Sarawak tapi tidak mencukupi. Tapi kita kena buat dengan masa cepat-cepat. Kalau kita lihat negara-negara lain, di Finland pada tahun 2001, dah belanja dua bilion untuk beli komputer untuk anak-anak di sekolah, semua anak-anak sekolah, di setiap sekolah. Di Sweden belanja satu bilion tahun lepas, akan berbelanja lebih lagi pada tahun ini untuk komputer dan multimedia ini. Ini negara maju. Mungkin dia punya *digital divide* tidak begitu ketara.

Tetapi di Malaysia, kita ada MSC. MSC ini *is a flagship*. Orang di mana-mana negara pun mengatakan Malaysia *is one of the most forward nations* dalam dunia ini dan kita baca dalam laporan United Nations, kita rasa bangga. Kerajaan kita begitu jauh pandangan menubuh MSC ini. Tetapi MSC ini akan bawa orang dalam bandar berkejar lari dengan cepat, macam Sprinter, bukan macam Watson Nyambek, lebih laju

lagi itu. Watson Nyambek 50 km sahaja, laju tapi yang di belakang tu 'bullock cart' pun tak ada, yang dari luar bandar itu. Ini anak bangsa Melayu bumiputera di luar bandar.

Bila pilihan raya datang, Yang Berhormat datang jumpa dan minta tolong bantu, sokong, bagi undi. Mengundi di Sarawak, sapu habis, minta maaf parti PAS, Keadilan kerana kita dipercayai membawa masalah mereka ke hadapan. Tapi selepas itu empat tahun kita dikehendaki melaksanakan angan-angan dan aspirasi mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kepada perkara yang senang sikit iaitu pelancongan. Pelancongan, kalau cerita hal pelancongan, orang Sarawak, orang Sabah soalan lain tak ada. Soalannya kapal terbang, naik kapal terbang mahal. Sekarang kerajaan telah mengambil alih MAS, kita berharap supaya tambang daripada Kuala Lumpur ke Kuching dan Kota Kinabalu berulang-alik diturunkan. Ataupun kita rangkakan satu sistem yang mana rakyat Malaysia mendapat tambang murah dengan menaiki tambang MAS ini. Saya menerima alasan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan semalam, tambang domestik Malaysia adalah yang termurah. Saya setuju.

Saya lihat tambang-tambang di Europe, saya bercakap bukan tidak menyelidik, saya menyelidik tambang-tambang di Eropah. Memang jauh lebih mahal daripada tambang di Malaysia (domestik). Begitu juga tambang-tambang di Australia dan juga di Amerika. Ini tiga tempat yang saya buat sedikit penyelidikan. Memang jauh tinggi daripada tambang di Malaysia.

Tetapi, kita tak boleh samakan apa yang berlaku di Amerika, di Eropah dengan di Australia. Jauh pun di Australia, jauh pun di Amerika, penerbangan New York di LA iaitu 5 jam dan hampir 6 jam, tapi orang boleh pandu kereta. Sarawak, Sabah nak pergi pandu kereta ke Semenanjung bagilah tahu saya macam mana teknologinya. Jadi, itulah kenapa sektor yang dua ini, minta tolonglah sikit. Dua ini, buatlah satu mekanisme supaya tambang untuk orang Malaysia supaya pelancongan dalaman ini boleh dimurahkan untuk orang Malaysia.

Tetapi ada orang lain yang gunakan penerbangan yang sama, naik kapal terbang yang sama, mungkin duduk tempat yang sama, layanan yang sama, mungkin dia mahal sikit. Ini boleh dilakukan demikian rupa. Kenapa tak boleh dilakukan di Malaysia dengan pakej-pakej yang tertentu. Boleh dibuat, tapi kena belajar sistem dia.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang...

Tuan Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Kuala Kedah ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Batang Lupar kajian tambang ini dibuat semula. Jawapan pihak kerajaan selalunya mengatakan bahawa kita yang murah dibandingkan dengan di Eropah. Perbandingan itu saya yakin pihak Batang Lupar pun tak bersetuju iaitu tentang per kapita pendapatan Eropah dengan kita di sini. Perbandingan kita mestilah dengan Thailand, Indonesia dan negeri di sekitar ini. Jadi, Air Asia misalnya boleh buat tambang yang begitu murah, RM69 ke Kota Bharu dan Penang. Kenapa MAS tidak boleh kaji untuk beri tambang yang murah supaya rakyat dapat guna perkhidmatan MAS itu? Minta pandangan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Tapi Yang Berhormat Kuala Kedah selalu bercakap logik macam ini, saya berterima kasihlah tapi kadang-kadang Yang Berhormat itu melenting macam Pokok Sena. Jadi kalau masa melenting tu, kadang-kadang kita punya credibility ini berbangkit daripada kita jangan melenting sangat. Mendatar cerita kita. Kalau kita mendatar macam ini, semuanya logik akan diterima. Tapi soalan Yang Berhormat, soalan *priority* ini....

Dato' Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]: [Bangun]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...Tunggu Dato', saya nak jawab, *purchasing power parity* kewangan ini, saya memang setuju. Tapi di Warsaw ataupun Poland Yang Berhormat, wang Poland itu, tambang dia pergi ke ..., saya naik dari Stockholm, Oslo pergi ke Warsaw, duit Warsaw itu sama nilai dengan duit kita. Dia bayar tambang Eropah juga, mahal juga, memang mahal.

Saya setuju, Menteri itu cakap itu betul. Tambang itu mungkin kalau dibandingkan dengan negara-negara macam Germany, dia punya duit mahal, mungkin dia punya *purchasing power parity* memang ada baik sikit kalau di banding dengan Poland. Tapi Poland itu, duit dia sama dengan nilai duit kita. Maknanya dia bayar mahal juga tapi itu tak kisah, Yang Berhormat. Yang saya katakan ialah agar dibuatkan satu mekanisme supaya rakyat Malaysia boleh menggunakan tambang murah dengan pakej-pakej yang tertentu, yang tak perlu permohonan dan tak perlu apa-apa syarat.

Macam Air Asia itu pun ada satu penipuan juga. Dia kata tambang murah RM99 daripada Kuching pergi ke Kuala Lumpur. Yang sebenarnya empat, lima *seats* saja dia bagi murah itu, yang lain mahal semua. Jadi orang berduyun-duyun datang itu semua marah. Yang sepuluh *seats*, dua puluh *seats* daripada *seats* yang dapat murah itu, yang kena mahal pula tu, kenapa pula Air Asia tipu, tapi masalahnya tiada keluar surat khabar. Ada juga yang senang hati sikitlah. Jadi Dato', sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, Kuala Pilah

Dato' Napsiah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta penjelasan. Setelah Yang Berhormat mendengar ucapan Yang Berhormat Kuala Kedah tadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa Yang Berhormat dari Kuala Kedah itu bersyukur menjadi rakyat Malaysia seperti kita di bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya minta maaf, saya sebut soalan Malaysia ini. Masa saya berada di luar negeri dulu, masa saya belajar di sekolah, bila saya kata saya ini orang Malaysia, orang kata di mana tempat Malaysia ini. Saya kata, saya hendak kena cari tempat mana, saya kata dekat Singapura. Oh! dekat Singapura, belah mana you ni, kata dia. Dia tanya lagi. Tapi, Dato', pada masa sekarang, saya berjumpa dengan orang daripada Romania, dia kata macam ini kepada saya, dia kata, Wah! Katanya, "*Malaysia good*", tidak pandai cakap orang putih ini, "*Malaysia good*", katanya, "*Malaysia good, Prime Minister Dr. Mahathir good*", dia kata macam ini.

Jadi kita bangga, jadi saya percaya Yang Berhormat bagi Kuala Kedah *deep inside* dengan izin, memang rasa begitu jugalah, tapi bagi pembangkang, dia kena hentam sebarang saja, jadi dia itu dalam hati dia memang dia berbangga, dia sudah lihat apa yang berlaku di Afghanistan, dia pun angan-angan hendak jadi macam Malaysia juga, Afghanistan itu. Tapi apa boleh buatlah. Jurusan politik dia mempengaruhi yang logik Yang Berhormat Kuala Kedah. Kadang-kadang itu, kata dia, macam orang dua personaliti. Sekali dia cakap baik, sekali dia melenting macam tak ada *control*.

Itu yang sebenarnya Dato'. Kita kena berbangga sebagai orang rakyat Malaysia dan kita mesti berbangga dengan kemajuan negara kita. Negara Islam yang begitu baik ditadbirkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Jadi ini kena kita pertahankan. Kena kita pertahankan, kita tak hendak, kita hendak didik orang PAS supaya jangan ekstrem sangat, jangan fanatik sangat, jangan nak gila kuasa sangat. Kalau dah dapat macam Terengganu, macam Kelantan itu, tadbir dengan sebaik-baiknya. Kalau baik mungkin kita berbincanglah, tapi kalau tak baik serahkan dengan Barisan Nasional, kita akan tadbir Terengganu dan Kelantan itu dengan sebaik mungkin, supaya meninggikan tahap Terengganu dan Kelantan itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada Kementerian Kesihatan. Jadi pagi tadi pun ada cerita. Soalan Kementerian Kesihatan, Malaysia, saya membuat satu kajian penyelidikan soalan kesihatan sedunia. Saya kaji dengan membanding Malaysia dengan Jepun, Amerika, Kanada dan England. Jadi dalam penyelidikan yang serba, apa kata orang, bukanlah begitu teliti sangat yang saya buat perbandingan,

Malaysia adalah sebuah negara yang terbaik sekali dalam segi kesihatan bahkan kita telah mencapai tahap negara maju dalam soal kesihatan. Terutama sekali dalam menjaga anak-anak orang yang baru lahir dan sebagainya, *infancy* itu. *Infancy rate* kita, kematian masa kanak-kanak ini, jauh telah menurun dan telah bersama dengan negara maju dan kita telah mendapat kita punya nisbah, *ratio* kita berhubung dengan doktor, penduduknya pun telah mencapai tahap yang lebih baik daripada lima

tahun yang lepas. Saya cukup percaya dalam masa lima tahun akan datang mungkin lebih baik daripada negara-negara Amerika, Kanada dan Jepun.

Oleh kerana kenapa saya kata baik kerana kos kita untuk mendapatkan *services* yang sedemikian rupa, adalah jauh lebih murah daripada kos yang digunakan oleh Jepun, yang digunakan oleh England, digunakan oleh Kanada dan digunakan oleh Amerika. Itulah kenapa walaupun *service* dia sama tapi kos kita rendah. Maksudnya pentadbiran kerajaan adalah jauh lebih baik daripada negara-negara yang banyak keciciran ini.

Jadi apa yang saya tidak puas hati ialah penjagaan kepada orang tua. Kita ini semua Ahli Parlimen ini akan mencecah satu umur di mana kita menjadi orang tua. Tapi dalam masa yang sama, kita mentadbir negara ini dan membantu kerajaan mentadbir negara ini dengan baik untuk menjagakan anak-anak tapi masa tua kita sendiri kita sudah lupa, pegawai kerajaan pun sama dengan wakil-wakil rakyat ini.

Mana ada kita jagakan orang yang *high blood*, macam-macam hepatitis, baik *injection*, *immunization* dan sebagainya untuk orang tua-tua. Banyak orang-orang tua ini kadang-kadang dia makan dia kena Hepatitis B, Hepatitis A, oleh kerana kebersihan dan sebagainya, tak ada *immunization* yang dibuat, tiada bimbingan yang diberi, tak ada *compulsory injection* yang dibuat, macam mana kepada anak-anak. Tapi ini patut kita lihat; kalau kita hendak jaga kebajikan orang tua ini kita kena buat satu garis panduan dan dasar.

Dasar ini menjurus kepada kebaikan orang tua bukan saja dari kesihatan badan dia tapi menjaga *blood pressure* dia, menjaga jantung dia, menjaga paru-paru dia, menjaga apa saja benda yang selalu rosak itu. Jadi kita kena *introduce* dasar dan laksanakan dasar sebagaimana kita melaksanakan penjagaan anak-anak supaya orang-orang tua kita boleh menjadi lebih produktif, boleh berhasil dan tidak membebankan negara, kerana sakit, tak berdaya, *incapacitate* dan sebagainya. Ini kena kita buat.

Dan juga tempat riadah dan reaksi. Semalam, Setiausaha Parlimen ada menjawab tetapi dia cakap 3 tahun lepas sumber kewangan tidak mencukupi, tidak boleh disampaikan ke tiap-tiap daerah. Ini kena kita buat satu mekanisme supaya pihak-pihak NGO boleh terlibat, salurkan menerusi NGO bantuan-bantuan tertentu, bagi garis panduan dan bantu dari segi pengawalan dan pemantauan supaya orang-orang tua ini janganlah jadi macam di Kuching. Ada satu pekan, satu rumah, satu bangunan, *Electra House*. Pada satu ketika ada orang melepak, orang tua daripada umur 60 sampai 70 melepak duduk dekat situ, tidak ada tempat lain hendak melepak. Orang tua ini tidak ada tempat lain hendak rekreasi, tidak ada tempat lain hendak main mahjong atau berbincang atau tengok televisyen ataupun main *billiard* dan sebagainya.

Jadi kita adakan perkara-perkara ini supaya orang-orang tua ini terjaga dan tidak terbiar kerana orang-orang ini telah menjaga kita dulu. Kenapa kita tidak menjaga mereka sekarang ini? Mereka inilah membimbing kita ini dulu sebelum kita menjadi pemimpin kerajaan ini. Kenapa kita lupa pada mereka ini?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian Kesihatan walaupun saya tidak tahu siapa yang duduk kementerian kesihatan, tidak ada di sini, minta tolonglah ingatkan perkara ini, orang yang telah membimbing kita, orang yang telah membantu kita menjadi apa kita sekarang ini mestilah jangan dilupa.

Satu lagi Dato', ini perkara yang tidak berapa penting sangatlah. Kementerian Pengangkutan, perkara kecil saja itu. Perkara kecil ini ialah, Papan-papan tanda. Papan-papan tanda di Malaysia ini tidak baik, tidak canggih dan tidak *informative* kalau dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain. Kita boleh buat benda-benda yang baik tetapi kenapa papan tanda - benda kecil macam ini - kita tidak boleh buat? Masalah kita ini mungkin lihat benda yang canggih macam MSC tapi benda kecil-kecil, yang remeh-temeh ini kita serah kepada orang lain dengan tidak ada garis panduan.

Kalau hendak tengok, telefon saya masa saya ada di Kuching, saya bawa dalam kereta saya, tengok papan tanda. Saya tengok papan tanda di *Interchange* Tebuan Jaya, kita sudah sampai di tempat itu tidak tahu boleh ke kanan atau ke kiri baru boleh kita lihat papan tanda ini, tetapi papan tanda ini dibuat daripada besi yang macam itu, begitu tinggi saya ingat *structure* itu satu tidak kurang daripada RM300,000. Ini pembaziran yang tidak saya tahu macam mana buang duit itu. Walaupun benda ini dibuat oleh kontraktor ini dulu, kontraktor ini mungkin dia *short-sighted*, *long-sighted*

atau entah mana satu *sighted* dia ini, ataupun dia *sore-sighted* dalam ini. Tidak tahu buat papan tanda pun!

Jadi ini misalan sahaja, banyak benda-benda macam itu. Jadi kita tidak boleh katakan bahawa perkara ini adalah di bawah Majlis Bandaran kerana undang-undang kita hanya satu 1987, dengan izin, iaitu Undang-undang Jalan Raya Malaysia. Itu satu sahaja undang-undang kita. Maknanya apa kesalahan yang dibuat oleh *district office* di Simunjan ataupun di Rompin ataupun di Terengganu, itu kesalahan yang perlu Kementerian Pengangkutan tahu juga. Betul atau salah tindakan mereka, kerana banyak perkara-perkara ini, saya hendak menulis kadang-kadang tidak ada masa hendak menulis, saya hendak bawa kamera, ambil gambar semua benda ini pun saya pun bukanlah banyak sangat untuk buang untuk beli kamera dan gambar-gambar ini, jadi hendak memproseskannya lagi.

Jadi ada lagi pula *signboard* yang dibuat dikatakan *signboard indicative* untuk *information* nama jalan. Tapi benda ini dibuat begitu rupa supaya bila kita sampai dekat satu persimpangan benda ini sudah *hiding the view*, dengan izin, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat, Kubang Kerian. Silakan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sila.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Saya hendak penjelasan sikit, Yang Berhormat tadi ada sempat ambil gambar tapi tidak sempat cuci. Buat apa pergi ambil kalau tidak sempat cuci?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]: Tidak ada masa Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada masa, Dato'. Saya tidak cuci sendiri dan kena hantar dekat kedai. Jadi, oleh kerana lepas saya ambil gambar itu pergi Parlimen, belum sampailah hantar ke situ. Jadi, tunggu Kubang Kerian datang tolonglah hantarkan gambar itu nanti. Lain kali kalau hendak kerjasama tolonglah hantar gambar ini supaya senang kita hendak buat rekod.

Jadi dibuat begitu rupa melindungi mata kita dengan aliran datangnya motor dan kereta daripada kanan kita. Jadi ini – dia kata - untuk penjelasan supaya *you* tahu jalan, tapi kereta yang datang langgar kereta kita itu tidak payah tahu kerana dilindungi oleh tanda ini.

Saya baca dalam buku apa garis panduan untuk memasang papan tanda. Ada dikatakan jaraknya daripada tepi jalan jauhnya begini, tinggi daripada muka jalan tinggi ini, besar benda itu berapa besar, semua ada garis panduan, tetapi garis panduan ini mungkinlah sesiapa yang membuat ini bukan orang yang tahu mengenai garis panduan, yang buat ini mungkin jaga yang itu sahaja. Yang jurutera yang patut mengawal perkara ini duduk dalam *air-conditioned room* sahaja.

Ini dasar jurutera yang diberi tugas dan tanggungjawab duduk dalam bilik hawa dingin, kerjanya orang yang buat, betul tidak betul, lepas itu bagi *certificate* dan bayar *contract*. Ini adalah tugas amanah kerajaan kepada pegawai sedemikian. Kita kena lihat sendiri betul atau salah. Undang-undang sudah bagi garis panduan. Ikutlah garis panduan kerana kebijaksanaan undang-undang ini dilulus oleh pihak Dewan yang mulia ini, dilulus oleh pihak Parlimen adalah sebab-sebab yang tertentu. Kalau tidak diikuti, dia akan bercelaru.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih Yang Berhormat, yang seterusnya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi yang akhir, Dato'. Terima kasih Dato', betul-betul juga saya sampai perkara yang akhir iaitu soal pekerja asing.

Sekarang kementerian telah membuat garis panduan bahawa tiap-tiap pekerja asing pada suatu ketika berapa tahun boleh duduk di Malaysia, lepas itu nyap balik, tidak boleh kerja di Malaysia, tidak boleh sambung lagi. Jadi Dato', saya bersetuju dengan kita tidak bersandar sangat dengan pekerja asing ini. Kita kena latih orang-orang kita sendiri dengan mengalih tugas-tugas dan tanggungjawab pekerja asing ini.

Tapi saya berasa sangsi sedikit, soalan kita buat satu dasar bahawa selepas 6 tahun ataupun selepas 3 tahun pekerja asing ini mesti di hantar balik ke negara asalnya

dan diambil pekerja-pekerja baru. Saya mempunyai satu pendirian bahawa kalau kita lihat pekerja ini baik berlandaskan laporan-laporan yang diterima oleh majikan mengatakan pekerja-pekerja ini baik, sepatutnya kita menggalakkan mereka bekerja lebih panjang sedikit. Jangan dibuat satu dasar *across the board* macam ini kerana kita tahu orang yang baru datang itu, kita tidak tahu dia mungkin orang yang jahat, orang buat demonstrasi, buat jenayah, buat apa di negara mereka sendiri kita terima juga. Dalam 3 tahun itulah kita akan menghadapi masalah dia. Jadi tiap-tiap kali orang datang itu, ada sahaja masalah begini berlaku.

Jadi sepatutnya kita lihat siapa yang baik dan kita boleh memanjang masa pekerja ini sedikit, yang jahat itu dua bulan, tiga bulan pun boleh hantar balik kalau tidak baik. Jangan dasar dibuat, dikatakan, macam panjang ini. Tapi macam mana kalau orang ini sudah macam begitu baik sekali, berkhidmat dengan majikan-majikan ini, kepada orang rumah ini tetapi dilarang bekerja berterusan. Bahkan dia telah mendatangkan hasil kepada masyarakat Malaysia.

Jadi sepatutnya kita jangan buat satu dasar *across the board* tapi lihat daripada merit dan kebaikan orang yang bekerja dengan kita itu dan kita boleh berikan lebih panjang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan Terima kasih dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]: Ya, Larut, Larut.

3.25 ptg.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kerana diberi peluang untuk saya menyampaikan sepatah dua kata dalam perbahasan ini dan cuba mengupas beberapa perkara yang saya rasa wajar kita memikirkan.

Saya menyokong penuh keyakinan yang disuarakan sendiri oleh Ke Bawah Duli Tuanku kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, seorang pemimpin yang amat bermoral dan saya menangkis sebagaimana dakwaan yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah itu tadi.

Saya terpanggil untuk merasakan amat terguris di atas teguran-teguran, tohmahan yang dilemparkan oleh pihak pembangkang terutamanya Ketua Pembangkang sendiri yang sejak daripada mula saya mendengar perbahasannya sampailah ke hari ini, tidak ada cerita-cerita yang baru, modal-modal yang baru, hanyalah melemparkan dakwaan yang tidak berasas sama sekali. Saya amat merasa sedih sebagai seorang Ketua Pembangkang, jika dibandingkan dengan bekas Ketua Pembangkang di dalam Dewan Rakyat yang lalu yang bukan sahaja memberi teguran tetapi memberi idea-idea dan pendapat-pendapat, tidak sebagaimana Ketua Pembangkang yang ada pada hari ini yang terlalu emosional dan hanya pandai melemparkan dakwaan dan sehingga sanggup menghina, menjatuhkan maruah bangsanya sendiri.

Saya amat kesal jika benar dengan tuduhan yang telah dilemparkan oleh pemimpin PAS termasuk presidennya yang sanggup menyamakan UMNO atau orang-orang UMNO seperti Yahudi. Tidak cukup dengan dakwaan, mereka mengkafirkan orang-orang UMNO. Inilah cara dan sifat pemimpin-pemimpin pembangkang terutamanya PAS dalam perjuangan mereka kononnya untuk menegakkan Islam sedangkan seluruh rakyat faham dan tahu bahawa UMNO sendiri tidak pernah melepaskan tanggungjawabnya dalam memperjuangkan Islam di negara ini.

Saya sebagai seorang yang 'berbangsa' Islam dengan rasa rendah diri, merayu dan menyeru supaya Presiden PAS ini dan pemimpin-pemimpinnya supaya bertaubat dan memohon maaf secara terbuka kepada orang-orang UMNO di atas penghinaan yang telah mereka lakukan sebelum terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi, kita meletakkan sokongan penuh dan keyakinan ke atas Perdana Menteri dalam memimpin

negara ini berlandaskan keadilan serta prinsip muafakat yang jelas terbukti selama ini. Sebagaimana cara yang paling sesuai untuk masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan keturunan serta berbilang agama yang boleh duduk bersatu padu di dalam negara yang berperlembagaan ini. Pada pandangan saya, Kerajaan Barisan Nasional ini tidak ada penggantinya sampai bila-bila, insya-Allah dan walaupun terdapat sebarang masalah dalaman di dalam Barisan Nasional, semuanya itu dapat diatasi dalam permuafakatan dan persefahaman yang ada sesama pemimpin dan seluruh pengikut Barisan Nasional.

Saya tidak melihat perkara yang serupa di dalam parti-parti pembangkang walaupun mereka masih menganggap mereka masih bernaung di bawah Barisan Alternatif walaupun bagi kita tidak ada wujudnya parti Barisan Alternatif. Sebaliknya mereka semakin hari semakin sibuk bertelagah tentang isu-isu remeh yang seharusnya telah lama diselesaikan sejak dahulu lagi. Saya nampak Barisan Alternatif ini semakin tidak bermaya terutama sekali parti KeADILan yang sejak akhir-akhir ini menghadapi krisis kepimpinan terutama selepas bekas orang kuatnya meninggalkan parti tersebut dan beberapa konco-konconya. Saya tidak tahulah sama ada parti ini akan berkubur ataupun tidak tetapi kalau tanya saya, parti-parti pembangkang ini patut dibubarkan sahaja terutamanya PAS dan bersatu semula dengan UMNO kalau mereka ikhlas memperjuangkan agama dan tanah air.

Saya ingin mengingatkan rakan-rakan di sebelah sana, contohilah Barisan Nasional. Tidak ada konsep dan dasar lain yang dapat menyaingi kami di sini sebagaimana dasar yang diperjuangkan oleh parti-parti pembangkang di sebelah sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang terutamanya. Saya amat kesal dengan sasaran pihak pembangkang terhadap RTM terutamanya sebagai media kerajaan. Tidak ada salahnya sekiranya media kerajaan terutamanya RTM menyiarkan Peristiwa Memali kerana saya yakin dan percaya perkara ini timbul setelah dibangkitkan berulang-ulang kali oleh pihak PAS dan sudah tentu pihak kerajaan terutamanya RTM ingin memberi penjelasan kepada rakyat supaya tidak timbul kekeliruan berhubung dengan isu Memali ini. Syabas saya ucapkan kepada pihak Kementerian Penerangan.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Kubang Kerian berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya ingin dapat satu penjelasan. Baru-baru ini Majlis Fatwa Kebangsaan telah pun menegur kerajaan kerana menyiarkan dan mengungkitkan kembali kematian sebahagian daripada mangsa Memali untuk dipolitikkan. Adakah kerajaan bercadang memberikan taklimat kepada anggota-anggota Majlis Fatwa dengan pendirian yang telah diambil oleh Yang Berhormat bagi Larut sebentar tadi iaitu walaupun Majlis Fatwa telah pun mengarahkan kerajaan dan mana-mana pihak tidak mempolitikkan isu ini tetapi nampaknya Kementerian Penerangan masih lagi berdegil. Ini bererti Majlis Fatwa telah diperlekehkan dan jika pandangan Majlis Fatwa itu tidak betul, seharusnya kerajaan memberikan taklimat kepada anggota-anggota Majlis Fatwa yang tidak ada kena-mengena dengan mana-mana parti politik dalam negara kita.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Sebenarnya perkara ini tidak dipolitikkan oleh UMNO. Yang mempolitikkan isu ini secara terang-terang ialah PAS bahkan Kertas Putih telah pun dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini dan saya rasa, mungkin pihak pembangkang juga setuju walaupun tidak setuju secara terang-terang, ini sebahagian daripada sejarah, peristiwa yang berlaku. Sejarah hitam sebagaimana Peristiwa 13 Mei 1969, terutama bagi generasi-generasi baru, apa salahnya. Kita ingin melihat supaya kefahaman, rakyat faham, bukan sahaja rakyat Malaysia bahkan pendatang-pendatang dan pengunjung-pengunjung dari luar negara, senario yang sebenar berlaku....

Tuan Mohamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Peringat ya, sila.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat setuju kalau kita minta supaya Kementerian Penerangan peristiwa hitam, menyiarkan klip video mengenai 13 Mei semula supaya rakyat tahu apa sebab berlakunya 13 Mei dan peristiwa-peristiwa yang berdarah yang lain seperti apa yang berlaku di Kampung Medan demi untuk memberi penjelasan kepada semua rakyat sebagaimana yang dikehendaki oleh kerajaan, terhadap peristiwa Memali. Apakah Yang Berhormat setuju?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya memang tidak setuju. Buat apa pun kalau dengan pihak sebelah sana, memang tidak pernah merasakan satu kepuasan, tetapi saya rasa ini menteri boleh jawablah sebab saya bukan pembetulan menteri, tetapi sekadar hendak mengulas.....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Biar saya habis sikit, sikit lagi. Macam saya katakan tadilah, tidak pasal-pasal Setiausaha Parlimen jadi sasaran dengan tohmahan, dakwaan oleh sahabat saya daripada Kuala Kedah tadi. Adakah PAS takut, bimbang dengan tindakan, peranan yang dibawa oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan tadi sehingga sanggup memberi gambaran yang begitu buruk terhadap peribadi beliau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Berkaitan dengan RTM dan peranannya, saya ada menanya soalan yang tidak sempat dijawab semalam berkaitan dengan jumlah penonton Berita RTM1, TV2, TV3 ntv7 dan sebagainya. Jawapan daripada pihak kementerian, ialah TV1, Berita Perdana 8.00 malam - 344,000 penonton. Buletin Utama 8.00 malam - 1,765,000, ntv7 Edisi 7.00-8.00 malam - 427,000 orang. Ini bermakna, penonton Berita Perdana paling kecil berbanding dengan ini.

Jadi, yang kita tekankan sangat ialah supaya berita itu tepat, adil supaya penontonnya ramai. Yang kita bimbang dan takut ialah kerana jelas sangat RTM ini berbohong dalam beritanya, dalam rancangannya hinggakan RTM sendiri, kerajaan sendiri menjawab soalan saya, mengakui bahawa Berita Perdana TV1lah yang paling kurang penontonnya walaupun berbanding dengan ntv7 yang mana lingkungannya siarannya amat terhad di sekitar bandar-bandar di pantai barat Semenanjung sahaja. Ini yang kita bimbang, yang kita sayang kepada suatu agensi kerajaan supaya dapat diterima oleh rakyat ramai dan bukan hanya ahli-ahli UMNO pun tidak sampai 344,000.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tumpat. Kalau balik dalam UMNOkan baik. Pertama, saya hendak tanya, adakah pembangkang hari ini menerima semula TV3 yang menjadi sasaran kempen-kempen PAS terutamanya. Ya, dalam ceramah tidak dibenarkan dan sebagainya. RTM, saya rasa sejak akhir-akhir ini, kalau dahulu mendakwa bahawa RTM tidak menyiarkan ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin PAS, saya rasa sejak akhir-akhir ini, ucapan-ucapan pemimpin PAS telah mula disiarkan. Kalau Yang Berhormat masih ingat, sewaktu lawatan Menteri Besar Kelantan ke Bukit Pelandok, seluruh rakyat melihat, menonton. Maka, dengan siaran tersebut, makin bertambah bilangan penonton.

Jadi, kalau begitulah, kenapa Yang Berhormat bimbang kalau kerana siaran Berita Perdana RTM tadi, yang menyiarkan berhubung dengan peristiwa Memali kata Yang Berhormat berkurangan, jadi, tidak perlu Yang Berhormat bimbang. Yang Berhormat bimbang sekarang ini, dengan tersiarnya peristiwa Memali itu, akan bertambah orang yang menonton siaran berita tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Inilah, kadang-kadang kita tadi sering kali bercakap tentang soal janji, pilihan raya dan sebagainya. Kalau saya hendak berhujah dengan pembangkang, memang tidak akan habis dengan janji-janji yang dituntut oleh rakyat selepas PAS memenangi Kelantan dan Terengganu. Kita tahu, kalau PAS bercakap, mereka tidak takut kepada manusia, hanya kepada Tuhan.

Tetapi, sampai ke hari ini rakyat masih tertanya-tanya bagaimana undang-undang hukuman hudud sebagaimana yang dijanjikan oleh PAS untuk dilaksanakan di kedua-dua buah negeri tersebut dan apabila tidak dapat dilaksanakan, mula hendak menyalahkan kepada pemimpin Barisan Nasional. Jadi, inilah dia kita berharap supaya pendekatan kalau kita ingin sama-sama melihat dasar perjuangan kita sebagai sebuah negara di mana agama Islam sebagai agama rasmi, kita perlu secara telus dan ikhlas dalam memperjuangkan dasar ini dan jangan kita mempolitikkan agama untuk kepentingan parti-parti pembangkang terutamanya. Oleh itu, saya menyeru kepada rakan-rakan.....[Disampuk]

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian berdiri lagi Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini, hendak betulkan dengan Larut ini, mempolitikkan agama. Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pergi berkhotbah di satu masjid sehari sebelum pilihan raya kecil Indera Kayangan. Dalam kawasan pilihan raya, Timbalan Perdana Menteri pun hadir, Menteri Besar Kelantan pun hadir dan khutbahnya itu, macam biasalah, dia sentuh pembangunan, keselamatan yang mengajak orang ramai untuk mengekalkan sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional, itu yang pertama. Saya hendak tahu macam mana itu, patut menteri sudah cakap kita tidak boleh guna mimbar untuk politik. Tetapi, pasal apa semasa pilihan raya tiba-tiba menteri ini boleh datang berkhotbah dalam masa pilihan raya?

Yang kedua, saya hendak tahu sikap Larut tadi menggambarkan sikap UMNO iaitu mana-mana keputusan yang sama dengan pandangan mereka, mereka patuh. Mana-mana yang tidak sama mereka lawan, hatta keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan. Larut nampaknya tadi lebih alim daripada Ahli-ahli Majlis Fatwa. Saya cadang supaya Majlis Fatwa ini dibubarkan sahaja. Larut setuju tidak ?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itu satu penghinaan. Saya tidak mengatakan saya alim. Itu pendapat daripada Kubang Kerian. Saya tidak nampak kalau menteri berkhotbah apa salahnya, sebab saya tahu tadi saya dapat bercakap dengan sahabat saya daripada Kemaman. Dia pun mengatakan besok dia akan membaca khutbah, apa salahnya? Ada imam-imam di masjid-masjid yang saya merasakan menyimpang daripada dasar kerajaan dan menggunakan platform berkhotbah untuk menyampaikan mesej mereka. Haaa, ini lagi teruk kalau saya hendak dedahkan tetapi tidak perlulah. Tetapi macam kata Yang Berhormat tadi, itu bukan berpolitik, maknanya itu beri nasihat sebagai menteri. Menteri kalau dia berkhotbah ialah untuk beri nasihat, apa salahnya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, takut masa saya pun habis.

Saya ingin teruskan. Oleh itu, sebagaimana yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda dalam pembukaan Sidang Dewan tempoh yang lalu, telah menyentuh tentang puak pelampau ataupun dengan izin, *extremist* agama yang merupakan satu ancaman yang serius kepada negara dan wajar ditentang habis-habisan. Oleh itu, saya menyeru agar kita tidak pula mencuba untuk mempertahankan pengkhianat-pengkhianat ini. Apakah tujuan kita untuk menolong orang yang akan merosakkan negara kita serta menambahkan lagi kesangsian kepada orang yang bukan beragama Islam yang sentiasa menghormati agama Islam sebagai agama rasmi negara. Apakah ideologi politik kita terlalu sempit sehingga kita tidak dapat melihat kebenaran yang tertera di hadapan mata kita? Jika kita mempertahankan mereka juga nescayalah kita tidak ubah seperti menyokong kepada agenda keganasan dan menjadi kebencian seluruh umat.

Tuan Yang di-Pertua, jihad wajarlah dilihat sebagai satu perjuangan untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara. Bagi saya, jihad ini adalah satu usaha untuk membangunkan negara. Sesebuah negara Islam yang mengamalkan keterbukaan dan kesederhanaan, yang membawa kepada pembangunan semua rakyat yang bernaung di bawah panji kebesaran Islam sebagai agama rasmi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian bangun lagi, hendak beri jalan Yang Berhormat?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya takut masa tidak ada, lain kalilah.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, saya... benda-benda yang saya hendak cakap ini tidak habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terpulung kepada dia Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pagi tadi kita dengar apabila ada persoalan berhubung dengan Mahkamah Islam Antarabangsa, di mana kita telah mendapat jawapan daripada Timbalan Perdana Menteri di mana mahkamah yang berpusat di Kuwait ini tidak berfungsi dengan berkesan, dengan begitu baik. Oleh itu saya mencadangkan, apa salahnya Malaysia membuat tawaran supaya mahkamah tersebut dipindahkan sahaja ke Malaysia, supaya PAS terutamanya dapat melihat bagaimana negara kita, Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dapat sama-sama memberi satu contoh sebagai sebuah negara Islam di kalangan negara-negara Islam, setengahnya yang kita rasakan tidak selamat pada masa ini.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Jerlun berdiri Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya ada masa lagikah Tuan Yang di-Pertua? Berapa minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu terpulunglah kepada Yang Berhormat. Banyak masa lagi. Hendak bagi jalankah ataupun tidak?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya boleh bagi jalan, tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi pada siapa Yang Berhormat?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak habis lagi ini. Saya ada banyak lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan itu Yang Berhormat. Kalau tidak beri jalan, cakap

Seorang Ahli DAP: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sekejap, biar saya habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri lagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, yang DAP ini sibuk sangat fasal apa? DAP ini ada agenda tersendirikah? Dahulu marah kepada PAS kerana kawasan Lunas tidak dapat kepada mereka. Hari ini bila kawasan Ketari dapat kepada DAP, secara terang-terang semua apa yang PAS buat sokong belaka.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, teruskan Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini yang menjadi masalah, cakap tak serupa bikin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia orang duduk Yang Berhormat ...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itu belum tentu menang, saya percaya kalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus Yang Berhormat, teruskan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mana tadi. *[Ketawa]* Saya ingin menegur rakan-rakan kita daripada parti PAS, yang baru-baru ini secara bongkak, angkuh, secara terang-terang mengatakan bahawa mereka bersedia mengetepikan undang-undang dalam soal membuat ceramah ini, seolah-olah ingin berkonfrontasi dengan pihak keselamatan. Inilah yang perlu dilihat secara luas oleh rakyat di dalam negara ini kerana kita tahu bahawa ceramah ini perlu mendapat permit supaya keamanan dan keselamatan negara kita dapat terkawal.

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian, Peraturan Mesyuarat yang ke berapa Yang Berhormat?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bagi Peraturan Mesyuarat, jangan tambah-tambah pula Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak mengapa Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini taktik lama Tuan Yang di-Pertua. Kalau Peraturan Mesyuarat sebut Peraturan Mesyuarat, jangan hendak tambah-tambah, hendak mencelah-celah. Tunjukkan *gentleman* sedikit, saya tahu sangat Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bagi. Kalau betul ada Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat yang mana? **Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat. Mesti dibenarkan. Peraturan berapa Yang Berhormat?

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Ketawa]* Janganlah bimbang. Peraturan Mesyuarat 36(9). Tadi Yang Berhormat Larut kata yang PAS kata kita akan meneruskan ceramah dan tidak akan mempedulikan undang-undang. Ini sudah salah iaitu perkataan-perkataan menderhaka kepada negara. Kita tidak pernah kata bahawa kita hendak ceramah dengan mengetepikan undang-undang, hanya yang kita kata arahan larangan ceramah tidak mengikut Perlembagaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Serupalah itu, tidak mengikut Perlembagaan, samalah itu, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masuk perkara yang lain Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya masuk perkara yang lain, sudah agak panas itu. *[Ketawa]* Oleh itu, kita berharap dan kita menyeru supaya dalam menangani masalah keganasan ini, kita bekerjasama dan membulatkan tekad supaya keamanan negara kita tidak terus terancam. Menyentuh perihal pandangan dunia luar tentang Malaysia, saya melihat tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh media yang pro-asing ini boleh memberikan kesan negatif kepada negara kita, baik dari segi pelancongan malah pelaburan asing dan juga tanggapan dunia terhadap Islam di Malaysia.

Oleh itu saya menyeru kepada kerajaan, selain daripada menjawab tuduhan-tuduhan tersebut dan membongkar agenda sebenar mereka yang boleh mengganggu kestabilan ekonomi dan politik negara, tindakan-tindakan yang lebih tegas perlulah diambil. Saya juga meminta penjelasan daripada kerajaan sama ada serangan terbaru media pro-Barat ke atas negara kita ini akan mendatangkan masalah kepada hubungan luar kita dengan negara-negara Barat, dan apakah strategi dan perancangan yang diambil untuk menangani masalah tersebut.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian berdiri.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya mengucapkan... sedikit lagi, saya hendak menghabiskan sedikit lagi. Sudah banyak kali bagi ini. Ini yang susah ini, bagi betis hendak paha.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia di atas tindakan cepat untuk merangsang pertumbuhan ekonomi daripada dalam. Sumbangan fizikal berjumlah RM7.3 bilion ini membuktikan kesahihan pertimbangan kerajaan yang dikira wajar dan tepat untuk mengelakkan negara daripada menjadi mangsa kelembapan ekonomi yang sedang melanda dunia. Saya difahamkan kini ekonomi negara sedang mengalami pemulihan berperingkat-peringkat. Ini adalah satu kejayaan besar kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam membendung masalah yang mungkin menyusahkan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian berdiri Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jangan tanya yang lain, tanya perkara yang saya bercakap inilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih banyak Yang Berhormat Larut. Saya akan tanya apa yang Yang Berhormat Larut cakap sahaja. Tadi ada Yang Berhormat Larut cakap, saya hendak sokonglah, dari segi imej kita di luar negara. Baru-baru ini kerajaan ada berlanggan majalah *Time* untuk menyiarkan iklan pelancongan negara kita, tetapi tiba-tiba dibantah oleh Pemuda UMNO. Adakah ini tidak mencemarkan imej negara? Mana satu yang kita hendak pakai – Menteri UMNO, Pemuda UMNO – Menteri UMNO yang berlanggan, Pemuda UMNO membantah? Boleh mendapat penjelasan sedikit?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat pun “sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula”. Pihak majalah tersebut telah pun meminta maaf dan memberi ruang pula kepada Perdana Menteri ataupun Menteri. Jadi tidak perlu ditimbul dan dibangkitkan lagi. Tidak tahulah kalau Yang Berhormat Kubang Kerian ada agenda lain. Saya ingin meneruskan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau hendak mengapi-apikan, tidak tahulah. Akan tetapi saya kawatir sekiranya kita tidak mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menilai semula strategi industri di negara ini. Saya melihat begitu ramai pekerja kini sudah diberhentikan yang angkanya mungkin sudah melepasi 50,000 orang. Akan tetapi kita masih mempunyai kekosongan pekerjaan yang membawa kita terpaksa bergantung kepada bekalan buruh asing sedangkan kita cuba untuk menempatkan semula mereka yang telah diberhentikan kerja di industri atau sektor lain dengan skim latihan bantuan yang diperkenalkan baru-baru ini. Apakah kita tidak mengadakan satu kaji selidik terhadap Dasar Buruh Negara yang terpaksa bergantung kepada tenaga luar di dalam setengah bidang? Bagi saya, daripada kita terlalu bergantung kepada buruh luar, adalah lebih baik jika tenaga kerja yang baru diberhentikan dan diberi peluang untuk menyumbang kepada sektor-sektor yang memerlukan kepada pekerja asing.

Dalam pada itu saya menyeru kepada kerajaan agar mempertingkatkan lagi latihan yang berterusan dan tambahan kepada tenaga kerja yang sedia ada. Di dalam menyahut Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke arah pembangunan sesebuah ekonomi berasaskan pengetahuan, saya ingin kepastian dari kerajaan, ke manakah hala tuju ekonomi kita di dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan ini. Adakah kita telah mengambil langkah-langkah yang seharusnya untuk memantapkan lagi sektor-sektor sedia ada bagi menghadapi saingan AFTA dan WTO. Begitu juga apakah bidang-bidang baru yang telah dikenal pasti dan boleh diceburi oleh anak-anak tempatan agar dapat mencetus pembangunan budaya kreatif dan inovatif di kalangan masyarakat Malaysia, terutamanya di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita juga sekarang ini sedang menghadapi bahaya yang dibawa oleh kemasukan pendatang-pendatang luar. Saya tidak menafikan ada ketikanya kita memang terpaksa bergantung kepada tenaga luar untuk menjana pembangunan negara, tetapi tidaklah sampai ke tahap di mana orang luar ini pula membuat perkara ataupun mengambil kesempatan di dalam kenikmatan yang mereka kecapi di dalam negara kita seperti yang berlaku baru-baru ini.

Oleh itu saya menyeru kepada kerajaan, di dalam tindakan yang diambil ke atas peristiwa yang berlaku di Negeri Sembilan yang membabitkan sebilangan besar pendatang asing daripada Indonesia, saya juga ingin bertanya sama ada dalang-dalang daripada mana-mana pihak yang mempunyai agenda politik mereka yang boleh mencetus berlakunya peristiwa tersebut kerana logiknya tidak mungkin walaupun bilangan sesebuah rakyat luar dalam sesebuah negara di mana-mana mereka berada, kalau tidak ada dalang, mereka yang menyokong dari belakang tidak mungkin peristiwa sehingga sanggup membakar kenderaan-kenderaan pihak polis, mengetepikan undang-undang boleh berlaku. Ini saya minta supaya pihak kerajaan dapat menyiasat dan mengambil tindakan yang lebih tegas. Tuan Yang di-Pertua

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih teman daripada Larut. Memang sehari dua ini kita dengar dan dari minggu-minggu yang lepas tentang hal mengenai pendatang tanpa izin ini. Tetapi saya hendak meninjau satu perkara yang saya fikir positif, walau pun kita banyak mendedahkan yang negatif, iaitu tentang cara pendatang-pendatang tanpa izin ini, selain daripada menjalankan kerja-kerja yang telah dikhususkan kepada mereka, mereka juga pada masa yang sama bertindak sebagai peniaga-peniaga dan mereka mempunyai *business acumen* dan kelebihan *entrepreneur* yang kita tengok misalnya orang-orang Indonesia yang berjaya menawan Chow Kit itu dan menggantikan peniaga-peniaga bukan sahaja bumiputera, bahkan peniaga-peniaga bukan bumiputera pun dan di tempat-tempat yang lain, bandar-bandar yang lain.

Soalnya sekarang ini selain daripada perkara-perkara negatif yang kita timbulkan, sudahkah dikaji kelebihan orang-orang ini terutamanya dari segi menanamkan semangat perniagaan, dari segi kegigihan mereka menguruskan hal-hal mengenai perniagaan agar sifat-sifat mereka ini boleh diterapkan kepada bakal-bakal peniaga dan peniaga-peniaga bumiputera khususnya, sebab orang-orang ini latar belakangnya hampir sama, rupanya hampir sama, persekitaran hampir sama hanya kemungkinan kehebatan mereka yang mereka papar itu, kalau-kalaulah Yang Berhormat boleh bersetuju macam mana? Kalau kita sarankan kepada kerajaan kalau ini dapat dijadikan tumpuan dan kajian untuk memberikan keberkesanan yang baik kepada bakal-bakal peniaga dan peniaga-peniaga kita umpamanya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Kalau Yang Berhormat berhujah macam ini dalam Dewan bukankah baik daripada berceramah dalam program ceramah Yang Berhormat buat di tempat-tempat di luar, dalam ceramah-ceramah yang sebelum ini. Bukankah baik begitu. Sebenarnya saya memang hendak menyentuh dalam soal pendatang ini. Mungkin kerajaan dapat mengamalkan dasar pengambilan tenaga kerja asing yang dengan izin, *selective* dengan mengutamakan pengambilan pekerja asing yang berpengetahuan atau dengan izin, *professional* yang dapat membantu pembangunan negara dan menghadkan kemasukan buruh asing pada pandangan saya kini sudah terlalu ramai dan berlebihan di negara ini .

Saya juga menyeru kepada kerajaan agar mempertingkatkan keupayaan penguatkuasaan ke atas pendatang termasuk pendatang tanpa izin agar masalah mereka ini dapat diselesaikan segera demi menjaga kepentingan rakyat dan maruah negara yang kian tercemar akibat ketidakkurancian mereka ini terhadap undang-undang kita. Umpamanya saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya menambahkan di sini sedikit, biasanya ada negara-negara meletakkan wang yang perlu dibawa oleh

rakyat sesebuah negara bila dia hendak masuk ke sesebuah negara tersebut. Kita mengambil contoh di mana syarat yang dikenakan oleh Australia sebagai contoh.

Begitu juga dengan Malaysia, negara kita yang mengenakan wang yang perlu dimiliki oleh mereka terutama daripada negara-negara jiran seperti Indonesia yang datang ke negara kita ini. Saya rasa kalau tidak silap saya RM1,000 ringgit yang dikenakan, mungkin tidak cukup lagi, mungkin perlu ditambah supaya hendak memastikan bahawa kedatangan mereka itu sama ada sebagai pelancong atau untuk mencari peluang pekerjaan yang boleh akhirnya menimbulkan bebanan kepada pihak kerajaan. Ini saya minta pihak berkenaan dapat menimbang atau mengkaji perkara ini.

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Cukuplah Dato' saya mungkin tidak ada masa..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya ada lagi hendak menghabiskan beberapa perkara yang saya perlu sampaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan ini dahulu kemudian saya boleh beri kepada Kota Melaka, sebab Kota Melaka beria-ia sangat hendak mempertahankan Singapura, kita tahu masalah yang berlaku di dalam Dewan dua tiga hari yang lalu. Kita fahamlah itu agenda politik DAP dengan PAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri Dalam Negeri yang telah mengambil tindakan tegas termasuk ke atas anggota pasukan keselamatan yang cuai melaksanakan tugas atau terlibat dengan jenayah. Ini tidak ramai tetapi perlu diberikan ucapan tahniah dan semoga akan menjadi satu rangsangan bagi pihak berkuasa keselamatan bertindak dalam mengekalkan, dalam menjaga imej pihak polis.

Saya juga ingin menyentuh sedikit berhubungan dengan soal sukan. Kalau soal sukan, hendak bertanya bolehlah selepas ini. Di dalam arena sukan saya tidak menafikan pencapaian negara semakin meningkat di dalam beberapa bidang sukan sejak akhir-akhir ini. Sebagaimana sahabat saya Yang Berhormat bagi a Tebrau tadi mengucapkan tahniah kepada negara kita yang telah buat pertama kalinya dalam sejarah menjuarai Sukan SEA yang baru lalu. Tahniah juga kepada skuad badminton kebangsaan yang telah berjaya menjuarai pusingan kelayakan Piala Thomas dan sekurang-kurangnya akan menebus maruah negara. Tidak kurangnya juga kepada titik peluh yang ditaburkan oleh skuad hoki kebangsaan dalam Kejohanan Piala Dunia yang berakhir baru-baru ini walau pun di dalam kelompok lapan negara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Lebih membanggakan lagi ialah kejayaan pasukan yang dianggap kecil iaitu KL Minardi, Asiatech sewaktu pusingan pertama kejohanan FI Dunia 2002 di Australia, walau pun di tempat ketujuh. Pelumba harapan negara Alex Yoong telah berjaya menamatkan perlumbaan tersebut. Ia adalah petanda awal bahawa kita boleh mengorak langkah ke hadapan di dalam sukan ini jika kita meningkatkan lagi usaha kita.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kejayaan-kejayaan ini akan lenyap begitu sahaja sekiranya kita tidak menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh beberapa badan sukan. Kemelut pentadbiran sukan di negara ini bukanlah satu perkara yang

baru. Sebagai salah seorang penggiat sukan di negara ini saya sendiri sering terperangkap di dalam kepolitikan sukan negara.

Pada pandangan saya, berpolitik biarlah di Parlimen. Bukannya di dalam badan-badan seperti sukan di negara ini. Apalah gunanya kita bertikam lidah dan bermusuhan-musuhan sesama kita sedangkan tujuan kita adalah sama iaitu untuk membangunkan sukan demi memartabatkan lagi sukan tanah air kita. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Belia dan Sukan di atas keprihatinan beliau sejak memegang jawatan Menteri dalam memerangi beberapa masalah termasuklah dengan prinsip dan ketegasannya dalam memenangi kemelut yang dihadapi oleh Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia atau KOAM.

Walau apa pun alasan yang cuba dihamburkan oleh KOAM di dalam mencari jalan keluar dari kemelut tersebut, saya berharap agar ianya dapat dijadikan sebagai iktibar dalam mengatur langkah kita seterusnya, terutama dalam menghadapi persediaan kejohanan-kejohanan di peringkat antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini hendak gulung Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jika tidak ia akan terus merebak dan mungkin membahayakan badan-badan sukan yang lain. Saya lihat kita bernasib baik kerana kepimpinan Kementerian Belia dan Sukan kini mengambil pendekatan positif demi menyelamatkan sukan negara. Umpamanya tindakan pantas beberapa tahun lalu membendung masalah dari melanda Persatuan Boling Malaysia. Begitu juga saya yakin pergantungan KOAM ini akan memberi peluang kepada kesatuan tersebut memperbetulkan segala kelemahan dan memantapkan lagi pentadbiran agar lebih telus, efisien dan berlandaskan prinsip dan dasar sukan negara.

Beralih kepada isu pembangunan sukan, saya melihat perkembangan positif dalam sikap badan-badan sukan untuk cuba memajukan sukan mereka. Di dalam bola sepak saya menaruh kepercayaan...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minat bola sepak? Berapa kali pergi ke stadium ini, tidak pernah pun.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Sukan lumba kereta *Formula 1* yang mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Kalau sukan ini cukup berjaya dan sebagainya, kenapakah tiba-tiba MAB Berhad Malaysia Airport Berhad sudah membuat keputusan hendak menjual *Circuit Formula 1* di Sepang itu kepada pihak-pihak lain dan kenapa pula pihak-pihak lain nampak tidak berminat kepadanya sehingga nampaknya agensi-agensi tertentu kerajaan akan dipaksa untuk membelinya. Adakah ini bermakna bahawa *Formula 1* itu suatu bebanan yang mana tidak ada sesiapa pun yang dapat melihatnya ada keuntungan komersial atau apa sebabnya. Terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tidak dapat menjawab secara *detail* sebab saya bukan Menteri Belia dan Sukan tetapi sebagai peminat sukan kita sama-samalah lihat perlumbaan yang akan berlaku

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Menyampuk]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya? Tiket?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa pun sudah cukuplah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tiket. Tiket minta daripada kita tetapi hentam kita. Saya rasa kita tunggu, kita lihat sebab perlumbaan ini sebenarnya kita mesti lihat dari segi kebanjiran pelancong datang ke negara kita dan akhirnya kita mesti melihat juga bagaimana negara kita dapat *promote* lagi di bidang-bidang yang lain apabila ramai yang datang ke negara kita.

Jadi, *detail*nya saya tidak boleh hendak sebut kerana ini adalah di luar bidang kuasa saya walaupun saya boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, pembangunan sukan juga bergantung kepada kebolehan sesuatu badan sukan itu untuk berfungsi – minta maaf saya sudah terlepas tadi.

Saya menaruh kepercayaan kepada FAM agar dapat meningkatkan lagi prestasi permainan bola sepak dengan kembalinya tenaga import ke kancah Liga M. Saya juga berharap langkah ini juga akan mempertingkatkan lagi mutu pemain-pemain tempatan agar turut bersaing sambil melihat kemahiran pemain-pemain daripada luar. Maka, sebab itu saya menyokong penuh usaha FAM untuk mendedahkan lagi pemain-pemain muda kita dengan bermain dengan kelab-kelab di luar negara umpamanya di Jerman dan juga di Eropah.

Permainan sukan juga bergantung kepada kebolehan sesuatu badan sukan itu untuk berfungsi sepenuhnya. Justeru itu, saya menyeru kepada kerajaan agar dapat memastikan setiap pentadbiran.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penghujung Tuan Yang di-Pertua. Pasal tadi banyak sangat bertanya saya, Tuan Yang di-Pertua. Sikit lagi. *Injury time.*

Setiap pentadbiran badan sukan negara ini mantap dan lengkap. Lebih dari itu lagi kerajaan mestilah memastikan peruntukan atau pembiayaan yang mencukupi untuk setiap badan sukan itu sebelum sesuatu kegiatan sukan itu mula dilaksanakan. Kita tidak mahu melihat usaha pembangunan sukan di negara ini terbantut atau terkandas separuh jalan oleh kerana kekurangan peruntukan atau pembiayaan.

Ikhlas saya nyatakan di sini kita sebenarnya tidak perlu membelanjakan wang yang banyak seperti negara-negara maju yang lain untuk membangunkan sukan. Negara lain seperti Thailand dan Indonesia juga mempunyai peruntukan yang kecil untuk pembangunan sukan. Akan tetapi mereka menekankan aspek pengorbanan dan kesukarelaan di kalangan atlet dan pemain. Satu konsep yang sebenarnya wujud di Malaysia tetapi tidak begitu diamalkan.

Kita sering kali mendengar desas-desus, keluhan para atlet tentang pembayaran yang lewat dan sebagainya. Bagi saya ada dua aspek dari rintihan ini, pertama sekali badan-badan sukan terbabit wajarlah bertanggungjawab sekiranya mereka melakukan kesilapan atau tidak dapat membuat pembayaran di dalam masa yang telah ditetapkan. Setiap atlet dan pemain itu mempunyai komitmen kewangan yang juga perlu dipertimbangkan. Oleh itu saya menyeru kepada semua badan sukan di negara ini agar berhemah sewaktu berbelanja, janganlah terlalu boros sehingga melebihi peruntukan.

Saya rasa itu sahajalah yang hendak saya sampaikan walaupun ada lagi Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa cukup, maka dengan itu saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

4.08 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Diraja yang semua kita bersetuju untuk menyokongnya. Saya akan memfokuskan ucapan saya terhadap persoalan kepimpinan negara kita.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menghentam dan mengkritik kumpulan ulama kerana kononnya ulama yang terlibat dalam kepimpinan dan perjuangan dianggap sebagai satu daripada faktor yang memecahbelahkan masyarakat kita. Dan, pada pendapat Perdana Menteri, ulama politik adalah satu elemen masyarakat yang merbahaya dan premis serangan ini adalah bahawa ulama yang berpolitik tidak tahu mentadbir dan menguruskan negara. Itu sebab Perdana Menteri menganggap kepimpinan mereka harus ditolak dan ulama tidak harus terlibat dalam politik.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita menjernihkan fikiran dan merenung sekejap kedudukan kita pada hari ini, saya rasa kita tidak memiliki ataupun merasakan ketenteraman, keamanan dan kesentosaan yang sebenarnya. Kita lihat dalam masalah sosial sahaja pada setiap hari kejadian jenayah dilaporkan berlaku, bukan sahaja kejadian jenayah yang semakin meningkat bahkan bentuknya menjadi semakin ganas. Bukan sahaja orang-orang lelaki dewasa telah menjadi mangsa keganasan tetapi kanak-kanak malah perempuan yang lemah dan tidak berdosa telah dibunuh dengan begitu kejam selain daripada dirogol dan dijadikan mangsa jenayah yang lain.

Dalam keadaan yang demikian bukan sahaja kita gagal membendung keganasan yang sedang meningkat bahkan pasukan keselamatan yang telah dilatih, dipilih dan diamanahkan untuk menjaga ketenteraman negara juga kebelakangan ini telah secara terang-terangan terlibat dalam gejala jenayah, dan gejala ini semakin besar. Bukan sahaja dilaporkan oleh akhbar-akhbar tetapi juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri daripada Jelebu, seorang Menteri Kabinet telah pun menyebut secara terbuka bahawa gejala pendatang asing yang berleluasa yang masuk tanpa izin sebahagiannya ialah kerana pasukan keselamatan dan penguatkuasaan telah dilanda gejala rasuah. Dan, ini adalah satu pendedahan yang besar dan Timbalan Perdana Menteri, yang juga Menteri Dalam Negeri, telah memintakan bukti dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah berjanji memberikan bukti ini dalam mesyuarat Kabinet.

Dalam aspek yang lain kita lihat ekonomi negara kita selepas daripada dilanda keruntuhan, mendedahkan satu demi satu syarikat-syarikat multinasional yang mengalami kerugian yang begitu besar dan sebahagian daripada kerugian ini dikaitkan dengan penyelewengan. Kita tengok dalam kes MAS dan kita tengok dalam kes PERWAJA, Perdana Menteri sendiri mengaku di London bahawa keruntuhan PERWAJA dengan kewangan yang telah dilibatkan lebih daripada RM10 bilion, mengikut Perdana Menteri dalam perjumpaan dengan pelajar Malaysia di London, ialah kerana penyelewengan, unsur-unsur penyelewengan wujud tetapi para penyeleweng ini tidak dapat dihadapkan ke mahkamah, alasan Perdana Menteri hanya satu iaitu kerana BPR gagal mendapatkan kerjasama daripada Bank Swiss. Inilah premis yang telah digunakan oleh Perdana Menteri untuk menutup kes ini daripada dibawa ke mahkamah.

Kita melihat satu demi satu kerugian, dalam Tabung Haji, dalam TNB, penyelewengan-penyelewengan yang dilaporkan baik secara rasmi ataupun tidak rasmi. Saya ingin bertanya jika kita telah mengatakan ulama tidak boleh berpolitik kerana mereka lemah untuk mentadbir negara, adakah gejala-gejala yang kita sedang lihat dengan terang dalam masyarakat kita baik dalam sosial, baik dalam ekonomi, baik dalam *judiciary*, baik dalam hubungan luar - dalam isu yang terakhir, hubungan kita dengan Singapura.

Selama ini negara kita telah dipimpin oleh Perdana Menteri selama hampir 20 tahun. Kita katakan bahawa ulama lemah mentadbir, dengan demikian mereka tidak harus terlibat dalam kepimpinan politik. Tetapi apa yang ada di hadapan kita ini tidak kena-mengena dengan kepimpinan ulama sama sekali. Kerugian MAS, MAS bukan ditadbir oleh para alim ulama, kerugian Tabung Haji, Tabung Haji tidak ditadbir oleh kumpulan ulama.

Negara yang dilanda sengketa sekarang ini baik politik, baik *judiciary*, saya tidak akan memetik satu persatu dalam masalah *judiciary*. Saya hanya memetik satu kenyataan yang telah dibuat oleh Hakim Mahkamah Persekutuan yang telah dilaporkan, disiarkan dalam *Malayan Journal*. Ketika membicarakan kes *contempt of court* yang dihadapkan, yang dikenakan kepada Zainur Zakaria ketika mempertahankan Dr. Seri Anwar Ibrahim dalam kes rasuah di mana pada waktu itu Zainur Zakaria cuba membawa satu *affidavit* yang telah ditulis berdasarkan tulisan ataupun surat oleh seorang *lawyer*, Manjit kepada Peguam Negara.

Apabila perkara ini difailkan di mahkamah, hakim pada waktu itu telah menjatuhkan hukuman *contempt of court* kepada Zainur Zakaria tanpa peluang membela diri, bahkan Peguam Negara juga tidak diizinkan untuk memberikan keterangan dalam masa beberapa jam sahaja. Dalam mahkamah yang sama Zainur Zakaria telah dijatuhkan hukuman 3 bulan penjara dan kemudian apabila kes ini dirayu di peringkat Mahkamah Persekutuan, para hakim 3 orang bersidang telah membebaskan Zainur Zakaria tetapi *remarks*, dengan izin, catatan yang diberikan oleh hakim adalah sangat penting iaitu Hakim Augustine telah bertindak seakan-akan mereka adalah peguam kepada Peguam Negara. Dan dalam hal ini, mereka

mempersoalkan bagaimana dalam masa yang singkat, hakim boleh menjatuhkan hukuman sebelum memberikan Zainur Zakaria peluang membela diri.

Apa yang saya ingin tegaskan di sini ialah jika dalam kes Tun Salleh Abas, kerajaan telah menubuhkan satu Tribunal Kehakiman dan menjatuhkan atau menggugurkan Tun Salleh daripada jawatan Hakim Negara pada waktu itu. Dalam kes ini adalah satu perkara yang terang jika kerajaan ingin menjaga kod etika kehakiman untuk membawa Augustine Paul ke Tribunal Kehakiman bagi menjaga integriti kehakiman kita, tetapi ini tidak berlaku kerana kita semua tahu *selective petition* yang telah dilaksanakan oleh negara kita dan juga kerana mahkamah telah dipolitikkan.

Jika alim ulama dilarang daripada berpolitik, hakim kita, mahkamah kita, surat khabar kita, TV kita, semuanya telah pun dipolitikkan dan inilah hasil yang kita perolehi selepas 20 tahun kepimpinan Perdana Menteri. Inilah yang kita katakan kejayaan, keberkesanan, kemampuan, kehebatan dan keagungan, tetapi kita runtuh dalam semua aspek. *Space of freedom* kita menjadi lebih sempit. Tidak ada peluang untuk kita bernafas dalam ruang kebebasan yang seharusnya bagi perkembangan sebuah tamadun, sebuah masyarakat madani, sebuah masyarakat yang maju. Kita tidak boleh berucap di depan umum semata-mata kerana Menteri Dalam Negeri kata *totally banned* untuk ceramah politik.

Dengan begitu sahaja, dengan satu kenyataan Menteri, seluruh ruang kebebasan dihapuskan. Dengan arahan "Aku Janji", seluruh ruang kebebasan dihapuskan. Dengan tahanan ISA, hatta kepada para pelajar, pemimpin di universiti ditahan di bawah ISA, ruang kebebasan itu dihapuskan. Apakah ini pencapaian di bawah kepimpinan yang dikatakan berkesan selepas 20 tahun beliau memerintah? Adakah ini kejayaan kepimpinan non-ulama? Ulama maknanya orang alim dalam agama khususnya. Apabila kita menolak kepimpinan orang alim dalam agama dalam politik, bermakna kita mempelopori kepimpinan orang jahil agama dalam politik.

Jika kita kata orang alim agama dalam politik itu merbahaya, kita telah melihat kesan dan natijah daripada orang jahil agama dalam kepimpinan selama 20 tahun. Kalau kita katakan apa yang saya sebutkan tadi ialah perkara-perkara yang tidak dapat dilihat secara statistik, kalau kita mengambil statistik ataupun kita mengambil *specific case* untuk membuktikan hipotesis saya bahawa kepimpinan Perdana Menteri telah gagal dan tiba masanya beliau menawarkan diri untuk berundur daripada memimpin Malaysia supaya kita boleh menentukan agenda baru bagi masyarakat kita, negara kita pada masa depan dan negara kita tidak diheret dalam kancah seperti ini semata-mata kepentingan politik satu orang pemimpin.

Saya berikan contoh yang spesifik. Dalam kes [Piparti Gate](#), kita telah didedahkan dengan beberapa perkara yang saya tidak akan ulangi, tetapi di sana banyak lagi penyelewengan yang sama. Saya hanya beri satu contoh berdasarkan kepada ucapan-ucapan Menteri di Parlimen ini sendiri dan dalam surat khabar-surat khabar terutama menjelang Pilihan Raya 1999. Dua contoh sahaja saya berikan sebagai satu input baru bagi membuktikan kepada kita bahawa di sana ada satu ruang penyelewengan yang begitu besar yang disembunyikan di bawah sistem yang kita ada pada hari ini.

Melalui Kementerian Luar Bandar, satu projek kilang kaca untuk kononnya bagi golongan miskin telah dibelanjakan berbelas juta ringgit dan sekarang entah di mana. Dan dalam kes yang lain, yang lebih mendukacitakan apabila rakyat inginkan bekalan elektrik di Tanah Tinggi Bagio, satu mini hidroelektrik, RM12 juta telah dibina dan apabila siap pembinaan, tidak keluar elektrik pasal air itu lebih cetek daripada air dalam basin, dalam kolah kecil pun, tidak sampai setengah kaki aliran air tetapi mini hidro elektrik RM12 juta telah dibina dan Menteri meletakkan batu asas, pegawai-pegawai melakukan *progress payment*, pembayaran mengikut....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya habiskan dahulu. Dia baru mari, dia tidak berapa tahu lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Sekejap.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Bagilah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya akan ulas hujah-hujah Yang Berhormat bila saya ada kesempatan bercakap minggu hadapan, namun demikian saya tidak nampak hubungan isu yang dikatakan lebih awal dengan isu elektrik sebab adakah Yang Berhormat sudah pergi melihat sendiri di kawasan mini hidro itu. Ya, memang biasalah kalau kita wujudkan satu kawasan hidro yang baru memang tidak ada air. Buat takungan, hujan, ditakung barulah ada air.

Ini sebenarnya saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat menggunakan fakta itu berasaskan lawatan dan fakta tertentu atau kadang-kadang fakta ini ada kesahihannya mungkin kita boleh menjadikan isu juga?

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasihlah, Dato' dari Rompin. Saya pun ada satu pertanyaan. Berapakah kos bawa balik kuda untuk Perdana Menteri dari Argentina? Dan kononnya TNB yang membiayai perbelanjaan membayar membawa balik kuda ini. Itu pertanyaan, bukan dakwaan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan ataupun hendak jawab? Hendak jawab, tidak payahlah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...ada bawa balik kuda. Yang kedua, belum dibeli dan tidak dibawa. Dan kalau Yang Berhormat sudi ikut saya bersama pada hujung minggu sebab sunat juga orang kata naik kuda ini, bolehlah bersama di Afghanistan nanti seperti yang disebutkan tadi. Yang Berhormat mungkin, sebab di Afghanistan tidak ada kenderaan lain, kena naik kuda. Jadi, lawatan Yang Berhormat ke Afghanistan nanti, bolehlah naik kuda.

Saya ingat, tumpulah kepada isu yang di hadapan *[Ketawa]* kerana jauh benar Yang Berhormat ini pergi dari Kota Bharu, Kuala Lumpur, Argentina, Afghanistan, sebab Yang Berhormat ini orangnya agak intelektual juga, tetapi kadang-kadang lagi banyak makin kurang intelegnya. Itu risau saya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih. Nampaknya dakwaan saya adalah benar. TNB akan membelanjakan wang, kuda telah ditempah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada banyak lagi kah?

Tuan Husam bin Haji Musa: ...untuk dibawa balik dari Argentina.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada banyak lagi kah?

Tuan Husam bin Haji Musa: Itu baru satu. Itu belum masuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Husam bin Haji Musa: ...beli...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada banyak lagi?

Tuan Husam bin Haji Musa: Banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha?

Tuan Husam bin Haji Musa: Banyak lagi. Kuda kah banyak atau apa kah banyak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan, ucapan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Oh ucapan. *[Ketawa]* Saya ingat kuda banyak, ucapan pun banyak. Itu belum masuk arang batu. Saya tidak hendak ulas ini sekarang. Saya fokus tadi, ini telah berasaskan kepada laporan oleh Menteri yang telah melawat. *Ordinary layman* pun kata Menteri, kalau tengok sungai ini, tidak mungkin boleh buat hidro elektrik. Tetapi macam mana pegawai boleh bayar,

bagaimana *progress payment* boleh berjalan, bagaimana konsultan itu membenarkan? Dan sampai sekarang kedua-dua mini hidro elektrik ini tidak boleh jalan. Bukan masalah hendak takung air sahaja, tidak ada air. Hendak takung air macam mana? Air tidak ada.

Jadi, ini hanya satu contoh kecil. Yang saya hendak kata ialah sepanjang 20 tahun, tidak ada ketegasan politik memerangi perkara seperti ini. Apa yang dilakukan oleh MAS, oleh Tajuddin Ramli - minta maaf - ini adalah contoh yang paling nyata membuka tembelang kerajaan. Apabila Tajuddin menerajui MAS, bukan tidak ada wakil daripada Kementerian Pengangkutan, wakil daripada Jabatan Perdana Menteri yang *monitoring* bahagian penswastaaan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kenapakah ini berlaku? Kerana *paradigm* pada masa itu ialah sebarang perbuatan oleh kroni atas arahan pemimpin politik adalah dilindungi. [*Tepuk*] Itu sebab berlaku. Itu sebab berlaku dan akan berlaku. Mungkin dalam Tenaga Nasional pun kita kena hati-hati. Sekarang tidak ada apa lagi sebab dia boleh baiki dia punya laporan audit. Nanti dia sudah tidak baik dengan Perdana Menteri, Perdana Menteri tukar lain, kita akan buka balik.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Jadi, minta maaf. Saya teruskan dahulu. Selepas ini saya bagi.

Dia bagi *wave* pengecualian, Perwaja bayar bil elektrik sampai RM300 juta. RM300 kah RM600? [*Disampuk*] RM600 ya? RM600 juta. Dia setuju dengan saya, RM600 juta. Oh, RM300 juta. [*Ketawa*].

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tentang hutang itu saya akan maklumkan. Kita baru terima satu cek pembayaran tentang hutang bekalan elektrik Perwaja, mereka bayar. Dan begitu juga kita bukan pilih bulu dalam isu-isu bayaran elektrik itu. Tidak apalah saya sebut Yang Berhormat sedia mengetahuinya, tetapi saya hendak bertanya sedikit kepada Yang Berhormat ialah bahawa kita boleh menilai sesuatu organisasi kerajaan atau parti. Adakah baik kita nilai organisasi kita sendiri juga. Rakyat boleh menilai kalau kita buat sedikit bandingan. Kita kaji Yang Berhormat menghujahkan *track record* Kerajaan Persekutuan 20 tahun. Kalau kita sebagai seorang ahli *intellectual* mengapa tidak kita minta Yang Berhormat banding

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi *floor* kepada saya. Bagi saya habis dulu. Bandingkan juga *track record* kerajaan di Kelantan itu sendiri sebab Yang Berhormat sebagai Setiausaha Politik, kita banding dua itu. Rakyat Malaysia semuanya *intellectual*, semua sudah pergi sekolah, semuanya boleh melihat sama ada sesuatu hitam atau putih. Macam mana kalau tidak kita tengok sedikit juga di Kelantan. Mungkin ada juga yang baik, ada juga yang tidak baik mengapa tidak Yang Berhormat sendiri beri sedikit perbandingan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, okey, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah berucap berapa minit?

Tuan Husam bin Haji Musa: Baru tujuh minit saya ingat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih, lebih. Hanya beberapa minit sahaja lagi untuk Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Berapa minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tujuh minit.

Tuan Husam bin Haji Musa: Habis tujuh minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata tidak banyak 20 minit boleh habiskan ucapan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, 13 minit lagilah. Terima kasih. [Disampuk] Untuk saya seorang dihadkan masa 20 minit. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hanya minta Yang Berhormat cuba ringkaskan sebab ramai hendak berucap.

Tuan Husam bin Haji Musa: Untuk saya 45 minit. Yang lain-lain 20 minit. Saya berbalik kepada satu aspek lain. Aspek beragama dalam negara kita. Saya hanya minta penjelasan di sini berkenaan dengan satu projek hospital di Putrajaya yang telah diserahkan kepada satu kumpulan anti hadis. Jika benar dakwaan saya ini, ini satu lagi bukti yang jelas bahawa usaha menimbulkan kekeliruan berpandangan agama di kalangan masyarakat Islam terutama sekali adalah satu perkara yang mempunyai agenda yang tersendiri yang diatur secara yang rapi. Jika tidak bagaimanakah kenyataan-kenyataan yang boleh menimbulkan keresahan agama di kalangan masyarakat Islam terutama sekali dapat dibiarkan. Saya berharap untuk mendapat penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri bagaimana sebuah projek di Putrajaya dapat diberikan kepada kumpulan-kumpulan yang tertentu yang berkaitan dengan gerakan anti hadis dan adakah ini menunjukkan bahawa sebenarnya tulisan-tulisan oleh penulis-penulis yang menghina Islam itu sebenarnya telah ditaja oleh satu pihak yang mempunyai agenda yang tersendiri.

Saya pergi ke satu tajuk yang secara ringkas kerana masa yang suntuk berkenaan dengan Petronas. Saya semalam telah mendapat nota ataupun jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri bahawa Petronas mempunyai hutang sejumlah RM47 bilion. Susunan hutang ini saya belum dapat jawapan adakah ia melibatkan perbelanjaan modal bagi kegiatan induk Petronas ataupun sebahagian daripada hutang ini ialah untuk membiayai projek-projek yang bukan menjadi induk kepada perniagaan Petronas termasuk Putrajaya. Kita telah melihat Petronas telah dipaksa membeli meningkatkan sahamnya dalam Putrajaya daripada 40% kepada lebih daripada 60% dan dengan sendirinya lebih banyak *exposure* akan dialami oleh Petronas. Saya telah menghuraikan sebelum ini bahawa *arrangement* ini pada akhirnya akan merugikan negara dan saya tidak ingin ulaskan perkara ini pada hari ini dengan panjang lebar.

Tetapi apa yang saya hendak simpulkan ialah daripada semua *exercise* ini daripada yang terkecil sampai yang paling besar, daripada yang berkenaan dengan PPRT yang melibatkan orang kampung biasa kepada multinasional yang gergasi. Kita mempunyai fenomena yang sama, gejala yang sama, penyakit yang sama dan ini mestilah dikaitkan dengan kegagalan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jika seluruh aspek kehidupan masyarakat telah memperlihatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menemui kegagalan dalam aspek keselamatan negara, dalam aspek *space of freedom*, dalam aspek penswastaaan, dalam aspek pengurusan dan politik negara, partinya sendiri telah beberapa kali berpecah, masyarakat sendiri telah dikatakan berpecah sampai ke peringkat ini adalah sebahagian daripada bukti kegagalan kepimpinan beliau.

Apa yang saya hendak sebutkan, jika di Indonesia apabila Suharto mula-mula dijatuhkan selepas 32 tahun pemerintahan kuku besi, wujud sedikit ketidakstabilan kerana suasana dan senarionya adalah berbeza dari apa yang ada di Malaysia kerana latar belakang autokrasinya begitu kukuh dan tidak ada kebebasan demokrasi sama sekali bagi parti-parti politik, wujud sedikit ketidakstabilan. Tetapi selepas satu proses kita boleh lihat sekarang Indonesia mempunyai stabiliti yang relatif lebih baik dan juga mempunyai ruang kebebasan yang jauh lebih baik. Jadi, 32 tahun masa autokrasi, masa pemerintahan kuku besi telah melahirkan sebuah masyarakat, sebuah negara yang terang seperti yang ada pada hari ini. Di Indonesia dari segi ekonominya, dari segi rasuahnya, dari segi cara hidupnya, dari segi jerebunya, dari segi banjir yang tidak terurusnya, dari segi seluruh aspek yang menunjukkan kegagalan sebuah kepimpinan 32 tahun di bawah pemerintahan autokrasi.

Nasib yang sama dialami oleh Spain di bawah Francisco Franco pada satu masa. Sehingga dalam sejarah Spain di bawah Franco tiap-tiap surat khabar mesti melantik satu orang khusus untuk menyemak berita dalam surat khabar kerajaan sendiri yang dipanggil *torturous* iaitu tiap-tiap satu surat khabar mesti ada *torturous* yang mesti dilantik khusus oleh kerajaan dan surat khabar kerajaan sendiri mesti disemak, diedit oleh *torturous* ini bagi mengeluarkan berita mereka. Demikian ketat

kawalan yang dibuat oleh Franco, tetapi apabila Franco jatuh - ini fakta dalam ekonomi. Ekonomi Sepanyol berkembang yang paling pantas di Eropah selepas kejatuhan Franco sehingga hari ini Sepanyol telah berkembang menjadi sebuah negara moden selepas kejatuhan seorang diktator yang telah menyekat *space of freedom* rakyat.

Pada hari ini adakah negara kita menuju ke arah ruang kebebasan yang lebih baik atau semakin luntur, semakin tertekan. Adakah kelunturan ruang kebebasan ini akan membawa negara kita lebih aman lebih sejahtera. Adakah ruang kebebasan yang terhimpit ini akan membawa kita ke arah apa yang telah dialami di Indonesia, apa yang dialami oleh Spain di bawah Franco yang telah melihat dua perbezaan perkembangan ekonomi di bawah dua gaya pentadbiran keras dan ketat dengan liberal demokrasi yang sesungguhnya selepas daripada Franco. Jika dapat kita nilaikan perkara ini, semua ini hanya boleh dirumuskan dalam satu perkara iaitu semua perkara ini berkait dengan kepimpinan satu orang individu. Satu orang individu inilah yang telah menentukan corak negara kita yang kita ada pada hari ini. Masalah kepimpinan beliaulah yang telah menyeret kita semua kepada kedudukan seperti pada hari ini. Jadi, jika ulama hendak dijadikan *scapegoat* (kambing hitam) adalah tidak adil.

Sebagai penutup saya membaca semula apa yang telah dibacakan sebagai doa oleh Mufti Sahibul Samahah Datuk Hashim Yahya pada pagi itu. Beliau telah memetik satu ayat Al-Quran [*Membaca sepotong ayat suci Al-Quran*]. Maksudnya dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan lagi menjadi saksi yang menerangkan kebenaran semata-mata kerana Allah sekalipun kebenaran itu mengenai dirimu sendiri ataupun kedua ibu bapa yang kamu cintai ataupun kaum kerabat kamu yang kamu kasihi. Kalaulah orang-orang yang didakwa itu kaya ataupun miskin maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa kerana Allahlah yang lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu janganlah kamu menurut hawa nafsu untuk melakukan tindakan undang-undang yang menyeleweng daripada keadilan dan jika kamu memutarbelitkan keterangan ataupun enggan daripada menjadi saksi di atas kebenaran maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam tiap-tiap apa yang kamu lakukan.*"

Saya rasa ini adalah *strong message* daripada Mufti kita untuk kepimpinan negara kita terutama sekali kepimpinan kehakiman dan undang-undang kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sandakan.

4.37 ptg.

Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam Perbahasan Titah Diraja pada Persidangan Parlimen Penggal Keempat, Parlimen Yang Kesepuluh, tahun 2002 di petang yang mulia ini.

Izinkan saya membawa perhatian kita semua terhadap krisis ekonomi dunia yang telah mengalami kejatuhan nilai mata wang yang sangat teruk sekali ketika Amerika Syarikat menghadapi serangan daripada pengganas. Ekoran daripada insiden tersebut, negara Jepun dan juga negara-negara yang lain turut sama menghadapi ekonomi yang tidak stabil. Walau bagaimanapun, kini masalah tersebut telah pun beransur pulih. Seperti di Sabah, ekonominya juga turut terjejas. Walau bagaimanapun, perkara ini bukanlah suatu masalah baru yang dihadapi. Pemulihan ekonomi Sabah juga adalah sangat lembap.

Seperti mana yang diketahui, lokasi Sabah adalah kurang strategik kerana ianya adalah di luar jalan perkapalan antarabangsa yang menghubungkan pelabuhan-pelabuhan utama. Oleh yang demikian, pengimportan dan pengeksportan barangan terpaksa dikenakan kos pengangkutan yang tinggi. Dengan penduduk yang mencecah 2 juta orang, Sabah mempunyai pasaran tempatan terhad yang tidak dapat menyokong pembinaan dasar perindustrian untuk pengeksportan pada masa depan. Maka, Sabah terpaksa bergantung terhadap barang import dan perkhidmatan yang mana ianya dikenakan kos yang tinggi.

Kini Sabah tidak boleh bergantung sepenuhnya lagi kepada industri kayu balak. Ini adalah kerana pengurangan drastik dalam eksport balak. Industri kelapa sawit banyak menyumbang kepada pembangunan Sabah, namun hasil eksportnya tidak banyak yang mendatangkan manfaat, keuntungan dan kesan berganda kepada pemilik-pemilik sektor perladangan kelapa sawit di Sabah. Keuntungan daripada eksport tersebut banyak disalurkan kepada pemilik-pemilik estet dan kilang-kilang di Semenanjung Malaysia.

Tanaman berasaskan tanah dan agro haruslah diberi pemfokusan. Tanaman lain seperti padi, nanas dan buah-buah lain juga boleh mendatangkan pulangan yang baik. Dengan adanya perancangan yang strategik dan usaha yang bersungguh-sungguh serta mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pertanian, para pengusaha sudah pasti dapat memperkembangkan dan mempelbagaikan usaha mereka.

Pelancongan khasnya alam semula jadi dan pelancongan eko, merupakan satu industri yang menarik di Sabah dan mempunyai potensi yang tinggi untuk pengaliran wang masuk ke Sabah dan secara tidak langsung aktiviti ini dapat menarik perhatian pelabur-pelabur asing untuk melabur. Terdapat banyak tempat tarikan pelancongan yang menarik seperti Gunung Kinabalu yang merupakan satu *heritage* dunia, *Proboscis monkey* di Sukau, orang hutan di Sepilok, Pulau Selingan tempat penyu bertelur dan banyak lagi tempat-tempat yang menarik. Malangnya tidak banyak bantuan yang dihulurkan kepada sektor-sektor swasta dalam usaha mereka mempromosikan dan memajukan kawasan potensi pelancongan.

Dari segi bantuan kewangan pula, pinjaman sukar diperolehi daripada bank-bank dan agensi-agensi pinjaman yang lain kerana kekurangan sekuriti cagaran. Pembangunan infrastruktur akan memakan masa yang panjang sehingga sektor-sektor swasta sering menghadapi masalah kehabisan sumber kewangan dalam proses pembangunan dan akhirnya kerja-kerja pembangunan tidak dapat diteruskan. Sokongan dan bantuan daripada kerajaan amatlah diperlukan oleh pengusaha-pengusaha bagi membantu mereka meningkatkan dan mempromosikan industri pelancongan Sabah. Kerajaan haruslah meneliti masalah ini dengan lebih serius lagi. Jika tidak, masa dan sumber-sumber yang ada akan menjadi sia-sia sahaja.

Projek-projek pembangunan infrastruktur di kawasan berpotensi pelancongan amatlah diperlukan dan akan membantu para pengusaha mempromosikan industri pelancongan Sabah. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan Pusat akan memberi perhatian yang serius terhadap pembangunan pelancongan di Sabah dan seterusnya dapat menyediakan peruntukan yang besar untuk menjalankan projek-projek pembangunan industri pelancongan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh di sini ialah berkenaan dengan Sistem Penerbangan MAS. Buat masa ini Sandakan masih belum mempunyai penerbangan secara terus, *direct flight* ke Kuala Lumpur ataupun daripada Kuala Lumpur ke Sandakan. Setiap penerbangan akan *transit* di Kota Kinabalu ataupun Labuan sebelum sampai ke destinasi yang dituju. Pada pendapat saya, penerbangan seperti ini mengambil masa yang panjang dan membazirkan kos tiket dan penginapan bagi setiap penumpang. Para penumpang akan menjadi bosan untuk menyertai penerbangan yang mempunyai *transit* kerana terpaksa menunggu masa yang panjang sebelum sampai ke destinasi mereka.

Oleh yang demikian, saya sebagai wakil kepada penduduk di Sandakan khasnya mencadangkan agar Kementerian Pengangkutan dapat mempertimbangkan cadangan untuk menambah penerbangan secara terus, *direct flight* setiap hari bagi penerbangan Sandakan–Kuala Lumpur–Sandakan seperti jadual penerbangan bagi daerah Sibu, Sarawak.

Saya percaya jika kementerian meluluskan penerbangan secara terus, *direct flight* ini, banyak kebaikan akan diperolehi oleh pelancong-pelancong, para usahawan dan ahli politik dari segi penjimatan masa, kos tambang dan penginapan. Selain dari itu, negara kita juga akan memperoleh kebaikannya dari segi pendapatan negara kerana ianya akan dapat membantu mempromosikan pelancongan di Sandakan khasnya kepada pelancong-pelancong dari luar negeri mahupun pelancong domestik.

Akhir sekali saya dan seluruh rakyat di Sandakan amat mengalu-alukan agar cadangan kami ini mendapat pertimbangan dan seterusnya kelulusan daripada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Kementerian Kerja Raya kerana telah meluluskan sebuah projek besar di Sandakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Projek-projek yang telah diluluskan ialah pembinaan jalan raya *Northern Ring Road* dan skim perluasan geran air Fasa Dua di Sandakan.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja untuk *Structural Road Design Plan*, dengan izin masih belum dapat dilaksanakan kerana peruntukan tersebut masih belum diterima. Oleh yang demikian, saya meminta agar kerajaan dapat menyalurkan peruntukan tersebut secepat mungkin bagi mempercepatkan pembinaan jalan raya tersebut yang mana amat diperlukan oleh seluruh penduduk di Sandakan khususnya dan di Sabah amnya.

Terima kasih saya juga kepada Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed kerana telah memberikan peruntukan untuk Sabah sebanyak RM110 juta yang lebih di bawah pakej *pre-emptive* 2001. Selain itu terdapat satu lagi peruntukan besar daripada Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri Sabah yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan iaitu sebanyak RM8 bilion untuk pembangunan negeri Sabah. Dengan adanya peruntukan tersebut banyak projek pembangunan seperti pembinaan jalan raya, hospital, kolej pendidikan, sekolah-sekolah dan projek-projek naik taraf dan membaik pulih di kampung-kampung seperti jalan raya, jambatan, paip, parit, taman permainan dan banyak lagi dapat dilaksanakan.

Saya amat mengalu-alukan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat dan ini merupakan satu petanda dan berita baik kepada seluruh rakyat Sabah bahawa Kerajaan Pusat mempunyai matlamat untuk memajukan pembangunan Sabah. Saya berharap peruntukan ini dapat disalurkan kepada Sabah secepat mungkin untuk menjalankan projek-projek pembangunan. Tetapi perlu diambil perhatian oleh kerajaan untuk memastikan dan membuat penelitian yang lebih tepat terhadap kelulusan pelaksanaan projek kepada kontraktor-kontraktor prasarana sebaiknya.

Saya berharap seorang kontraktor terpilih untuk menjalankan projek-projek pembangunan ini harus mempunyai pengalaman, mempunyai rekod kerja yang baik dan kewangan yang kukuh. Saya minta keutamaan diberikan kepada kontraktor Sabahan bagi menjalankan projek-projek pembangunan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah keselamatan di Sabah, syabas tentangnya saya ucapkan di atas tindakan drastik yang telah diambil oleh kerajaan dengan menjalankan operasi secara besar-besaran Ops Nyah II Bersepadu yang bertujuan untuk mencapai sifar PTI di Sabah. Saya amat menyokong tindakan kerajaan untuk menghantar balik PTI ini ke negara asal mereka. Seluruh penduduk tempatan amat mengalu-alukan dan memberi sokongan penuh terhadap tindakan kerajaan membanteras PTI yang telah lama bertapak di Sabah.

Saya percaya tidak lama lagi masalah PTI di Sabah akan dapat diatasi dengan adanya operasi yang berterusan ini, malah masalah sosial dan jenayah di Sabah juga akan dapat dikurangkan. Syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah di bawah pucuk pimpinan Ketua Menteri Sabah Yang Amat Berhormat Datuk Chong Kah Kiat di atas peningkatan dan hasrat beliau yang penuh, benar dengan keazaman dengan menghapuskan PTI di Sabah. Saya bersetuju terhadap tindakan beliau hendak mengekalkan sekatan jalan di kawasan di seluruh negeri Sabah. Saya selaku Ahli Parlimen di Sandakan amat mengalu-alukan Operasi Ops Nyah II Bersepadu ini dilancarkan secara berterusan sehingga *security forces* di Sabah terjamin.

Syabas dan tahniah saya juga kepada Ketua Polis Sabah dan anggota-anggota keselamatan yang lain di atas kesungguhan dan komitmen kuat yang diberikan selama ini dalam membanteras PTI di Sabah. Dalam usaha kerajaan membanteras PTI di Sabah, sokongan dan kerjasama daripada orang awam, ahli politik, NGO dan pihak-pihak yang lain amatlah diperlukan kerana kita tidak boleh meletakkan sepenuhnya tanggungjawab mengenai masalah PTI ini kepada pihak berkuasa semata-mata. Kerjasama rakyat dan pihak polis akan melicinkan lagi usaha dan matlamat kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah mengenai pembangunan sumber manusia

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi kata sebut pada akhirnya, panjang selepas pada akhirnya.

Datuk Lau Ngan Siew: Okay

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Datuk Lau Ngan Siew: Ah, tak, tak, tak, tak. Sedikit lagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila teruskan.

Datuk Lau Ngan Siew: Okay, okay. Di sini ialah berkenaan pembangunan sumber manusia di Sabah. Seperti mana yang telah saya difahamkan bahawa sebuah kolej latihan akan dibina di Sandakan, di seluruh daerah di Sabah oleh Kementerian Sumber Manusia. Ini adalah satu lagi berita baik kepada seluruh rakyat Sabah dan saya amat mengalu-alukan penubuhan kolej tersebut. Saya yakin penubuhan kolej ini akan memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk mempelajari kemahiran dan teknik-teknik pengurusan yang lebih moden dengan perusahaan sektor-sektor industri tempatan dan pembinaan sesuai dengan dasar kerajaan untuk mengurangkan pekerja-pekerja asing di Sabah.

Oleh itu, kekosongan haruslah diisi oleh pekerja-pekerja tempatan walaupun pekerja-pekerja asing mempunyai pengalaman dan kemahiran bekerja di ladang-ladang dan estet namun pekerja tempatan ini diberikan peluang untuk memperolehi kemahiran kepada kolej latihan yang disediakan kerajaan. Dengan adanya kolej latihan yang akan dibina ini para pelajar juga dapatlah menjamin kos tambah dan tenaga. Oleh yang demikian, saya berharap pembinaan kolej latihan tersebut dapat dimulakan secepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Sabah masih belum mencapai tahap pembangunan yang diimpikan namun keadaan politik, ekonomi, sosial masih berada dalam keadaan stabil dan terkawal. Saya percaya dan yakin untuk membantu sebuah negara yang kukuh dan membangun hanya bermula dengan sikap bersama hati dan kerjasama di kalangan rakyatnya. Dari itu marilah kita sama-sama bersatu hati dan berganding bahu antara satu sama lain tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Bersama-sama menuju ke hadapan membangunkan negara kita di mata dunia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: SibU, sila.

4.55 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengucapkan penghormatan dan penghargaan saya di atas titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 11 Mac 2002 di Dewan yang mulia ini. Izinkan saya menyentuh perkara-perkara yang penting untuk Negeri Sarawak dan Sibu, kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dua pakej rangsangan fiskal bernilai RM 7.3 bilion sesungguhnya menggambarkan tindakan segera Barisan Nasional untuk merangsang pertumbuhan kerana senario ekonomi antarabangsa yang lemah. Kerajaan harus mencipta lebih banyak pakej insentif ekonomi bagi menggalak penyertaan sektor swasta. Penggabungan bank-bank di Malaysia telah membuat IKS sukar untuk memperolehi pinjaman bank, kerana pejabat bank tempatan terpaksa memperolehi kelulusan daripada ibu pejabat di Kuala Lumpur dan yang mana tidak mempunyai pengalaman penuh dan mendapat pinjaman IKS tempatan yang mana telah dilayan dengan sebaiknya oleh bank tempatan yang terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, tentang sektor pertanian, Malaysia masih lagi mengimport bahan makanan berjumlah berbilion-bilion ringgit Malaysia setahun, sementara kerajaan membelanjakan banyak subsidi kepada pengeluaran makanan tempatan yang tidak cekap. Selepas AFTA Pengeluar Makanan Malaysia tidak akan dapat bersaing dengan negara-negara jiran seperti Thailand, Vietnam dan Negara China. Maka kerajaan harus mereka skim yang bijak dan cekap untuk menggalak pertanian, pengeluaran makanan secara besar-besaran dan Sarawak adalah tempat yang paling sesuai untuk melaksanakan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, pencerobohan haram industri perikanan laut dalam Sarawak oleh bot nelayan asing di bawah *system chartering*, dengan izin, yang kurang sempurna di bawah lesen perikanan tempatan atau menangkap ikan di laut dalam

Sarawak tanpa menggunakan lesen langsung harus diberhentikan dengan segera. Satu pakej ekonomi direka untuk membangun nelayan tempatan untuk menangkap ikan laut dalam perlu dilaksanakan secepat mungkin.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang kesulitan sekolah-sekolah bantuan kerajaan. Sekolah-sekolah bantuan kerajaan, serta sekolah-sekolah yang dibina oleh mubaligh-mubaligh yang *missionary* dengan ini telah memainkan peranan yang penting dalam pendidikan negara yang cemerlang. Kebanyakan daripada sekolah tersebut adalah sekolah *Catholic* yang juga banyak menerima pelajar-pelajar bumiputera. Pada masa yang lepas sekolah-sekolah yang dibina oleh *missionaries* - dengan izin - ini adalah untuk menempatkan anggota pelajar *parish* tetapi kini menempatkan pelajar-pelajar adalah diurus sepenuhnya oleh Jabatan Pendidikan. Jabatan Pendidikan keberatan memberi modal kepada sekolah-sekolah tersebut di bawah peraturan di mana tanah sekolah bukan milik kerajaan.

Dato' yang di-Pertua, Lembaga Pengurusan sekolah-sekolah ini telah memikul beban untuk mendapatkan derma daripada sektor swasta, kebanyakannya dari masyarakat China, untuk membangunkan sekolah-sekolah tersebut dan mereka mendapati amat sukar untuk mengumpul wang yang mencukupi bagi pembangunan sekolah untuk mengekalkan peruntukan kemudahan-kemudahan sekolah yang mencukupi demi pendidikan yang cemerlang.

Masanya telah tiba bagi kerajaan untuk membuat semakan semula peraturan pemilikan tanah sekolah yang ketinggalan zaman ini di mana pada pandangan saya sudah tidak sesuai lagi, kerana Lembaga Pengurusan Sekolah tidak pernah meminta balik tanah sekolah untuk tujuan lain. Jika ada pun kes pencilan ianya sangat kecil dan tidak berkaitan.

Maka saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk menimbang memberi geran modal berdasarkan ringgit ke ringgit kepada semua sekolah-sekolah bantuan kerajaan jika tidak sepenuhnya dan membenarkan Lembaga pengurusan sekolah untuk mengurus tabungan tersebut kerana mereka akan menggunakan setiap sen tabungan untuk manfaat pembangunan sekolah. Sementara itu ibu bapa pelajar harus digalakkan untuk menderma kepada tabung pembangunan sekolah bantuan kerajaan kerana kemudahan-kemudahan ini akan memberi manfaat kepada anak-anak mereka. Lembaga Pengurusan sekolah haruslah dibenarkan untuk mengutip sumbangan bulanan daripada ibu bapa-ibu bapa pelajar bagi tabung pembangunan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 60 sekolah-sekolah Menengah Bebas Cina haruslah diberi bantuan kewangan tahunan memandangkan peranan penting yang mereka mainkan di dalam pendidikan generasi muda kita. Pendidikan ialah kunci kejayaan pembangunan sumber manusia bagi K-Ekonomi. Saya percaya bahawa geran modal kepada sekolah-sekolah bantuan tersebut akan meningkatkan lagi kejayaan IPTS yang sudah ada di negara kita.

Tentang pelancongan, Dato' Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kita kerana secara aktif telah mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama antarabangsa di bawah slogan "*Malaysia Truly Asia*". Negeri Sarawak mempunyai potensi eko-pelancongan yang terhebat serta Sungai Rajang yang terpanjang iaitu 800km panjang yang tidak pernah diterokai lagi.

Di Sibu kesemua Ahli Parlimen Barisan Nasional serta ADUN Barisan Nasional telah mewujudkan satu pasukan pembangunan berwawasan Barisan Nasional untuk Sibu yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato Wong Soon Koh, Menteri Pembangunan dan Infrastruktur dan Perhubungan Negeri yang mana telah mengenal pasti industri pelancongan sebagai sebuah daripada tambahan tempat aktiviti ekonomi iaitu pendidikan, pelancongan, pengeluaran makanan sebagai tambahan kepada industri perkayuan dan pembinaan kapal demi untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi masa depan Sibu, bandar utama kawasan tengah Sarawak, dengan jumlahnya penduduk sebanyak 700,000 ribu orang. Pada masa sekarang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sibu, Shah Alam bangun.

Tuan Robert Lau Hoi Chew : ...bukan, ini penutupnya. Oh! Sorry, sorry ya.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat Sibu. Saya tertarik dengan Yang Berhormat Sibu sebut pasal pelancongan ini terutama Negeri Sarawak, ini sebagai destinasi pelancongan yang berasaskan *eco-tourism*. Tapi saya mahu Yang Berhormat ya, apa macam hendak *promote* kalau tambang daripada Kuala Lumpur pergi ke Medan, pergi ke Phuket ini lebih murah daripada Kuala Lumpur ke Kuching ini?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Inilah saya fikir, MAS perlu memainkan satu peranan yang lebih pentinglah. Memberikan *flight*, promosikan dengan harga yang murah, lebih banyak pelancong-pelancong pergi melawat Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang MAS hanya mempunyai satu penerbangan harian ke Sibu dari Kuala Lumpur dan penerbangan petang pada hari Ahad. Lapangan Terbang Sibu hanya dapat menampung Boeing 737....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sepatutnya sekali-kali jumpa sini, lihat sini.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Okey, okeylah. Kerana saya harus baca ini, okeylah saya baca beginilah [*Beralih membaca dengan mengarah kepada Tuan Yang di-Pertua*] [*Ketawa*]

Saya merayu kepada Kementerian Pengangkutan supaya menggalakkan MAS untuk menambah lebih banyak penerbangan terus harian dari Kuala Lumpur ke Sibu dan menghubungkan Sibu ke bandar-bandar lain seperti Pulau Pinang, Johor Bahru dan sebagainya di Semenanjung Malaysia. Projek pembesaran Lapangan Terbang Sibu haruslah dilaksanakan secepat mungkin, sekurang-kurangnya sama dengan Lapangan Terbang Miri dan Bintulu.

Keluaran majalah dalam pesawat MAS baru-baru ini, menggambarkan Sungai Rajang yang penuh dengan nyamuk yang mana merosakkan usaha kita untuk membangunkan sungai terpanjang di negara kita menjadi destinasi pelancongan pelayaran sungai utama. Penulis artikel ini tidak mempunyai perasaan terhadap sungai yang cantik ini....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:...[*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupar bangun.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ini semua *injury time*, okey.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sibu. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat ini, saya juga telah diberitahu dan penulis artikel ini yang dimasukkan ke dalam majalah, yang disimpan dalam kapal terbang MAS itu mengatakan Sungai Sibu itu banyak nyamuk. Jadi ini adalah kurang tepat, saya sudah belayar, berkayuh daripada hulu sungai sampai ke hulu sungai Sibu ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin agas ada, nyamuk sikit-sikit pun adalah. Kalau nyamuk tidak ada kita pun rugi juga kalau tidak ada nyamuk. Jadi ini adalah kurang tepat dan tidak baik bahkan menjadi satu kontroversi kecil, tapi biasanya orang Sarawak ini dia tidak boleh marah sangat dan tidak berapa marah sangat tapi kemarahan dalaman kita rasa.

Saya hampir lupa hendak sebut ini, terima kasihlah Yang Berhormat bagi Sibu kerana membangkitkan perkara ini dan bagaimana bersetujukah Yang Berhormat bagi Sibu kalau kita minta pihak penulis ini dan majalah ini meminta maaf kepada Kerajaan Malaysia, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Kerajaan Sarawak dan orang-orang Sarawak dan orang-orang Sibu terutamanya dan membuat penjelasan yang lebih jelas lagi untuk masalah ini? Terima kasih.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Batang Lupar, saya bersetuju dengan pendapat itu.

Tuan Yang di-Pertua, mana tadi ya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:.....Sudah sangkut ha?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ini, ini perkara ini. Tuan Yang di-Pertua ini tentang industri perkilangan haruslah diwujudkan di seluruh negara kita.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas kejayaan pembangunan di kebanyakan taman perindustrian di Semenanjung Malaysia, walau bagaimanapun di Sarawak terutama di Sibü, kerajaan harus mendirikan lebih banyak taman perindustrian, pengilangan terutama sekali bagi IKS untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada buruh-buruh termasuk graduan-graduan universiti yang balik ke Sibü. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini di Sibü tidak mempunyai taman perindustrian baru selepas dibuat di Jalan Ulu Lanang yang terlalu kecil dan tidak direka mengikut alam sekitar yang sempurna tetapi tahun yang lepas, kerajaan telah membina satu taman industri membina kapal di Rantau Panjang dekat dengan Sibü tetapi itu tidak cukup besar. Ini hanya untuk membina kapal sahaja, untuk IKS belum ada. Saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya memberi keprihatinan tentang hal ini kerana graduan-graduan balik ke Sibü, mereka *migrate* ke luar negeri kerana tidak dapat kerja di Sibü.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perbandaran Sibü dan Majlis Daerah Luar Bandar Sibü sangat aktif mempromosikan projek pengindahan bandar tetapi tidak dapat melaksanakan projek yang dicadangkan sepenuhnya disebabkan oleh kekurangan tabung. Maka saya merayu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menimbangkan untuk memberi kami lebih banyak tabungan bagi projek-projek yang berkelayakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang kesedaran sivik. Kesedaran sivik di kalangan rakyat generasi muda kita haruslah dibangunkan secara agak cepat agar mewujudkan satu budaya berdisiplin, berperangai baik, berbudi bahasa dan sayang kepada harta awam. Sibü juga mengalami sikap merosak harta awam di mana majlis tempatan membelanjakan sejumlah wang yang banyak untuk membaikinya. Dan akhir kata saya ingin menyentuh sedikit tentang agama.

Tuan Yang di-Pertua, tragedi 11 September di Amerika Syarikat adalah satu petanda bagi menunjukkan dunia termasuk Malaysia tentang bahaya sebenar pelampau agama dan tindakan ganas. Rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup harus bersyukur dengan Kerajaan Barisan Nasional dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil berat terhadap kejahatan tersebut dan berazam untuk menghapuskan mereka. Kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap Malaysia sebagai sebuah negara Islam tanpa menukar Perlembagaan adalah satu petanda yang kuat kepada PAS dan parti-parti pembangkang yang lain di mana mereka tidak boleh menggunakan isu negara Islam sebagai alat politik untuk mendapat sokongan rakyat Islam di Malaysia.

Pada masa yang sama juga parti-parti pembangkang lain tidak harus menggunakan kenyataan isu negara Islam oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menipu orang demi keuntungan modal politik. Inilah akhir kata saya..., Tuan Yang di-Pertua, ini sudah sampai ke penutup ya. Sudah cukup masa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana ada cukup masa. Masa belum cukup lagi.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Lagi panjang, berapa minit? 40 minit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terus kan Yang Berhormat

Tuan Robert Lau Hoi Chew : Okey, okey satu dua minit sahaja. Malaysia telah muncul sebagai contoh negara membangun dengan perpaduan kaum, kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan dinamik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi serta rakan-rakan sejawatan di kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Saya merayu kepada semua rakyat Malaysia untuk memberi sokongan yang bersepadu kita kepada Kerajaan Barisan Nasional dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi serta rakan-rakan sejawatnya di dalam usaha kita untuk mencapai wawasan 2020. Sekian Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kemaman.

5.15 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih atas peluang yang diberikan untuk berucap menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Semoga Allah merahmati dan memberkati pemerintahan Baginda dan memulihkan kembali imej negara yang sedang

tercemar angkara perbuatan dan tindakan tidak bertanggungjawab beberapa pemimpin yang sedang berkuasa sekarang. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, pada awal Ogos 2001, lima minggu sebelum peristiwa 11 September di New York dan Washington D.C, kerajaan mengumumkan penangkapan 25 rakyat Malaysia di bawah ISA. Mereka dituduh merancang cuba menjatuhkan kerajaan secara kekerasan dan keganasan tetapi caranya masih belum dipastikan lagi. Kebanyakan mereka terdiri daripada tenaga pengajar sekolah-sekolah agama dari negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu. Mereka terdiri daripada bekas pejuang Mujahidin di Afghanistan yang pernah menentang penaklukan Komunis Rusia dan memperolehi kepakaran dan keupayaan bertempur sebagai perajurit. Kerajaan juga mendakwa mereka sering berkunjung ke Afghanistan selepas Taliban mengambil alih kerajaan Afghanistan dan menyerap kefahaman dan pengajaran ala Taliban. Kerajaan mengemukakan kes mereka sebagai cubaan melaksanakan pemerintahan Islam ala Taliban di Malaysia. Tiada bukti dikemukakan untuk dinilai kebenaran pertuduhan yang dibuat. Sehingga hari ini, ia masih merupakan pertuduhan yang tidak diterima rakyat, melainkan segelintir pemimpin UMNO dan segelintir masyarakat bukan Islam.

Cara pemerintahan Taliban didakwa akan memaksa pengamalan dan pelaksanaan Islam secara ekstrem dan militan dan guru-guru agama yang ditahan ini dituduh mendukung kefahaman ini. Mereka dituduh akan melancarkan jihad untuk melaksanakan kefahaman ini di Malaysia. Kerajaan secara tersirat mengertikan kefahaman jihad dalam Islam sebagai kefahaman militan, ekstrem dan ganas, sedangkan jihad merupakan kewajipan setiap umat Islam untuk mempertahankan agamanya sekiranya diceroboh oleh musuh mereka. Islam cara Taliban digambarkan sebagai mengongkong kebebasan dan merampas hak demokrasi rakyat dan akan memaksa bukan Islam mengamalkan Islam secara kekerasan dan tidak demokratik serta menyamakan amalan ini sama seperti ajaran komunis.

Pada mulanya kumpulan ini dinamakan Kumpulan Mujahidin Malaysia tetapi dua minggu kemudian ditukar kepada Kumpulan Militan Malaysia untuk menyesuaikan keperluan agenda tersirat yang sedang dirancang oleh kerajaan Barisan Nasional untuk memusnahkan parti lawan mereka. Perspektif yang cuba digambarkan ke atas tahanan ini ialah mereka adalah kumpulan militan dan ekstremis Islam berupaya melakukan kekacauan dan keganasan kerana mendapat latihan dan pengalaman bertempur di Afghanistan. Mereka dikenal pasti sebagai kumpulan penganas dan menjadi pengancam kepada keselamatan negara. Ketua kumpulan ini pula ialah Nik Adli Nik Aziz, anak Menteri Besar Kelantan dan Mursyidul Am parti PAS. Jelas tujuan sebenar kumpulan ini ditahan ialah untuk mengaitkan Kumpulan Militan atau Mujahidin Malaysia yang kononnya menganjurkan kekerasan dan keganasan dengan parti PAS. Parti PAS cuba disamakan dengan kumpulan ini yang kononnya akan membentuk negara Islam secara kekerasan, keganasan dan tidak demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, perencanan pertuduhan terhadap mereka yang berkorban harta dan jiwa mereka untuk mempertahankan umat Islam Afghanistan dari dijajah oleh rejim Komunis Rusia amat tidak bertanggungjawab. Ia dirancang semata-mata untuk dijadikannya sebagai cereka, keganasan dan dikaitkan dengan parti PAS bagi menghancurkan Barisan Alternatif. Selama lima minggu berturut-turut, sebelum peristiwa 11 September, kerajaan membelasah dengan teruknya melalui semua saluran siar raya dan media mengaitkan PAS dan KeADILan dengan falsafah kekerasan dan keganasan selaras dengan konsep Islam yang ekstrem dan militan. Matlamatnya jelas untuk mengalihkan sokongan bukan Melayu dari KeADILan dan Barisan Alternatif dan orang Melayu daripada parti PAS. Ia merupakan kempen jahat dan berbahaya dengan meniupkan semangat perkauman dan agama untuk memecahbelahkan keharmonian hubungan kaum dan agama yang sedia ada bagi menimbulkan suasana tegang dan takut di kalangan bukan Melayu dan orang bukan Melayu. Orang bukan Melayu diberi amaran agar berwaspada tujuan sebenar perjuangan orang Melayu dan Islam dalam menegakkan ajaran agama mereka.

Kerajaan membuat pelbagai kenyataan bagi menimbulkan perasaan takut dan tidak selamat di kalangan rakyat. Kenyataan-kenyataan ini banyak yang mengelirukan, membuktikan ketiadaan perspektif yang jelas agar permasalahan sebenar yang cuba ditonjolkan sekiranya ada. Apa yang jelas ialah kerajaan berkempen memburuk-burukkan parti pembangkang, seolah-olah kerajaan begitu takut kepada mereka. Amat menghairankan, kerajaan yang kononnya kuat setelah mendapat mandat dua tahun lalu

bertindak melulu ke atas parti-parti pembangkang yang kewujudan mereka merupakan asas pengamalan sistem demokrasi berparlimen.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tiga Ahli Yang Berhormat bangun. Mana satu, mana satu?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tumpat dahulu.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Kemaman dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kemaman sebutkan tadi tentang bagaimana tanpa apa-apa bukti kerajaan telah melonggokkan dan menyebut bahawa Kumpulan Mujahidin kemudiannya Kumpulan Militan adalah suatu kumpulan yang mesti diharamkan dan kemudiannya ini adalah alasan untuk sebenarnya mengikut pandangan Yang Berhormat untuk menekan parti-parti pembangkang khususnya parti PAS. Ini amat menarik kerana semalam Yang Berhormat Parit Sulong telah menyebutkan bahawa Amerika telah sengaja mewujudkan kononnya yang jahat ini adalah Osama bin Laden, Taliban Afghanistan dengan tujuan untuk menyerang Afghanistan dengan tujuan untuk mengambil minyak yang ada di Asia Tengah untuk dibawa melalui Afghanistan. Adakah juga Yang Berhormat bagi Kemaman dan Parit Sulong, adakah juga ini sama juga di Malaysia iaitu kerajaan mewujudkan KMM, tangkap orang ini, mahu tuduh PAS, ada agendanya iaitu minyak Terengganu yang ingin diambil balik.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Apa yang cuba saya bangkitkan ialah bahawa Kumpulan Mujahidin ini ialah satu kumpulan yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk *divert attention* keganasan yang sebenarnya berlaku dalam negara.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Boleh, sekejap ya, saya sambung, sekejap lagi, nanti saya bagi. Tuan Yang di-Pertua, pada 28 Ogos 2001, kerajaan menyatakan keselamatan serantau akan menjadi tajuk utama perbincangan di antara Malaysia dan Indonesia di dalam pertemuan pemimpin kedua negara untuk pertama kalinya kerajaan mengakui ada hubungan antara Kumpulan Militan Islam di Malaysia dan Indonesia walaupun tidak diberi penekanan sebelum ini.

Hala tuju tema propaganda kerajaan makin jelas. Isu mendesak kedua buah negara ialah ancaman militan dan ekstremis Islam. Kerajaan ...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Arau bangun.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sekejap, sekejap ya. Nanti habis ini, sekejap pasal ini baru mukadimah [Disampuk] Kerajaan perlu menangani kumpulan jahat Islam yang kononnya akan menggunakan kekerasan dan keganasan untuk mengguling kerajaan yang sah di kedua buah negara seperti mana yang dilakukan oleh Taliban di Afghanistan. Gaya dan cara kerajaan menyampaikan keadaan dan suasana secara meluas dan menyeluruh melalui seluruh siaraya dan media perdana bertujuan membentuk dan membina minda rakyat agar bersedia menerima bakal peristiwa yang dijangkakan berlaku mempunyai tema Islam yang militan, ekstrem, keras, ganas dan ada kaitan dengan Taliban dan Afghanistan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Arau, sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: 'Kemamang', 'Kemamang'.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: 'Kemamang'. [Ketawa]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: 'Kemamang'.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Menyampuk]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Menyampuk]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tadi saya dengar Yang Berhormat dalam ucapan Yang Berhormat, semua membuat tuduhan kepada kerajaan membesar-besarkan isu KMM, membesar-besarkan isu militan Malaysia. Tetapi selalunya Yang Berhormat, kalau berucap di sini, Yang Berhormat cukup menghargai apa yang ditulis oleh Barat, apa yang dinyatakan oleh Barat. Kadang-kadang saya pun fikir, Yang Berhormat ini ada di Baratkah, ada di sini? Tetapi hari ini Yang Berhormat menafikan bahawa ini adalah dimomokkan oleh kerajaan. Bila kita lihat majalah-majalah, media-media asing, mereka hingga menganggap Malaysia ini sebagai tempat *terrorist*. Cuba Yang Berhormat bagi penjelasan sebab mungkin Yang Berhormat ada maklumat lebih baik lagi. Terima kasih.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sebenarnya, saya akan *quote* juga akhbar-akhbar Barat menyatakan bahawa kumpulan Mujahidin Malaysia ini bukan ada kaitan langsung dengan keganasan yang cuba mereka perkatakan. Keganasan sebenarnya ialah Jemaah Islam yang cuba diselindungi oleh kerajaan yang akan saya nyatakan sebentar lagi.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua orang Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sekejap sahaja. Just lima minit ya. Dua hari berlalu, pada pagi 11 September 2001, Bangunan Berkembar Perdagangan Dunia di New York diranapkan dan sebahagian daripada Bangunan Pentagon di Washington dimusnahkan. Ia berlaku pada waktu perdana dan mendapat liputan secara langsung ke seluruh dunia. Tiba-tiba Islam yang militan, ekstrem, keras, ganas dan ada kaitan dengan Taliban dan Afghanistan menjadi tema agenda politik dunia semasa, sama seperti yang dicanangkan oleh Perdana Menteri sebelum ini. Mulai 11 September hingga awal Disember 2001, Kerajaan Barisan Nasional yang sedang tenat kembali pulih dan ramai orang amat tertarik dengan perspektif dan strategi kerajaan sebelum ini, cukup menakjubkan. Saya tertanya-tanya.....[Disampuk]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Tuan Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, empat Ahli Yang Berhormat bangun. Mana satu?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tidak, tidak, saya bagi Parit Sulong dahululah. Biar dialah. [Dewan gamat seketika] [Ketawa]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perbincangan sahabat saya dari Kemaman tadi.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kemamang, Kemamang.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:.....mungkin sukar diterima oleh kerana elemen KMM, elemen Mujahidin Malaysia, wujud lebih awal daripada September 11, itu realitinya. Sebab itulah media Barat mengatakan tidak ada kena mengena dengan September 11 dan soal *militancy* Islam di negara kita memang wujud sejak bertahun-tahun. Pada tahun 1984, kerajaan mengeluarkan satu kertas putih mengenai elemen *militancy* Islam yang wujud dalam negara? Adakah saudara menafikan yang dahulu lain dan sekarang lain? Ini yang saya hendak tanya dengan saudara. Terima kasih.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Apa yang saya cuba mengatakan bahawa Kumpulan Mujahidin Malaysia dianiayai dan dikambinghitamkan untuk menyelamatkan satu kumpulan lain yang dilindungi oleh kerajaan. Nanti, saya akan sampai kepada itu insya-Allah. Tuan Yang di-Pertua, saya tertanya-tanya.....

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okey bagi.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak sempat bagi ini.....*[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, setelah berlaku penangkapan terhadap orang yang dituduh sebagai KMM, Collin Powell mengeluarkan kenyataan bahawa Malaysia masih lagi dianggap melindungi kumpulan pengganas. Apakah di sini Kemaman ingin bertanya kepada Menteri Dalam Negeri iaitu, ada kumpulan lain yang cuba disembunyi oleh kerajaan Malaysia dan KMM ini, budak-budak kampung ditangkap ini hanyalah perlindungan untuk hendak ambil hati mereka, kami telah buat kerja tetapi kumpulan lain yang sebenarnya masih lagi disembunyikan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri. Setuju atau tidak, minta menteri jawab. Kemaman tidak boleh jawab.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak payah jawablah. Tidak payah jawablah.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sebenarnya, itulah tema ucapan saya bahawa ada kumpulan yang lain yang cuba diselindungi oleh kerajaan bahawa keganasan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat banyak lagi?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Banyaklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh habis dalam 10 minitkah?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya hendak sekurang-kurang.....Saya sudah berapa minit dah?

Seorang Ahli: Lima minit dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam 10 minit bolehkah?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tidak boleh, tidak boleh. Setengah jam boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukuplah. Boleh sambung minggu depan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okey. *[Dewan gamat seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, minggu depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.